Bil. 2

Isnin
13 April 2015

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH
(Halaman 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA
Mengalu-alukan Pelantikan Ahli Dewan Negara Yang Baru (Halaman 1)
Mengangkat Sumpah di Luar Dewan (Halaman 3)
Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Halaman 3)
Memperkenankan Akta-akta (Halaman 4)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 4)

UCAPAN TAKZIAH (Halaman 3)

URUSAN MESYUARAT (Halaman 5)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 5)

USUL-USUL:
Jalan-jalan Masuk ke Parlimen (Halaman 24)
Melantik Jawatankuasa Pemilih di Bawah P.M 70(1) (Halaman 25)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
– YB. Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Halaman 25)

LAMPIRAN
Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2015

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
4. " Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
5. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. " Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar (Dilantik)
   - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. " Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
8. " Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah (Dilantik)
   - *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*
9. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
10. " Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki (Dilantik)
11. " Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan (Dilantik)
12. " Dato' Boon Som A/L Inong (Dilantik)
13. " Dato' Chai Kim Sen (Dilantik)
14. " Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah (Selangor)
15. " Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik)
    - *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
16. " Tuan Chia Song Cheng (Johor)
17. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
18. " Tuan Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
19. " Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
20. " Dato' Goonasakaren A/L Raman (Dilantik)
21. " Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
22. " Dato' Dr. Hou Kok Chung (Dilantik)
23. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
24. " Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik)
    - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
26. " Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh (Dilantik)
27. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
28. " Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya (Sabah)
29. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
30. " Dato' Khairudin bin Samad (Dilantik)
31. " Tuan Koh Chin Han (Melaka)

32. Yang Berhormat Dato' Lee Chee Leong (Perak)
    - *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
33. " Datuk Lihan Jok (Sarawak)
34. " Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
35. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan (Dilantik)
    - *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
36. " Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
37. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
38. " Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
39. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
40. " Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
41. " Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
42. " Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
43. " Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
44. " Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
45. " Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin (Dilantik)
46. " Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
48. " Datuk Paul Low Seng Kuan (Dilantik)
    - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
49. " Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
50. " Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
51. " Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
52. " Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
53. " Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
54. " Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
55. " Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
56. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
57. " Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
58. " Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee (Dilantik)
59. " Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
60. " Datuk Yahaya bin Mat Ghani (Dilantik)
61. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Wilayah Persekutuan Labuan)
62. " Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
63. " To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)
64. " Tuan Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Encik Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara
Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari A/P Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Noraidah binti Manaf
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas
Siti Aishah Md Nasir
Hazliana binti Yahaya
Muhammad Dzulhazmi bin Sha'arin
Amir Arshad bin Ab Samad

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT PERTAMA

Isnin, 13 April 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Tuan Wilfred Yong Chen Leong

[Upacara Angkat Sumpah Tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA YANG BARU

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Tuan Wilfred Yong Chen Leong sebagai Ahli Dewan Negara mulai hari ini... *[Tepuk]*

Ahli Yang Berhormat sekalian dan khususnya kepada Ahli Yang Berhormat Yang Berhormat yang baru sahaja mengangkat sumpah sebentar tadi, sebagaimana lafaz taat setia yang baru sahaja Yang Berhormat lafazkan sebentar tadi menekankan supaya Yang Berhormat akan tetap taat setia pada Malaysia, di samping akan mempertahankan Perlembagaan Malaysia.

Sebagai seorang Ahli Dewan Negara tergolong kepada sebahagian Ahli Parlimen mesti memainkan peranan dan bertanggungjawab sebagai pembuat dan meminda undang-undang negara. Untuk menunaikan tanggungjawab tersebut Yang Berhormat dan termasuk saya dan semua Ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia ini mestilah mempunyai ilmu yang luas, berintegriti dan beradab sopan yang tinggi untuk membolehkan Yang Berhormat menyumbang idea-idea dan pendapat untuk memainkan peranan dan fungsi sebagai Ahli Parlimen yang berkualiti dan efektif.

Sukacita saya mengingatkan diri saya dan juga Ahli Yang Berhormat sekalian, di samping memaklumkan bahawa kita Ahli Parlimen mestilah menghormati Dewan yang mulia ini dengan menunjukkan perangai, adab, sopan dan etika yang baik. Yang Berhormat hendaklah memahami terlebih dahulu dan menghayati perkara-perkara seperti berikut.

Pertama, kita ada peraturan Dewan. Sila baca dan menghayati peraturan Dewan tersebut supaya Yang Berhormat tahu bagaimana hendak berbahas dan berdebat di Dewan yang mulia ini.

Kedua, Perlembagaan Negara iaitu Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan ini telah wujud sejak kita merdeka lagi dan perlembagaan ini adalah yang terpenting atau undang-undang yang tertinggi di dalam Malaysia. Yang Berhormat kalau boleh cuba memahami segala peruntukan dalam Perlembagaan khususnya sebagai contoh Perkara 3, Agama Persekutuan ialah Agama Islam tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dalam aman dan harmoni.

■1010

Begitu juga Artikel 11, kebebasan beragama, ada tercatat indah dalam Perlembagaan kita. Artikel 10, kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan, semuanya ada tetapi undang-undang juga ada batasan membuat batasan. Undang-undang yang dibuat dalam Parlimen ini yang membataskan had-had Ahli-ahli Parlimen boleh bercakap, yang boleh dianggap sebagai menghasut dan definisi ini dan penghayatan ini Yang Berhormat mesti faham supaya dapat Yang Berhormat mengawal kedudukan.

Akan tetapi kebebasan bercakap, saya sendiri secara peribadi memang mengalu-alukan kerana Yang Berhormat kumpulan yang membuat undang-undang negara, bebas untuk memberi pandangan tetapi batasan-batasan berhujah itu mesti ada batasannya. Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu itu telah ada tersebut dalam Peruntukan 152, mesti faham. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat ada yang tidak begitu fasih berucap Bahasa Melayu, boleh bercakap dalam bahasa Inggeris dengan terlebih dahulu mendapat persetujuan saya. Itu dalam Perlembagaan, dalam peraturan.

Begitu juga Perkara 153, beberapa keistimewaan yang tersebut dalam kepada kumpulan orang Melayu dan juga anak-anak negeri Sabah dan Sarawak. Perlembagaan itu sudah tercatat indah, sudah terima pakai di seluruh Malaysia dan diamalkan oleh seluruh masyarakat Malaysia dengan penuh bertanggungjawab. Saya tidak mahu berceloteh panjang, cukuplah setakat itu dan juga saya mengharapkan supaya persidangan kita akan mula hari ini dan berlanjutan sehingga 28 April 2015. Kita hanya ada empat hari membahaskan Titah Diraja dan di samping itu, jawapan dua hari oleh kementerian dan saya harap kementerian-kementerian dan Yang Berhormat juga mesti ambil peluang untuk membahaskan dengan penuh berhemah, berkualiti dan bertanggungjawab. Ini penting bagi saya. Di samping itu, selepas ini kita ada rang undang-undang yang banyak khususnya undang-undang POTA, undang-undang Akta (Pindaan) Hasutan dan juga beberapa undang-undang yang lain.

Kalau boleh, dengan kerjasama Yang Berhormat semua, kalau boleh saya cakap itu, sekiranya berhujah sangat baik, jangan meleret-leret, jangan mempolitikkan segala-galanya dalam Dewan ini khusus untuk membina sesuatu keputusan yang bijak dan efektif demi bangsa dan masyarakat kita di luar sana. Itu penting dan kalau sekiranya Yang Berhormat bercakap yang bukan-bukan, meleret-leret, jawabnya sampai pukul 4 pagi lah, cerita tetapi saya bersedia, *no problem*. Akan tetapi *what you must*, dengan izin, segala hujah itu mesti relevan dan berpandukan kepada peraturan dan Perlembagaan, saya benarkan. Akan tetapi kalau meleret-leret, tak tentu dah bergaduh-gaduh itu, saya ada kuasa saya. Saya tak akan teragak-agak mengambil tindakan mengeluarkan sesiapa sahaja. Itu pendirian saya. Sudah itu tak kira sama ada penyokong kerajaan ataupun pihak-pihak sebelah sana tetapi ini, Dewan kita mesti bersidang dengan lancar, baik dan mendatangkan manfaat kepada negara kita.

Sekian, terima kasih.

UCAPAN TAKZIAH

Ucapan Takziah Kepada Keluarga Allahyarham Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, sukacita saya memaklumkan bahawa Dewan yang bersidang hari ini ingin merakamkan ucapan takziah kepada Balu Allahyarham iaitu Puan Seri Kalsum khasnya dan keluarga amnya kepada Yang Berhormat Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, Ahli Parlimen Rompin yang telah kembali ke rahmatullah, ekoran daripada terlibat dalam kemalangan nahas helikopter pada tanggal 4 April 2015 yang lalu. Marilah sama-sama kita sedekahkan Al-Fatihah dan bagi yang bukan beragama Islam, boleh bertafakur selama lebih kurang satu minit.

Kita mendoakan semoga rohnya diberkati oleh Allah SWT, segala rahmat dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman serta beramal soleh.

[Ahli-ahli bangun membaca Al-Fatihah dan bertafakur seminit]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini ingin memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 29 Disember 2014:

1. Yang Berhormat Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya.

TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

10.17 pg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 9 Mac 2015, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Majlis Parlimen.

Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

[Teks Titah Ucapan adalah seperti di Lampiran]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah dluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri (Pindaan) 2014;
2. Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Pindaan) 2014;
3. Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2014;
4. Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2014;
5. Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2014;
6. Akta Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2015;
7. Akta Malaysian Airlines System Berhad (Pentadbiran) 2014;
8. Akta Perbekalan 2015;
9. Akta Kewangan (No. 2) 2014;
10. Akta Kawalan Bekalan (Pindaan) 2014;
11. Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2015;
12. Akta Arkitek (Pindaan) 2015;
13. Akta Jurutera Bahan (Pindaan) 2015;
14. Akta Penjara (Pindaan) (No. 2) 2014;
15. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas)(Pindaan) 2014; dan
16. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2014.

■1020

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“9 April 2015

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2015;
2. Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014;
3. Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2014;
4. Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014;
5. Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015;
6. Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015;
7. Rang Undang-undang Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015;
8. Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No. 2) 2015;
9. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2015;
10. Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2015;
11. Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2015;
12. Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015;
13. Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2015;
14. Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015; dan
15. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2014.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibaca bagi kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang seperti biasa kita mulakan dengan pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan. Saya harap Ahli Yang Berhormat beri kerjasama. Kalau boleh kita membuat satu perubahan supaya Yang Berhormat yang bertanya pun jangan terlalu panjang. Terus kepada soalan dan yang menjawab pun sila jawab hanya kepada soalan yang ditanya.

Seterusnya soalan tambahan itu hendaklah relevan kepada tajuk yang dibangkitkan supaya membolehkan banyak soalan dapat dijawab. Saya hendak melihat bolehkah Yang Berhormat buat bersama. Tanpa membuang masa saya mempersilakan soalan yang pertama. Silakan.

1. Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin minta Menteri Kewangan menyatakan, langkah-langkah dan usaha terkini pihak kerajaan dalam menangani isu Sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) secara lebih mendalam kerana ia dijangka memberi kesan ketara kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan miskin.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, GST telah pun mula dilaksanakan pada 1 April 2015. Dalam usaha membendung kenaikan kadar inflasi apabila kadar GST dilaksanakan, kerajaan telah dan akan melaksanakan beberapa langkah untuk mengawal inflasi dan mengurangkan kesannya ke atas golongan rakyat.

Sebagai mana yang kita tahu, pada Bajet 2014 dan juga Bajet 2015 yang diumumkan, kerajaan telah bersetuju untuk meluaskan skop barang yang tidak dikenakan GST. Antara penambahannya ialah semua jenis buah-buahan tempatan dan diimport, roti putih dan roti *wholemeal*, serbuk kopi, serbuk teh dan serbuk koko, mi kuning, kuewtiaw, laksa, dan mihun, ubat-ubatan penting nasional yang meliputi hampir 2,900 jenama ubat, bahan bacaan seperti buku mewarna kanak-kanak, buku latihan dan rujukan, buku teks, kamus dan kitab agama dan surat khabar.

Selain itu, kerajaan juga telah menaikkan kadar penggunaan elektrik yang tidak dikenakan GST daripada 200 unit kepada 300 unit pertama. Ini bermakna sebanyak 70 peratus isi rumah akan mendapat manfaat langsung.

Di samping itu, kerajaan juga telah- untuk memastikan pelaksanaan GST tidak membebankan rakyat, penjualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG diberi pelepasan GST. Selain daripada itu, dalam Bajet 2015 telah diumumkan bahawa daripada segi kadar cukai pendapatan individu akan dikurangkan satu hingga tiga mata peratusan. Melalui langkah ini, seramai 300,000 orang yang kini membayar cukai pendapatan tidak lagi perlu membayar. Manakala golongan keluarga yang berpendapatan RM4,000 sebulan tidak lagi mempunyai tanggungan cukai. Selain daripada itu, cukai pendapatan individu juga akan di struktur semula di mana pendapatan bercukai pada kadar maksimum dinaikkan daripada melebihi RM100,000 kepada melebihi RM400,000.

Selain daripada itu, mengenai isu-isu daripada segi pelaksanaan GST, pada 26 Mac 2015, kerajaan memperluaskan lagi terutamanya skop penggunaan GST yang berkadar sifar. Sebagai contoh, untuk GST yang dikenakan sifar ke atas semua buku tertentu terutamanya buku latihan, kamus, buku teks, buku rujukan, buku latihan, kitab agama, surat khabar termasuk 'e-paper', buku bergambar, buku lukisan dan buku berwarna kanak-kanak yang diumumkan sebelum ini diperluaskan kepada semua jenis bahan bacaan termasuk surat khabar.

Kerajaan juga telah memperluaskan daripada segi senarai ubat-ubat penting nasional dari 2,900 kepada 4,215. Yuran penyelenggaraan dan *sinking fund* yang dikecualikan dari GST ke atas rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah diperluaskan meliputi semua jenis bangunan kediaman yang dipegang di bawah hak milik strata. Sekian, terima kasih.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah disampaikan. Kita faham seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, barang-barang yang dikecualikan daripada GST, yang ini juga pun saya fikir telah pun di uarkan-uarkan sebelum ini, sebelum GST dilaksanakan 13 hari yang lepas.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, selepas GST mengambil tempatnya selepas dilaksanakan, kita dapati secara *bottom line*nya Tuan Yang di-Pertua, secara *bottom line*nya ialah rakyat ingin mengetahui adakah barang naik atau turun.

Didapati dibanyak tempat, kekeliruan telah pun berlaku secara meluas. Antaranya ialah soal SST tidak dikeluarkan sebelum GST dilaksanakan. Masih ada lagi banyak. Saya tidak nafikan. Kita di peringkat kerajaan telah laksanakan yang terbaik. Akan tetapi ada mereka yang tidak bertanggungjawab telah mengambil peluang daripada GST ini.

Jadi, apakah tindakan yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan dengan seberapa segera sebelum perkara ini melarat? Ini kerana pada saya, saya juga sebagai pengguna. Yang kita hendak tahu, akhirnya kita bayar lebih atau kurang kepada sesuatu barangan tersebut.

Jadi yang telah berlaku dalam masa tempoh 13 hari ini, ia tidak terjadi seperti mana yang dimaksudkan sebelum ini. Jadi, apakah langkah-langkah yang perlu diambil secara segera? Walaupun kita faham akan ada penguatkuasaan dan sebagainya tetapi ia tidak menyeluruh. Ini yang telah berlaku. Kerisauan kepada rakyat agak melampau- *the fear,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, agak terlalu kuat dengan pelaksanaan GST ini.

Saya fikir kementerian mestilah melaksanakan tindakan yang paling drastik seberapa segera. Telco contohnya. Kad-kad telco dulu dimaklumkan tidak berlaku tetapi ada tambahan 60 sen kepada kad prabayar dan sebagainya. Ini mesti diambil tindakan dengan segera supaya kita tidak mahu ada mereka yang *riding* atas pelaksanaan GST ini.

Kedua, yang ingin saya bertanyakan Tuan Yang di-Pertua ialah soal walaupun ada barangan-barangan yang dikatakan seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi, tidak dikenakan GST tetapi ada barangan-barangan itu yang dilihat kenaikannya berlaku.

■1030

Jadi, apakah tindakan yang boleh diambil oleh kementerian? Supaya perkara ini dapat dibendung sebab ini yang kita bercakap soal keselesaan rakyat dan kita tidak mahu rakyat akhirnya akan ada pihak-pihak yang mengambil peluang untuk mengelirukan rakyat dan akhirnya merugikan kerajaan daripada segi *political*. Jadi dengan izin, saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Daripada segi pelaksanaan GST, kita memang sedia maklum dalam tahap permulaan memang terdapat kekeliruan daripada segi pengeluaran juga sama ada daripada invois GST, sama ada sesuatu barang itu perlu dikenakan kadar sifar atau dikenakan kadar umum. Maka kerajaan telah nombor satunya, telah menubuhkan bilik gerakan khas yang beroperasi 24 jam khususnya untuk menjawab isu-isu berkaitan dengan GST bukan sahaja daripada segi pelaksanaan tetapi untuk menerima aduan dan sebenarnya nombor itu adalah tertera di dalam laman web KPDNKK dan juga di Kastam.

KPDNKK punya nombor adalah 1 800 88 68 00 dan juga Kastam adalah 1 300 888 500 dan tujuan bilik gerakan khas ini diadakan adalah untuk menangani terutamanya aduan-aduan yang diterima yang kita melihat memang ada yang diselesaikan secara cepat sebagai contoh untuk isu surat khabar yang dikenakan GST telah diselesaikan. Daripada segi kad *Telco* atau kad prabayar, dia masih dalam tahap perbincangan kerana mereka memerlukan masa untuk menyesuaikan sistem yang telah dilaksanakan dan kita yakin dalam satu bulan ini terdapatlah penyelesaian yang kita harapkan.

Daripada segi untuk menggerakkan terutamanya aduan-aduan yang telah diterima, KPDNKK telah melancarkan pelbagai boleh dikatakan lawatan dan mereka juga telah mengenakan denda kepada peniaga-peniaga yang telah boleh dikatakan menaikkan harga tanpa mempunyai sebab yang munasabah tetapi kerana kadar nilai mata wang ringgit yang menurun, terdapat barang yang naik bukan kerana GST tetapi kerana kadar pertukaran wang di antara Malaysia dengan mata wang asing. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Dato' Dr. Asyraf.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, kita menyedari bahawa pihak kementerian telah banyak melakukan program-program penerangan dan memakan belanja jutaan ringgit. Apakah pihak kementerian sudah melakukan penilaian sejauh manakah penerangan-penerangan ini benar-benar memberi kesan kepada gambaran dan juga kefahaman rakyat di bawah sana? Ini sebab didapati secara umumnya, makin banyak penerangan makin banyak juga seolah-olah rakyat ini mempersendakan penerangan yang dilakukan.

Jadi, apakah jutaan Ringgit yang dibelanjakan itu benar-benar memberi kesan terhadap kefahaman rakyat di peringkat bawah? Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya saya sendiri telah melawat beberapa buah kedai terutamanya kedai-kedai runcit yang memang menghadapi masalah daripada segi pelaksanaan GST dan saya mendapat tahu bahawa mereka sebenarnya telah juga mendapat maklumat daripada taklimat-taklimat yang dianjurkan. Memang setiap negara yang melaksanakan GST dalam tahap penyesuaian terutamanya di antara enam bulan sehingga setahun, mereka memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dan ini bukan khas di Malaysia sahaja tetapi setiap negara yang melaksanakan GST menghadapi cabaran ini termasuklah negara-negara maju seperti Australia. Maka dalam jangka masa yang pendek ini, kita telah menegaskan nombor satu, agar pihak Kastam sentiasa turun padang untuk memberi *advisory audit* dan bukan serta-merta membuat denda KPDNKK juga haruslah memberi lebih banyak daripada segi lawatan sambil memberi taklimat untuk memastikan peniaga-peniaga dan juga daripada segi pengguna lebih memahami daripada segi GST. Terima kasih.

2. Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam minta Menteri Pendidikan menyatakan, harapan kementerian berhubung kesinambungan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (Pendidikan Prasekolah hingga Lepasan Menengah) 2013-2025, dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, yang bertujuan memastikan pendidikan Negara menuju sistem yang bertaraf dunia.

Menteri Pendidikan II [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat enam pertanyaan yang berhubung kait dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2015 dalam pendidikan tinggi iaitu Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali Rustam pada 13 April iaitu pada hari ini; Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin pada 15 April; Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi A/P K. Krishnan pada 21 April; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad pada 21 April; Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin pada 26 April; dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin E. S Abd Samad pada 28 April. Sehubungan dengan ini, izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan ini secara serentak enam soalan kerana mempunyai hubung kait di antara satu dengan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2015 ataupun dalam pendidikan tinggi ataupun secara ringkasnya dikatakan PPPM (PT) atau pendidikan tinggi telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada minggu lalu iaitu pada 7 April. Ia merupakan kesinambungan daripada Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara yang dulu dipanggil PSPTN dan juga disejajarkan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia di sektor pendidikan sekolah dan untuk makluman Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, PPPPM Pengajian Tinggi telah digubal dengan menjadikan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang terdahulu sebagai kerangka asas. Ia berlandaskan kepada kerangka asas yang terdahulu yang ditambah baik mengikut kehendak dan keperluan semasa.

Penggubalan PPPM PT ini bermula dengan satu kajian menyeluruh terhadap PPPM Sektor Sekolah dengan PSPTN di mana sebuah dokumen integrasi telah dihasilkan dengan menjajarkan komponen-komponen utama dalam kedua-dua pelan berkenaan. Selain daripada itu, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin E. S Abd Samad, pelan ini juga disediakan dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak berkepentingan melalui proses kaji selidik, sesi dialog, makmal pendidikan, perbincangan meja bulat, bengkel dan sesi pendengaran awam yang melibatkan 100 orang pemegang taruh, 30 orang pakar penasihat antarabangsa, tempatan serta 10,500 orang peserta. Ia juga telah diletakkan dalam atas talian di kementerian. Di samping itu juga, kementerian juga merujuk laporan kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh agensi antarabangsa seperti Bank Dunia, UNESCO dan OECD.

Dalam meluluskan kesinambungan pembangunan insan yang holistik seperti mana dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad dan juga Senator Datuk Chin Su Phin, PPPM PT telah menggariskan sepuluh lonjakan. Fokus utama yang dalam pembentukan modal ini dijelaskan dalam rujukan pertama. Rujukan pertama merupakan rujukan yang paling penting yang utama iaitu untuk melahirkan graduan yang holistik yang berciri keusahawanan dan juga seimbang di mana penumpuan kepada usaha membangunkan kurikulum yang lebih holistik dan bersepadu selain meningkatkan ekosistem untuk pembangunan pelajar.

Ini dengan menambah baik pembelajaran pelajar dengan memperluaskan lagi kolaborasi industri dalam segala bentuk. Keduanya, dengan membentuk satu sistem purata nilai gred kumulatif bersepadu ataupun *integrated CGPA*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua untuk menilai pembinaan pelajar yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Sistem baru ini bukan sahaja akan menilai pengetahuan ataupun kemahiran berfikir semata-mata sebagaimana amalan sekarang tetapi juga ciri-ciri utama yang membentuk aspirasi pelajar Malaysia iaitu etika dan juga kerohanian sebagaimana ucapan Tan Sri Yang di-Pertua mula-mula tadi. Kemahiran kepimpinan, patriotisme, kemahiran komunikasi dan berbahasa dan juga kesukarelawanan ataupun *volunteerism* dan juga memberi kepentingan untuk mempelajari kemahiran keusahawanan.

■1040

Selaras dengan Transformasi Pendidikan Vokasional yang telah dilaksanakan oleh kementerian, untuk makluman Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, program TVET iaitu *Technical and Vocational Education and Training*, juga diharusperdana dan direkayasakan bagi membangunkan modal insan yang berkemahiran tinggi. Dengan ini pelajar-pelajar dari kolej vokasional dalam ronyokkan keempat, kita lihat telah menyediakan platform untuk mereka menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi melalui serta pendidikan berkualiti yang berimpak tinggi. Kita mempunyai 91 buah kolej komuniti, 33 buah politeknik dan empat buah universiti teknikal ataupun MTUN.

Kementerian berkeyakinan sasaran untuk menghasilkan 2.5, kali ganda peningkatan enrolmen TVET kepada 65,000 orang pelajar menjelang tahun 2025 pasti akan dapat direalisasikan. Begitu juga dengan pendidikan TVET ini, ia telah ditambah baik dan kita lihat TVET di peringkat politeknik telah dapat akreditasi untuk sebagai contoh Politeknik Ungku Omar, Politeknik Sultan Salahuddin, Politeknik Abdul Aziz Shah dan juga Politeknik Ibrahim Sultan telah dianugerahkan pingat emas. Saya hendak ulangi, Pingat Emas, *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission* (APACC) yang merupakan satu-satunya badan akreditasi dan persijilan yang menilai institusi TVET di rantau Asia Pasifik.

Untuk makluman Yang Berhormat Puan Bathmavathi A/P K.Krishnan, kementerian juga tidak pernah meminggirkan mana-mana golongan termasuk masyarakat kelainan upaya. Satu buah laluan khas untuk OKU memang sudah sedia ada dalam dasar pengambilan masa kini, di mana calon-calon OKU hanya perlu memenuhi syarat-syarat am universiti dan juga syarat-syarat khas dan *inshaaAllah* mereka akan diberi laluan khas.

Kementerian juga amat berharap agar proses pembelajaran tidak akan terhenti di peringkat tinggi sahaja. Kita mempunyai hasrat supaya pembelajaran sepajang hayat menjadi satu cara hidup rakyat di negara ini. Oleh itu, kita memberi penekanan pelajar-pelajar boleh menggunakan model pembelajaran baru seperti MOOC atau *Massive Open Online Courses* dan juga pengiktirafan akreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu ataupun APEL, dengan izin, *Accreditation of Prior Experiential Learning* juga diharapkan dapat meningkatkan enrolmen pelajar pembelajaran sepanjang hayat. Misalnya pelajar untuk APEL, misalnya pelajar dengan kelayakan Diploma mempunyai pengalaman bekerja beberapa tahun dan menamatkan pelbagai kursus pendek boleh diterima terus dalam program Sarjana dalam bidang yang sama.

Dalam menjayakan transformasi pendidikan ini, termasuk pelan-pelan pembangunan pendidikan yang sedia ada sedang dan akan dilaksanakan terutamanya PPPMPT, Jawatankuasa Pendidikan Tinggi Putrajaya yang diterajui sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pendidikan telah ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan pelan ini. Namun begitu, peranan dan sokongan padu dari semua pihak Yang Berhormat amatlah diharapkan untuk melihat agar Pelan Pembangunan Pendidikan negara kita ini akan menjadi pelan yang hebat di peringkat dunia.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sebentar tadi berkaitan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, Pendidikan Tinggi atau PPPMPT. Soalan saya, bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan kedudukan universiti-universiti kita dalam ranking dunia pada masa kini? Saya difahamkan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, bagi memastikan pencapaian terbaik PPPMPT, kementerian telah melantik ahli jawatankuasa PPPMPT bagi membolehkan jawatankuasa memantau memastikan agar pencapaian PPPMPT adalah yang terbaik. Bolehkah senaraikan nama-nama ahli jawatankuasa berkenaan dan apakah kecenderungan hingga mereka dipilih. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Tan Sri Senator. Sebenarnya tidak ramai yang mengetahui bahawa kedudukan universiti ini kita ini agak baik dibandingkan dengan universiti-universiti setara di dunia. Memang kita tidak mengatakan kita tidak dapat lagi mencapai sehebat University Oxford, Cambridge, Harvard, Stamford dan sebagainya. Akan tetapi kedudukan Universiti Malaya di tangga 151 yang peningkatan dari tangga 167 sebelum pada ini, merupakan antara universiti yang terbaik di dunia yang lebih baik daripada *University of Exeter, PolyU Hong Kong,* politeknik universiti, lebih baik dari *Universiti Barcelona, Stockholm University, Vanderbilt University, Tel Aviv University, Georgetown University, University of Canterbury, Laval University, George Washington University, Royal Melbourne Institute of Technology* dan juga *Heriot-Watt University.*

Daripada banyak universiti yang kita rasa hebat ini, sebenarnya Universiti Malaya lebih hebat. Kita lihat peningkatan saya katakan tadi dari 167 meningkat tangga 151. Sama juga dengan universiti yang lain, UKM meningkat daripada 269 ke-259, UTM meningkat daripada 355 ke-294, USM meningkat 355 ke-309. Kebanyakan semua lima buah universiti penyelidik kita meningkat. Ini mengatakan bahawa saya menggunakan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *our Malaysian education is slowly upwards*, peningkatan yang berterusan. Memang saya katakan kita tidak sampai lagi carta Oxford, Cambridge tetapi kita telah meningkat dari semasa ke semasa.

Ahli Jawatankuasa Pendidikan Tinggi Putrajaya dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi, di mana dianggotai oleh saya sendiri Menteri Pendidikan II, EPU, Kementerian Kewangan dan juga MOSTI dan agensi-agensi yang terlibat di dalam bidang pendidikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sesetengah negara mempunyai suruhanjaya pengajian tinggi yang menguruskan penyeliaan akademik, pentadbiran dan kewangan untuk memastikan universiti itu *autonomous*. Adakah pihak kementerian ataupun kerajaan bercita-cita untuk memperkenalkan cara suruhanjaya pengajian tinggi ini untuk membuat penyeliaan tersebut? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya kalau kita lihat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini sendiri, kita melihat bahawa kita memberi penekanan kepada pemantapan tadbir urus dan juga kemampuan kewangan universiti-universiti negara kita ini. Jika kita bandingkan universiti negara kita ini, hampir 80 peratus bergantung kepada kewangan daripada kerajaan. Ada yang lebih 90 peratus, terutama universiti-universiti yang baru. Walau bagaimanapun, semangat autonomi itu telah diterapkan dalam pemantapan pentadbiran urus dan juga kemampuan kewangan ada pada mereka.

Oleh sebab itulah banyak universiti telah diberi autonomi secara berperingkat untuk memastikan mereka boleh membuat keputusan sendiri. Ramai juga yang perlu diberi kefahaman bahawa Senat Universiti mempunyai *authorities* yang banyak, terutama untuk melaksanakan pengambilan pelajar, untuk menentukan kursus-kursus yang dilaksanakan di universiti yang sepatutnya digunakan sepenuhnya oleh Senat Universiti untuk memastikan proses autonomi universiti ini akan terus ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab Menteri menjawab, saya membenarkan seorang lagi Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salah satu pendekatan daripada pelan baru ini ialah pensyarah-pensyarah daripada sektor industri dan swasta diberi peluang untuk menjadi pensyarah. Ini satu pendekatan yang baik untuk penuntut-penuntut kita cepat belajar bukan sahaja daripada segi teorinya sahaja, tetapi juga praktikal dan ia amat baik untuk kecemerlangan negara.

Apa yang saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua ialah, macam mana sambutan daripada pihak industri dan swasta itu? Adakah mereka tampil ke hadapan atau sebaliknya? Terima kasih.

■1050

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana dikatakan lonjakan pertama ialah untuk melahirkan graduan-graduan yang holistik yang berciri keusahawanan dan juga yang seimbang. Oleh itu ia perlu di serta dengan pensyarah-pensyarah juga yang mampu untuk menterjemahkan keperluan tersebut. Sebab itu ada empat buah trek ataupun saluran pensyarah-pensyarah universiti. Satunya mereka yang hanya ingin mengajar, keduanya mereka ingin membuat penyelidikan, ketiganya mereka ingin menjadi pemimpin universiti, dan keempatnya sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi mereka yang datang dari bidang profesional agar pelajar-pelajar graduan-graduan tahu apa sebenarnya yang berlaku di luar sana.

Alhamdulillah, kita lihat sambutannya begitu baik sekali. Kalau kita lihat *CEO AirAsia* Tony Fernandez, setuju untuk mengajar universiti-universiti sebanyak 30 jam setahun. Sama juga diikuti oleh *Chairman,* Pengerusi Media Prima Tan Sri Johan Jaafar, CEO CIMB Malaysia, YM Tengku Dato' Zafrul Tengku Abdul Aziz, daripada *Managing Director* Shell Malaysia Encik Azman Ismail, *Chief Executive Officer* Hua Wei ini yang dari luar, dari negeri China, Abraham Liao Kang Presiden Samsung, Presiden Novartis Corporation Malaysia, Michaela Dinboeck, dari Khazanah tidak lain MD Khazanah sendiri Tan Sri Azman Mokhtar, Maybank, dari banyak lagi syarikat-syarikat lain. Baru-baru ini semasa pertemuan saya dengan *Higher Commissioner* di United Kingdom dia kata banyak lagi CEO-CEO dari England, *United Kingdom* yang sanggup memberikan syarahan mereka di universiti-universiti kita.

Oleh sebab itu saya mengatakan *inshaaAllah* dengan tindakan-tindakan, banyak lagi kalau saya hurai mungkin terlalu panjang, lonjakan sepuluh ini akan memastikan universiti kita akan menjadi universiti yang lebih baik pada masa-masa yang datang atau saya menggunakan perkataan tadi *soaring upwards*, peningkatan berterusan universiti-universiti di negara kita, *inshaaAllah.*

3. Datuk Jamilah @ Halimah Sulaiman minta Menteri Pertahanan menyatakan, jumlah rakyat asing yang telah dapat dikesan kerana telah diterima masuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia dengan menggunakan kad pengenalan palsu atau melalui "Projek IC".

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman, sememangnya angkatan tentera sehingga kini tidak pernah menghadapi situasi di mana ada anggota-anggota yang diterima memasuki Angkatan Tentera Malaysia menggunakan kad pengenalan palsu. Sebagai calon yang diterima memasuki Angkatan Tentera Malaysia akan melalui proses tapisan yang ketat terlebih dahulu.

Pihak Angkatan Tentera Malaysia menyemak semua rekod bakal perajurit sama ada terlibat dengan kes jenayah atau tidak dan semakan ketat ini adalah bagi memastikan calon-calon Angkatan Tentera Malaysia adalah bebas daripada sebarang rekod jenayah dan mempunyai taraf warganegara Malaysia yang sah. Pihak angkatan tentera Malaysia sentiasa menjalinkan kerjasama rapat dengan pihak polis iaitu PDRM, dab Jabatan Pendaftaran Negara untuk proses tapisan setiap calon yang terpilih menyertai angkatan tentera Malaysia, terima kasih.

Datuk Jamilah @ Halimah Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab.

Soalan tambahan saya ialah berapakah jumlah rakyat Malaysia dari negeri Sabah berkhidmat di dalam angkatan tentera? Apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk seseorang warganegara yang berminat untuk menjadi anggota tentera sebagai pegawai atau lain-lain pangkat? Soalan ketiga ialah, apakah langkah dan tindakan kementerian untuk memastikan tiada anggota tentera yang menyokong dan menyertai IS? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah. Untuk makluman Yang Berhormat sehingga kini dan statistik yang terkini menunjukkan bahawa seramai 4,707 orang rakyat Malaysia dari Sabah yang menganggotai Angkatan Tentera Malaysia yang terdiri daripada jawatan lain-lain pangkat, manakala bagi jawatan pegawai 18 orang.

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat berkaitan dengan syarat-syarat untuk menjadi seorang pegawai Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia sememangnya mempelawa mereka yang berkelayakan Ijazah Sarjana Muda untuk berkhidmat dengan perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia dan syarat-syaratnya ialah seseorang yang ingin bekerja menjadi pegawai tentera darat mestilah berumur tidak melebihi 27 tahun pada 31 Disember 2014.

Daripada segi fizikal tentera darat lelaki haruslah mempunyai ketinggian 1.7 meter, wanita 1.65 meter. TLDM dan TUDM lelaki haruslah 1.62 meter dan wanita 1.57 meter. Berat minimum lelaki 47.5 kilogram, wanita 45 kilogram. Ukuran dada minimum 76 sentimeter bagi lelaki sahaja dan *body mass index* 18 hingga 23 bagi lelaki dan wanita. Taraf kesihatan juga haruslah lulus pemeriksaan kesihatan dan dijalankan oleh pegawai perubatan ATM dan tahap penglihatan 6/6 tanpa kaca mata dan kanta lekap.

Mereka ini haruslah juga mempunyai kelulusan daripada Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian dan memperoleh keputusan penilaian purata kumulatif 2.7 ke atas dalam jurusan-jurusan seperti kejuruteraan, seni bina, teknologi maklumat, perhotelan dan katering, kewangan dan pengurusan pendidikan. Apabila mereka yang berjaya dan terpilih akan dilantik sebagai pegawai kadet graduan untuk menjalani latihan Pegawai Kadet Graduan di Kolej Tentera Darat, Kolej Diraja Sultan Idris dan Kolej Tentera Udara. Selain daripada itu ada juga yang menggunakan saluran Universiti Pertahanan Nasional Malaysia untuk menjadi pegawai kadet dan selanjutnya menjadi pegawai tentera.

Bagi mereka yang berminat untuk menjawat jawatan lain-lain pangkat bagi Angkatan Tentera Malaysia, sememangnya bagi tiap-tiap perkhidmatan Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara mempunyai syarat-syarat yang berbeza-beza, tetapi secara umumnya sekurang-kurangnya mereka yang ingin menjadi anggota lain-lain pangkat Tentera Darat haruslah mempunyai kelulusan SPM dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia, Matematik dan salah satu subjek Sains dan lulus dalam Bahasa Inggeris iaitu SPM bagi 2013 dan 2014. Bagi 2014 haruslah lulus subjek sejarah.

Selain daripada itu, mereka juga mungkin daripada memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Diploma dalam bidang kejuruteraan atau pembantu perubatan dan Sijil Tinggi Persekolahan atau STPM. Syarat-syarat kelayakan yang lain iaitu haruslah warganegara Malaysia berumur tidak lebih daripada 18-23 tahun, taraf perkahwinan mestilah bujang dan tidak pernah berkahwin bagi wanita sahaja. Tidak ada kes-kes polis dan kes mahkamah, tahap kesihatan yang memuaskan seperti mana yang ditetapkan dan kriteria pemilihan haruslah berdasarkan kepada merit ataupun kelayakan akademik, ujian bakat ataupun IQ dan *psychological test* serta ujian kecergasan selain daripada beberapa syarat fizikal yang telah ditetapkan. Oleh sebab itu bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang lain ada syarat-syarat yang lain dan bagi yang mereka berminat boleh mendapatkan syarat-syarat daripada kita.

■1100

Untuk soalan Yang Berhormat berkaitan dengan penglibatan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia untuk mengekang pengaruh IS yang sememangnya melebar di negara kita yang disahkan oleh pihak polis adalah lebih kurang hampir 70 orang telah terlibat.

Untuk makluman Yang Berhormat, Angkatan Tentera Malaysia melalui Bahagian Siasatan dan Perisikan (BSPP), Bahagian Sumber Manusia dan Kor Agama Angkatan Tentera bekerjasama untuk memantau kegiatan ini dan akan memastikan bahawa sekiranya ada unsur-unsur di mana mereka terlibat, pihak Angkatan Tentera Malaysia akan bekerjasama dengan polis. Yang penting sekali melalui Kor Agama Angkatan Tentera, kita juga akan berusaha untuk memulihkan akidah mereka sekiranya mereka terlibat secara tidak sengaja dalam perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Dr. Syed Husin Ali minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sama ada kerajaan akan meningkatkan keadaan kebersihan lokap-lokap, penjara-penjara dan pusat-pusat penahanan di dalam negara, dan sama ada wujud mekanisme atau pihak yang memantau perkara tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini adalah bertanya berhubung dengan kebersihan dalam lokap-lokap penjara dan pusat penahanan. Jadi, di bawah Kementerian Dalam Negeri, ada empat buah agensi yang mempunyai lokap dan tempat tahanan iaitu Jabatan Penjara, Polis Diraja Malaysia, Imigresen dan juga AADK. Tiap-tiap agensi ini mempunyai arahan-arahan yang tertentu khususnya penjara mempunyai Akta Penjara yang menggariskan soal kebersihan. Suka saya hendak sebutkan di sini ialah bahawa peraturan ini semua menekankan aspek utama dalam pembinaan disiplin dari setiap panduan ialah untuk kebersihan peribadi dan sendiri. Kebersihan ini dilaksanakan secara sistematik dalam semua sudut, bukan sahaja dalam sudut lokap tetapi juga kebersihan tempat kediaman, tempat *recreation* dan tempat mereka belajar, membaca buku dan sebagainya.

Yang kedua ialah pemeriksaan yang dilaksanakan pada setiap hari oleh kakitangan penjara untuk menjaga kebersihan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dalam peraturan yang telah ditetapkan ini.

Ketiga, pegawai perubatan juga membuat lawatan yang berkala ke penjara tiap-tiap masa mereka datang untuk melihat keadaan kebersihan di kawasan-kawasan tersebut bukan sahaja berlandaskan peraturan yang ada di bawah perundangan tetapi juga mengikut apa yang dianggap oleh pihak kebersihan ataupun kesihatan dianggap sebagai satu perkara yang penting untuk menjaga kebersihan mereka.

Keempat, seterusnya Lembaga Hakim Pelawat. Lembaga Hakim Pelawat ini ditubuhkan di bawah satu peraturan juga yang dilantik oleh pihak Menteri, diketuai khususnya oleh seorang Majistret yang kanan yang diadakan di tiap-tiap negeri untuk melawat penjara untuk melihat semua aspek, bukan sahaja sudut kebersihan tetapi juga kesesuaian untuk melihat peraturan-peraturan penjara itu diikuti dan dipatuhi.

Kelima ialah pihak SUHAKAM, pihak Suruhanjaya *International Committee of a Red Cross* dan NGO-NGO lain juga membuat lawatan yang hampir tiap-tiap bulan badan-badan ini melawat ke penjara untuk melihat perkara-perkara yang ditetapkan dalam peraturan dan undang-undang dipatuhi dan membuat cadangan dan saranan kepada pihak penjara untuk dipatuhi. Ini dari sudut penjara.

Di bawah polis pula, Tuan Yang di-Pertua, panjang cerita saya ini Tuan Yang di-Pertua, minta maaflah. Di bawah polis pula dia orang mempunyai empat peraturan iaitu yang pertama; IGSO ataupun *Inspector General Standing Orders* dan di bawah tiap-tiap negeri ada mempunyai Ketua Polis Negeri *Standing Orders*.

Selepas itu, di daerah pula, *standing orders* untuk pegawai daerah dan juga pegawai stesen. Tiap-tiap ini dilengkapi dengan beberapa fakta yang tertentu bahawa tiap-tiap pegawai jaga daerah mesti membuat lawatan kepada polis stesen dan memeriksa tiap-tiap kali lokap sekurang-kurangnya satu kali sehari. Tiap-tiap kali pertukaran syif duti, dia ada tiga syif duti, tiap-tiap kali pertukaran itu, pemeriksaan mestilah dibuat oleh pegawai yang *in charge* pada hari yang tertentu.

Jadi maknanya ada kawalan dan pemeriksaan, pemantauan yang dibuat- tiap-tiap hari. Dari sudut ini pula, pegawai-pegawai ini ada dimaklumkan kepada kita juga bahawa ada kalanya dalam keadaan kesibukan dan sebagainya, tidak mengikuti pemeriksaan ini setiap kali mereka bertukar syif. Akan tetapi kita dah tubuh jabatan iaitu Jabatan Pemantauan Standard pihak polis dan pegawai ini daripada jabatan ini akan membuat *random check* kepada tiap-tiap pematuhan kepada standard yang telah ditetapkan di bawah empat *standing orders* yang saya sebutkan tadi. Mana-mana pegawai *in charge police station* ataupun OCPD yang tidak mematuhi standard ini akan dimasukkan ke dalam indeks prestasi mereka.

Jadi dalam keadaan sedemikian, dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kita juga mesti menerima hakikat bahawa masih ada 50 peratus buah *police station* di seluruh negara belum lagi diganti dengan penggantian baru, masih dalam keadaan polis stesen yang dibina dalam masa empat ataupun lima puluh tahun yang lepas, pada tahun 60-an, 70-an. Jadi mereka ini mempunyai garis panduan yang tertentu yang ada pada ketika itu yang mana mungkin tidak memenuhi standard-standard yang kita lihat sekarang yang perlu pada ketika ini.

Jadi maknanya polis stesen yang dibina pada ketika itu masih menggunakan standard yang dibuat atau garis pandu oleh pihak koloni dulu yang masih wujud di negara kita tetapi penggantian ini masih berkala. *In shaa-Allah* dengan sokongan daripada pihak kerajaan untuk memberi sumber kewangan, kita boleh meneruskan pembinaan *police station* di tiap-tiap daerah dan kampung yang mempunyai *police station* dengan *police station* yang baru.

Begitulah seterusnya pihak Imigresen dan juga pihak AADK mempunyai garis panduan yang tertentu diberi oleh Ketua Pengarah masing-masing yang perlu dipatuhi oleh semua pegawai yang menjaga tempat-tempat tersebut. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Sebenarnya peraturan-peraturan itu nampak indah tetapi kalau kita lihat keadaan sebenarnya, banyak perkara yang tidak dilaksanakan. Saya ambil contoh yang kecil sahaja Tuan Yang di-Pertua. Pertama, kita ambil baju dan kain selimut misalnya. Saya tidak tahu pernah atau tidak dibasuh kerana terlalu busuk.

Kedua, bilik air. Bilik air lantainya berlumut, jambannya selalu tersumbat dan baunya busuk. Saya sebagai seorang tahanan misalnya menawarkan diri untuk membasuh tetapi tidak dibenarkan membasuh bilik air itu, tidak tahulah apa sebabnya.

Begitu juga makanan, makanannya bukan sahaja kurang daripada segi kesihatan tetapi juga kadang-kadang dibungkus hanya dengan kertas surat khabar. Jadi saya hendak tahu, selain daripada ada peraturan, ada pemantauan, adakah dilaksanakan betul-betul peraturan-peraturan ini dan apakah cara yang hendak menentukan dilaksana betul-betul peraturan itu supaya semuanya berjalan dengan baik.

Keduanya saya ingin tahu, jumlah peruntukan bagi makanan dalam lokap terutama bagi pagi, tengah hari dan petang? Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini amat spesifik khususnya kos makanan. Sebagaimana yang saya tahu, kos makanan ini *range* nya di antara RM8 ke RM12 mengikut negeri dan mengikut tender yang telah diberi dan diterima oleh pihak kerajaan untuk memberi makanan. Kalau di penjara umpamanya, patutnya ada lima kali makan, sarapan pagi, lepas itu pukul 10, pukul 12, pukul 3 dan petang pukul 6.

■1110

Jadi itu makanan yang diberi tetapi kos dia ada di antara RM9 lebih dan ada juga RM12 lebih sehari mengikut negeri. Kalau di Sarawak itu dia lebih tinggi kerana bahan makanan itu lebih mahal. Mungkin di Sabah rendah sedikit dari Sarawak tetapi tinggi daripada Semenanjung. Semenanjung keseluruhannya di antara RM9 ke RM10 pada satu hari untuk makanan. Itu yang pertama.

Kedua pada sudut kebersihan itu saya memang menerima hakikat bahawa ada tempat-tempat yang belum lagi dapat kita bersihkan keseluruhannya kerana banyak. Umpamanya penjara, kita masih mempunyai penjara yang dibina pada tahun abad ke-18, 1800 dahulu. Jadi penjara kini masih mempunyai kemudahan-kemudahan sebagaimana yang dirancang oleh pihak British untuk kita dahulu. Jadi ini kita hendak perbaharukan kalau mendapat sumber kewangan nanti.

Bagaimanapun penyucian kita dia tetap tidak begitu menarik, tidak baik. Saya sendiri banyak melawat tempat-tempat macam ini Tuan Yang di-Pertua, saya menerima saya bersetuju dengan Tuan Syed apa yang disebut tadi. Jadi dalam masa yang sama saya sekarang tengah masih menubuh- tiap-tiap agensi menubuhkan sebagaimana yang di tubuh oleh pihak polis, Jabatan Pematuhan Standard ini di tiap-tiap agensi di bawah KDN. Saya telah mendapat restu daripada pihak kementerian supaya melihat ini tetapi rintangan dan halangan kita dari sudut keanggotaan dan sumber kewangan untuk memperbesarkan badan-badan ini supaya mereka membuat pemeriksaan sendiri kepada pegawai-pegawai yang tidak mematuhi kepada arahan-arahan telah ditetapkan oleh kerajaan. Diterima sebagai undang-undang yang sepatutnya dipatuhi untuk dilaksanakan. Tidak ada perbezaan tahanan ini sama ada tahanan jenis politik ataupun tahanan orang dipenjara sebenarnya.

Jadi apa yang saya dengar tadi saya rasa terkilan juga oleh sebab dilarang untuk menyuci. Sebenarnya kita menggunakan guna tenaga dalam penjara itu sendiri untuk menyucikan tempat-tempat kediaman mereka sendiri. Jadi saya akan ambil perhatian, terima kasih.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian kepada pihak Menteri mengenai penghuni penjara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang kesihatan yang berlainan. Ingin saya merujuk kepada satu laporan kesihatan yang melaporkan terdapat peningkatan jangkitan tibi, HIV, hepatitis dan juga sebagainya di kalangan rakyat di Malaysia ini. Jadi soalan saya, adakah pihak berwajib menjalankan penyiasatan terhadap penghuni pusat-pusat tahanan ini sebagai mengekang penyakit ini menular kepada penghuni-penghuni yang lain atau kepada kakitangan pusat tahanan itu sendiri. Jika apakah langkah selanjutnya dan apakah langkah kawalan penyakit berbahaya supaya ia tidak merebak kepada yang lain? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apabila saya masuk ke dalam kementerian ini dua tahun yang lepas, hampir dua tahun yang lepas. Perkara yang pertama saya ambil tindakan ialah berhubung dengan laporan yang dibuat oleh Profesor Universiti Malaya Dr. Nor Adibah dari Universiti Malaya berhubung dengan penyakit jangkitkan khususnya tibi di kalangan masyarakat di dalam penjara. Akan tetapi setelah kita selidiki dan lihat secara keseluruhannya sebenarnya sebuah penjara sahaja yang terkena di bawah selidikan Universiti Malaya iaitu Penjara Kajang yang mempunyai implikasi tibi yang tinggi. Sebenarnya itu *dormant TB-Tuberculosis* tetapi yang lain itu tidaklah begitu tinggi tetapi walau bagaimanapun tindakan telah diambil.

Saya telah berbincang dengan Profesor Adibah dua kali dan saya telah memohon kepada pihak penjara meminta pihak penjara untuk buat permintaan, permohonan kepada pihak kerajaan. Untuk mengadakan di tiap-tiap penjara kita mengadakan pegawai kesihatan. Atas nasihat Profesor Adibah ini saya dinasihatkan tidak payah menggunakan doktor kata dia bahkan *senior nurse* yang pakar dalam sudut *screening* penyakit ini kata dia mencukupi. Jadi berlandaskan itu kita telah membuat permohonan kepada pihak kerajaan, permohonan kita ini masih dikaji oleh pihak JPA kerana implikasi kewangan pelantikan pegawai. Saya juga berbincang dengan Menteri Kesihatan berhubung dengan perkara ini macam mana kita boleh bekerjasama dalam konteks *National Blue Ocean Strategy*. Untuk menyediakan pegawai-pegawai kesihatan untuk memeriksa lebih kerap lagi di tiap-tiap penjara di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita amat sedar dan kita terima kasih dengan soalan Yang Berhormat tadi itu. Terima kasih.

5. Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai minta Menteri Luar Negeri menyatakan, pelan jangka panjang kerajaan sebagai Pengerusi ASEAN dan apakah objektif utama yang ingin dicapai tanpa membelakangkan kepentingan negara terlebih dahulu.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk memberikan jawapan secara serentak kepada lima pertanyaan yang menyentuh mengenai isu yang sama daripada Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman bertarikh 13 April; Yang Berhormat Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman bertarikh 15 April; Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim bertarikh 15 April; Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong bertarikh 20 April; dan Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah bertarikh 28 April.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator atas pertanyaan dan penghargaan yang diberikan kepada kementerian ini. Kepengerusian ASEAN pada tahun yang bersejarah ini merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan bagi Malaysia dalam mengemudi ASEAN saat-saat genting pembentukan Komuniti ASEAN 2015 dan dalam persediaan ASEAN menempuh era pasca 2015.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sebagai pengerusi ASEAN, fokus utama Malaysia terbagi kepada dua iaitu pertama untuk memastikan pelaksanaan baki garis tindakan seperti yang terkandung dalam tiga Pelan Tindakan Komuniti ASEAN dan memuktamadkan pelan hala tuju Komuniti ASEAN 2009-2015. Kedua, untuk membangunkan dan memuktamadkan visi Komuniti ASEAN pasca 2015 dan dokumen-dokumen iringannya.

Mengenai penubuhan Komuniti ASEAN pada 31 Disember 2015 kemuktamadan komuniti ASEAN tersebut merupakan kemuncak kepada integrasi serantau yang telah bermula sejak tertubuhnya ASEAN sejak lima dekad yang lalu iaitu pada tahun 1967. Penubuhan Komuniti ASEAN ini akan dimanifestasikan melalui pelaksanaan penuh kesemua garis tindakan seperti yang terkandung di dalam Pelan Tindakan Komuniti ASEAN. Ketiga-tiga Komuniti ASEAN iaitu Komuniti Politik-Keselamatan, Komuniti Ekonomi dan Komuniti Sosiobudaya saling melengkapi dan mencukupi dan merupakan asas penting kepada kemajuan serta evolusi ASEAN dan warganya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai manfaat yang boleh diperolehi melalui kepengerusian Malaysia ini sukacita saya maklumkan bahawa imej negara sebagai negara pengasas ASEAN dan peneraju dalam isu-isu semasa rantau Asia Tenggara dapat dipertingkatkan. Peningkatan imej negara di rantau Asia Tenggara dan dunia secara tidak langsung akan menarik lebih ramai pelabur ke Malaysia terutama pelabur asing dan akan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Secara amnya sebagai pengerusi ASEAN Malaysia dapat mengutarakan pandangan dan idea-idea baru dalam proses menggubal dokumen-dokumen ASEAN. Serta mempengaruhi keputusan mesyuarat-mesyuarat di peringkat ketua-ketua negara atau ketua-ketua kerajaan dan para Menteri ASEAN serta rakan dialog ASEAN. Dalam hal ini Malaysia boleh memastikan kepentingan negara dalam isu-isu penting boleh dipertahankan.

Bagi memastikan rakyat memahami aspirasi kerajaan dan kepentingan pembentukan Komuniti ASEAN, Kementerian Luar Negeri telah mengadakan beberapa program serantau. Antara sasaran utama program ini golongan belia dan yang terdiri daripada penuntut universiti dan pelajar sekolah. Maklumat dan promosi mengenai ASEAN dilakukan melalui saluran media elektronik dan cetak seperti surat khabar, televisyen, radio serta program *road show* anjuran Kementerian Luar Negeri.

■1120

Selain daripada golongan belia, Kementerian Luar Negeri juga mengadakan sesi percambahan fikiran bersama-sama dengan pihak berkepentingan seperti komuniti perniagaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan masyarakat madani, kumpulan pemikir, ahli akademik dan sebagainya.

Kementerian Luar Negeri juga bekerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dalam mengadakan aktiviti-aktiviti program serantau mengenai ASEAN di seluruh negara termasuk di luar bandar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Dato' Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri yang jawab banyak pandai. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah respons pemimpin negara ASEAN terhadap peranan negara dan apakah harapan yang telah diberikan oleh mereka kepada kerajaan? Yang Berhormat Menteri boleh jawab ini. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan. Oleh sebab dia kata pandai menjawab, saya pun hendak beritahu pandai dia menyoal soalan tambahan walaupun saya tidak berapa faham... *[Ketawa]* Dia pagi-pagi ini kena bergurau sikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya orang lain saya tidak berani...

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Tuan Yang di-Pertua panggil saya duduk. Dia tidak ada faham, dia boleh tulislah. Kalau dia tidak tahu jawab pun dia boleh cakap tidak tahu jawab. Terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Ini dia bangun tidak pakai... Saya dengar Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua tadi, masa pagi-pagi tadi ada kata, kalau hendak menyoal, hendak bangun biar ikut peraturan... *[Ketawa]* Saya boleh jawab. Dia tidak ikut peraturan, Tuan Yang di-Pertua. Ini...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Dia sudah ikut lebih kurang sama macam Dewan Rakyat ini. Saya- terima kasihlah. Saya hanya bergurau Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan yang baik itu, kita lihat bila kata respons daripada pemimpin-pemimpin luar terhadap pemimpin negara, kita sepatutnya bersyukur dan berasa bangga kerana dalam banyak aktiviti yang kita buat hari ini, akhir-akhir ini, kita perlihatkan daripada sokongan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin luar negara itu begitu amat baik sekali. *In shaa-Allah* pada akhir bulan April ini, kita ada ASEAN Summit, semuanya telah bersetuju untuk hadir bersama. Itu yang pertama.

Keduanya dalam mesyuarat di peringkat menteri-menteri sama ada di Kementerian Luar Negeri ataupun Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, semua ini kita ada mesyuarat berkenaan ASEAN di mana menteri-menteri yang datang daripada ASEAN duduk bermesyuarat di Malaysia sama ada di Kota Bharu, di Kota Kinabalu, di Kuala Lumpur.

Semua itu menunjukkan bahawa mereka sanggup beri kerjasama dan membincangkan tentang masalah ASEAN untuk menentukan bahawa apa pelan tindakan yang kita buat, yang Malaysia pengerusikan itu dapat sama-sama mengambilnya sebagai masa depan untuk kepentingan ASEAN Komuniti yang lebih baik pada masa hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. **Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman** minta Menteri Pendidikan menyatakan, walaupun jumlah yang besar diperuntukkan dalam Bajet tahunan untuk pendidikan, tahap prestasi pelajar-pelajar kita masih jauh ketinggalan dalam Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) dan di dalam, *"Trends in International Mathematics and Science Study"* (TIMSS) tahun demi tahun. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk meningkatkan kualiti dan tahap penguasaan pelajar-pelajar kita dalam subjek matematik dan sains?

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman atas soalan yang berkaitan dengan PISA, TIMMS. Tuan Yang di-Pertua, pelbagai inisiatif jangka pendek dan jangka panjang sedang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan pencapaian murid dalam Ujian TIMSS dan PISA. Antaranya penerapan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum. Memberi kursus KBAT kepada guru-guru aktiviti KBAT berasaskan projek serta perkongsian program KBAT dengan pihak swasta dan komuniti.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah meningkatkan peratus kandungan KBAT dalam soal peperiksaan awam, memperkenalkan Program i-THINK, dengan izin, kepada guru untuk melatih pelajar menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran supaya kemahiran berfikir murid dapat ditingkatkan dan melaksanakan penambah baik terhadap kurikulum sedia ada supaya merangkumi ke semua topik yang ada dalam kajian TIMSS. Sebagai langkah jangka panjang, guru Sains dan Matematik dilatih untuk mengajar menggunakan kaedah inkuiri dan kaedah penyelesaian masalah yang berkesan untuk meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.

Buku panduan dua, literasi, bacaan Pisa dalam kedua-dua bahasa juga telah disediakan dan boleh dimuat turun melalui laman web Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membantu guru dan murid lebih memahami PISA. Buku panduan tersebut mengandungi semua maklumat yang disampaikan semasa taklimat literasi PISA dan contoh-contoh soalan *release item* PISA dan alat PISA. Di samping melaksanakan *mock test,* dengan izin, program intervensi TIMSS dan PISA juga dijalankan supaya guru dan murid didedahkan dengan format soalan TIMSS dan PISA.

Penggunaan bahan sumber Sains dan Matematik yang berlandaskan kerangka kerja TIMSS dan PISA dalam pengajaran dan pembelajaran diyakini dapat melatih meningkatkan kemahiran murid untuk berfikir pada aras tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan soalan tambahan Tan Sri Dato' Haji Abdul Rahim.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan yang telah memberi jawapan. Dalam perancangan kita memperkukuhkan Bahasa Inggeris, kita selalu dengar masalah utama ialah ketidakcukupan guru Bahasa Inggeris. Adakah masalah yang sama berlaku? Sama ada kita membuat perancangan tetapi adakah kita ada mencukupi guru-guru untuk Matematik dan Sains, istimewa pula untuk sekolah-sekolah di luar bandar. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang berkaitan dengan kelemahan Bahasa Inggeris dan di sini sebenarnya soalan ini ada berkaitan dengan TIMSS dan PISA dan saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa soalan-soalan di PISA dan TIMSS terdiri daripada kedua-dua bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Jadi ini bermakna bahawa apabila pelajar menjawab soalan di TIMSS dan PISA, mereka juga boleh menjawab soalan dalam Bahasa Melayu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang soalan tambahan seterusnya, saya silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan. Soalan saya, setelah kita mendengar jawapan tadi, ingin saya bertanya aspek apakah yang telah diberi penekanan dalam program ini dan juga boleh kita tahu aspek apa kekuatan yang ada pada pelajar kita dan juga kelemahan-kelemahan yang ketara yang dialami oleh pelajar kita. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan yang berkaitan dengan kelemahan yang sudah dikesan selepas keputusan TIMSS dan PISA dikeluarkan. Jadi sudah, satu kajian susulan sudah diusahakan dan kendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan nampaknya dapatan-dapatan yang dikesan, *triangulate,* dengan izin, telah mengesahkan dapatan yang diberi oleh OECD.

■1130

Antara kelemahan adalah berkaitan dengan kemahiran untuk berfikir di mana pelajar perlu untuk buat rumusan. Selain daripada itu pelajar juga memerlukan menaakul atau mempersetujui dengan satu kenyataan dengan sebab. Pelajar perlu memberi sebab juga jika dia tidak mempersetujui dengan kenyataan yang diberikan.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

Memang tidak dinafikan bahawa pelajar kurang didedahkan dalam KBAT iaitu kemahiran untuk berfikir dengan tahap yang atas, iaitu, 'HOTS' *of the high order think skills,* dengan izin. Seperti saya sudah menjawab tadi bahawa banyak usaha sudah diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan bukan hanya terhadap pelajar tetapi kepada guru juga supaya mereka faham konsep dan format atau bentuk soalan. Ibu bapa dan pegawai dari Jabatan Pendidikan juga diberi pendedahan.

Selain daripada itu, bahan sokongan dalam buku teks juga disediakan untuk memastikan bahawa pencapaian dalam PISA dan TIMSS boleh mencapai satu peningkatan demi peningkatan. Marilah kita berdoa supaya usaha yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia akan mendatangkan satu peningkatan dalam keputusan TIMSS dan PISA pada tahun 2016. Sekian, terima kasih.

7. **Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) kesan penurunan mendadak mata wang ringgit berbanding dolar Amerika yang dilaporkan terburuk dalam tempoh 6 tahun ini; dan

(b) apa kesan langsung terhadap pertumbuhan ekonomi negara jika situasi ini berlarutan.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Puan Norliza pada hari ini bersama dengan enam lagi soalan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman; Yang Berhormat Senator Datuk Professor Dr. Sim Kui Hian; dan Yang Berhormat Senator Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam pada 15 April; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai pada 20 April; Yang Berhormat Senator Dato' Roslin binti Haji Abdul Rahman pada 22 April; serta Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad pada 23 April 2015. Ini adalah kerana kesemua soalan menyentuh perkara dan isu yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini bukanlah satu kes terpencil dan ia didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain termasuk Ringgit Malaysia turut mengalami penyusutan nilai antara 0.8 peratus hingga 18.4 peratus berbanding dengan Dollar Amerika Syarikat sejak September 2014 sehingga 6 April 2015. Pengukuhan Dollar Amerika Syarikat adalah disebabkan oleh prospek ekonomi Amerika Syarikat yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai Dollar Amerika Syarikat.

Selain itu negara-negara pengeksport komoditi termasuk Malaysia turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia. Seperti sistem kadar pertukaran lain apabila nilai Ringgit menyusut, sebahagian sektor ekonomi akan menerima manfaat manakala terdapat juga sebahagian sektor ekonomi yang akan terjejas. Pengeksport akan menerima manfaat daripada segi hasil eksport yang lebih tinggi dalam nilai Ringgit atau peningkatan dalam permintaan bagi barangan buatan Malaysia. Secara khususnya penyusutan nilai Ringgit akan memberi manfaat kepada eksport perkilangan Malaysia yang menyumbang sebanyak dua pertiga daripada jumlah eksport kasar. Kejatuhan nilai Ringgit juga akan memberi manfaat kepada industri pelancongan di mana ia memberi impak positif kepada akaun semasa dalam imbangan pembayaran negara.

Namun begitu, penyusutan nilai ringgit akan menyebabkan kenaikan kos import. Ini menyebabkan kesan langsung terhadap indeks harga pengguna yang mengukur inflasi kerana harga barangan yang diimport secara terus dan dari luar negara akan menjadi mahal. Walau bagaimanapun kesan ini akan diserap oleh harga bahan mentah yang lebih rendah susulan kejatuhan harga minyak global dan harga komoditi.

Berhubung dengan soalan berkenaan pelaksanaan kawalan modal dengan izin, *capital control* walaupun Ringgit telah menyusut nilai, kerajaan tidak bercadang untuk kembali melaksanakan dasar yang sama seperti krisis kewangan Asia pada tahun 1997 dan tahun 1998.

Dari sudut ekonomi, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) atau GDP terus mencatat pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 6 peratus pada tahun 2014 berbanding dengan 4.7 peratus pada tahun 2013 didorong terutamanya oleh kecergasan aktiviti permintaan domestik dan prestasi perdagangan luar yang semakin baik. Perkembangan ini hasil daripada pelbagai inisiatif yang diambil untuk mempelbagaikan ekonomi negara serta meningkatkan daya tahan dan daya saing negara.

Tambahan pula asas-asas ekonomi yang mapan seperti kadar pengangguran yang rendah, sistem kewangan yang teguh dan *reserve* antarabangsa yang tinggi turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan yakin pertumbuhan ekonomi akan terus kukuh dan mencapai sasaran antara 4.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun 2015. Sekian, terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Saya cuma ingin bertanya adakah kerajaan bercadang ingin mengenakan atau pun *lock,* dengan izin, maknanya menambat pada satu kadar sekiranya nilai Ringgit masih menurun sebagaimana yang pernah kita laksanakan satu ketika dahulu.

Soalan saya yang kedua, melalui *MIDF Research* ada mengatakan bahawa ketidaktentuan harga ringgit ini telah menyebabkan beberapa orang pelabur asing bertindak menarik keluar pelaburan port folio seperti bon, saham dan lain-lain. Ini menyebabkan nilai Ringgit kita jatuh dengan lebih teruk. Jadi adakah ini benar? Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan yang telah diberi. Daripada segi menambat atau boleh dikatakan *pack* Ringgit, sebenarnya kerajaan tidak mempunyai dasar pada masa sekarang kerana pada masa sekarang nilai mata wang ringgit ia menurun bukan sahaja di Malaysia sahaja tetapi daripada segi serantau juga menghadapi isu-isu seperti kerana disebabkan oleh prospek yang telah saya nyatakan, ekonomi Amerika Syarikat yang bertambah baik dan juga harga komoditi yang turun terutamanya minyak.

Maka kalau kita melihat terutamanya kadar penurunan ringgit sebanyak 12.9 peratus dari September 2014 hingga 6 April 2015 kita melihat daripada segi *Pound Sterling* mereka juga telah menurun sebanyak 10.4 peratus, EURO telah menurun lebih daripada nilai mata wang ringgit kalau berbanding dengan Amerika Syarikat 16.8 peratus. Dollar Australia telah menurun sebanyak 18.4 peratus. Maka ia bukan sesuatu fenomena yang khusus kepada negara kita sahaja. Itu nombor satu.

Nombor dua, negara kita kalau berbanding dengan tahun 1997, kita mempunyai *reserve* antarabangsa yang lebih tinggi pada tahun 1997 *reserve* kita adalah sebanyak Amerika Syarikat Dolar 21.7 bilion sahaja. Akan tetapi pada masa sekarang kita mempunyai USD105.1 bilion Dollar Amerika Syarikat. Maka *reserve* kita mempunyai *reserve* yang lebih tinggi dan juga dengan adanya asas-asas yang lebih kukuh seperti kadar pengangguran yang rendah, sistem kewangan yang teguh. Sebenarnya daripada segi penarikan FDI kita sebenarnya tidak menghadapi masalah. Sebagai contoh tahun lepas kita masih mencatat kadar FDI yang sihat yang kalau saya tidak salah adalah lebih daripada RM20 lebih bilion yang merupakan sesuatu yang memberangsangkan semenjak kerajaan melancarkan Transformasi Program Ekonomi. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar dakwaan daripada sesetengah pihak khasnya mereka yang berurusan berdagang dengan Thailand. Jadi pihak-pihak yang berkenaan di sebelah sana dikatakan tidak mahu menerima, menggunakan wang Malaysia tetapi terpaksa menukarkan kepada wang mereka dahulu baru mereka mahu melakukan jual beli.

Ini berlaku akhir-akhir ini sedangkan pada waktu sebelum ini mereka sangat menginginkan mata wang kita. Saya hendak tahu sejauh mana dakwaan ini benar sebagaimana yang disebarkan? Terima kasih.

■1140

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan yang ditujukan. Kita sedia maklum bahawa pada tahun 1997 apabila kita membuat *pegging* atau menambat ringgit, maka tidak di *trade* atau, dengan izin, secara *international.* Maka, sehingga sekarang sebenarnya ringgit tidak di *trade* secara *international.* Maka, ada negara-negara yang mungkin tidak menerima atau menerima dengan kadar pertukaran yang tidak begitu baik. Maka, daripada segi peniaga-peniaga mungkin mereka mempunyai kes-kes tertentu yang dihadapi tetapi secara khusus atau secara umum kita tidak menerima laporan-laporan sedemikian. Sekian, terima kasih.

8. Dato' Lim Nget Yoon minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, langkah-langkah diambil oleh pihak Kementerian untuk mengawal penyalahgunaan media sosial seperti *Facebook* dalam internet.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, dan salah sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang menanyakan soalan. Akan tetapi sebelum saya menjawab Tuan Yang di-Pertua izinkan saya mengalu-alukan rombongan daripada Parlimen Tangga Batu yang hadir juga pada sesi Dewan Negara pada hari ini *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan 17 pertanyaan lain iaitu daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg; Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som A/L Inong; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad bertarikh 13 April; Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Nalla bertarikh 15 April; Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah; Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim; Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh; Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman; Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Ping yang bertarikh 16 April; Yang Berhormat Senator Datuk Yoo Wei How, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat bertarikh 21 April; Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh bertarikh 23 April; Yang Berhormat Senator Toh Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin bertarikh 27 April, Yang Berhormat Senator Datuk S. Vigneswaran A/L M. Sanasee; dan Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mohammad bertarikh 28 April kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu isu penggunaan media sosial dan penyalahgunaannya serta transaksi *online.*

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, perkembangan teknologi maklumat yang semakin pesat memberi ruang kepada pembangunan penggunaan *internet* dan di sini ingin saya berkongsi bahawa di mana peningkatan daripada 20 peratus pada tahun 2008 kepada 70 peratus pada tahun 2015.

Pengguna *internet* di Malaysia setakat ini seramai 20.1 juta orang. Akses yang mudah kepada *internet* menjadikan media sosial sebagai medium yang digunakan untuk meluahkan pendapat dan pandangan tanpa sekatan di mana terdapat sejumlah 16.8 juta ORANG pengguna aktif akaun media sosial di Malaysia.

Secara purata, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengguna di Malaysia mengakses *internet* sama ada melalui PC atau pun tab ialah 5 jam 4 minit sehari dan untuk akses kepada media sosial sahaja tiga jam 27 minit sehari. Jika kita bandingkan dengan purata dunia hanya 2.4 jam sehari. Jadi, kita lihat memang peningkatan itu tinggi untuk di Malaysia.

Meskipun Malaysia mengiktiraf kebebasan bersuara seperti yang termaktub dalam artikel 10(1A), Perlembagaan Persekutuan, namun hak kebebasan bersuara ini boleh dibataskan oleh perundangan jenayah atau pun sivil yang berkaitan dengan keselamatan, kerahsiaan dan juga harta intelek. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, antara sebab utama penyalahgunaan media sosial ialah terdapat segelintir kumpulan yang cuba mensensasikan isu untuk kepentingan diri.

Dalam hal ini pihak kementerian menggunakan pendekatan yang bersepadu, holistik dan mampan dalam menguruskan penggunaan *internet* dan kesan penyalahgunaannya terhadap negara. Bukan semua kes atau pun kesalahan jenayah yang dilakukan di *internet* berada dalam bidang kuasa Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia atau pun agensi di bawah kementerian tetapi secara amnya undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948 yang baru di semak baru-baru ini, Akta Fitnah 1957, Akta Jenayah Komputer 1997, dan Akta Perlindungan Pengguna 1999 atau pun dengan izin, *online sales* dan *purchase transaction* juga digunakan dalam menangani hampir semua bentuk kesalahan termasuklah penghinaan terhadap institusi beraja, hasutan, perniagaan *online,* dan sebagainya. Hakikatnya, apa yang salah di alam maya juga salah di alam nyata.

Sepanjang tahun 2012 hingga kini, sebanyak 283 buah kertas siasatan mengenai *comment* dan tulisan di media sosial telah pun dibuka di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia di mana 25 kes telah pun didakwa di mahkamah berhubung penggunaan mempengaruhi dan menggalakkan rakyat Malaysia menyertai gerakan militan atau pun *Islamic State* (IS) melalui media sosial dalam tahun 2014. Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah menerima 10 aduan berkaitan aktiviti militan dalam talian dan daripada jumlah tersebut, tujuh melibatkan platform media sosial dan kesemuanya telah dimajukan kepada pihak PDRM untuk tindakan selanjutnya.

Mengenai perniagaan *online* juga, menurut kajian yang dilaksanakan oleh Firma Penyelidikan *International Data Corporation* atau pun IDC, dengan izin, pada tahun 2012, perniagaan secara *online* memang berkembang pesat secara global dan Malaysia urus niaga e-dagang dijangka akan mencatatkan perniagaan yang besar di antara tahun 2011 hingga 2013. Kajian tersebut menjangkakan nilai urus niaga e-dagang global meningkat daripada anggaran sebanyak RM36.6 trilion pada tahun 2011 kepada RM75.3 trilion pada tahun 2016.

Dalam tempoh yang sama bagi Malaysia, nilai urus e-dagang turut dijangka meningkat daripada anggaran sebanyak RM76.2 bilion pada tahun 2011 kepada RM90.9 bilion pada 2016. Selain daripada menggalakkan perkembangan keusahawanan melalui *internet*, pihak kementerian bekerjasama juga dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan atau pun (KPDNKK) dalam membantu siasatan terutama kes-kes perniagaan secara *online* dan juga agensi penguat kuasa lain seperti PDRM.

Selaras dengan perkembangan semasa, pihak kementerian sentiasa mengambil langkah-langkah penambahbaikan penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan dan jenayah yang dilakukan dalam medium media sosial dan *internet.* Suka saya maklumkan bahawa antaranya penambahbaikan peruntukan undang-undang Akta Komunikasi Multimedia 1998 dan juga Akta Suruhanjaya yang kini sedang disemak dan inshaaAllah kita cuba bentangkan pada tahun ini atau pun selewat-lewatnya awal tahun hadapan. Walau bagaimanapun, tidak semua kes ini yang akan berakhir dengan pendakwaan. Terdapat juga pihak SKMM mengambil tindakan berbentuk *administrative,* dengan izin, atau pun pentadbiran terhadap pembekal perkhidmatan yang tertakluk di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia antaranya tindakan berbentuk pentadbiran yang diambil seperti penyekatan akses kepada laman sesawang yang menyalahi atau pun cuba menyalahi undang-undang negara.

Untuk makluman, ini rekod yang saya ada dahulunya di mana pada tahun 2014 sejumlah 1,409 laman web yang telah pun disekat kerana menyalahi pelbagai undang-undang bertulis negara.

Antara langkah-langkah lain yang turut diambil oleh pihak kementerian untuk mengawal penyalahgunaan media sosial adalah melibatkan pelan strategik untuk masa hadapan adalah seperti berikut:

(i) membangunkan keupayaan pasukan forensik SKMM;

(ii) mengadakan program kesedaran secara berterusan kerana kita tahu sebagai pengguna beliau lah yang menentukan sama ada kita hendak masukkan yang positif atau pun yang negatif kerana semuanya di hujung jari;

(iii) kita mengaktifkan forum kandungan komunikasi dan multimedia atau pun CF yang berada di bawah Akta Komunikasi; dan

(iv) memantapkan fungsi biro aduan di SKMM sebagai pusat penerimaan semua jenis aduan.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, untuk permulaan Majlis Sosial Negara telah pun bersetuju secara prinsipnya dengan penubuhan Jawatankuasa Perunding Pemerkasaan Media Digital yang akan ditubuhkan di bawah Akta Komunikasi Multimedia 1998. Kesimpulannya, tanggungjawab untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menjadi pengguna *internet* yang berintegriti harus dipikul bersama antara kerajaan dan setiap lapisan masyarakat kerana yang penting, dengan izin, *we should think before we click.* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Dato' Lim Nget Yoon.

■1150

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada kementerian atas jawapan. Memandangkan penyalahgunaan media sosial ini memanglah kesan yang amat besar dan buruk untuk kerajaan kita, sebab pihak tertentu menggunakan *channel* ini sengaja memburukkan dan menjejaskan imej negara kita. Isu ini berterusan. Kita sudah sedar tetapi berterusan, semakin lama semakin teruk...

Timbalan Yang di-Pertua: Terus kepada soalan Yang Berhormat.

Dato' Lim Nget Yoon: Jadi soalan saya, adakah penguatkuasa kita lemah atau ada sebab-sebab lain supaya masalah ini, isu ini tidak dikawal? Terima kasih.

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya setiap kali sesi Dewan sama ada di Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, memang isu media sosial ini memang sering kali ditimbulkan. Seperti yang saya perjelaskan tadi, memang di pihak kementerian melalui SKMM, kita akan menambahkan lagi daripada segi bilangan anggota penguatkuasaan termasuk daripada segi pemantauan dan sebagainya.

Sering kali juga kita dapati cadangan antaranya untuk menutup laman Facebook dan sebagainya. Pihak kementerian memang tidak berhasrat untuk meneruskan ataupun menutup. Ada juga cadangan untuk mewajibkan semua untuk berdaftar dan sebagainya. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, sebenarnya pendekatan yang sama telah pun diadakan di Republik Korea, tetapi tiada jaminan bahawa pendaftaran akan mengurangkan insiden penyalahgunaan. Akan tetapi apa yang saya ingin minta di sini ialah bahawa kita sebagai pengguna yang bijak, kita seharusnya pastikan bahawa apa yang kita ingin luahkan dan sebagainya haruslah benda yang baik. Ini kerana tanggungjawab ini bukan hanya tanggungjawab kepada pihak kerajaan sahaja, tetapi kepada tanggungjawab semua masyarakat.

Di sini kita akan sentiasa pertamanya *educate,* dengan izin, *engage* bagaimana untuk menerangkan kepada remaja di luar sana. Kita juga akan berhubung dengan pihak agama daripada segi- ini kerana kesalahan terdapat juga daripada segi mencerca dan sebagainya.

Paling penting kita sebagai ibu bapa, kita juga harus memainkan peranan untuk memastikan bahawa anak-anak kita apabila sering kali mereka berada di dalam bilik, kita kena pasti apakah akses yang mereka layari. Jadi, ini antara peranan yang boleh kita mainkan kerana kita tidak harus menyerahkan secara keseluruhannya kepada pihak kerajaan sahaja. Terima kasih.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, ada 25 kes yang telah dibawa ke mahkamah. Apa keputusan mahkamah, sama ada mereka ini didenda wang ataupun dipenjarakan? Adakah kementerian bercadang untuk mengikut cara Singapura mengenai isu-isu penghinaan ataupun fitnah siber? Di Singapura baru-baru ini, semasa sebelum mendiang bekas Perdana Menteri meninggal dunia, ada yang mengatakan telah meninggal dunia tetapi dalam tempoh beberapa hari sahaja, aduan telah dibuat kepada polis dan tindakan telah pun diambil. Kita lihat di Singapura, kes-kes siber fitnah ini amat berkurangan. Oleh sebab itu soalan yang kedua tadi, adakah kita ingin mengikut cara Singapura mengatasi kes fitnah siber ini?

Dato' Jailani bin Johari: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya di Malaysia ini kita, seperti yang saya perjelaskan tadi kerjasama berterusan antara pihak kementerian dan juga agensi-agensi penguatkuasaan yang lain akan diteruskan. Kalau kita lihat baru-baru ini di Dewan Rakyat juga, kita telah membincang dan meluluskan dua undang-undang iaitu pertamanya, Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan (POTA) 2015. Keduanya, pindaan kepada Akta Hasutan. Jadi kita lihat kedua-dua akta ini juga akan bergerak berselari dengan cadangan yang saya telah majukan tadi bahawa Akta Komunikasi dan Multimedia akan juga disemak dan dikaji. *InshaaAllah* kita akan melihat segala peruntukan yang ada bagi memastikan ia dipinda selaras dengan akta-akta yang sedia ada.

Untuk yang pentingnya, sebenarnya kita di pihak kementerian ini sering kali meneruskan program-program kesedaran. Ini kerana seperti yang saya maklumkan tadi, kita tidak boleh menahan mana-mana pihak yang ingin memasukkan, *upload* dan sebagainya. Akan tetapi kerjasama berterusan, program kesedaran akan sentiasa diteruskan. Dengan harapan sekurang-kurangnya-kurangnya dengan program-program tersebut, dapat mengurangkanlah daripada segi kes-kes ataupun penyalahgunaan media sosial. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baiklah, dengan jawapan yang telah diberikan oleh pihak Yang Berhormat Menteri tadi, maka setakat ini dululah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita untuk hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

11.56 pg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu usul seperti berikut:

> "Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu".

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu usul atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

MELANTIK JAWATANKUASA PEMILIH DI BAWAH P.M. 70(1)

11.58 pg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan adalah:

(i) Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara (Pengerusi);

(ii) Yang Berhormat Datuk Doris Sophia ak Brodi;

(iii) Yang Berhormat Dato' Dr. Hou Kok Chung;

(iv) Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh; dan

(v) Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat"

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat**.** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengikut P.M. 70(1) tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

MENJUNJUNG KASIH TITAH
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tan Sri, teruskan.

12.00 tgh.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan:

"Bahawa satu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan ke Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

Ampun Tuanku,

> Patik Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia dalam Persidangan Dewan Negara memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Ketiga Belas".

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya bersyukur ke hadrat Allah kerana diberikan peluang untuk membawa usul bagi menjunjung kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada pembukaan Penggal Ketiga Parlimen Ke-13 pada 9 Mac 2015 yang lalu, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah menyatakan titahnya supaya kita membuka lembaran baru.

Dasar Transformasi Nasional telah dibangkitkan. Dasar tersebut merangkumi agenda besar transformasi negara antaranya Program Transformasi kerajaan atau (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi atau (ETP) yang telah dilaksanakan secara konsisten di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana negara terus makmur dan dihormati di arena antarabangsa, walaupun negara telah diuji dengan beberapa peristiwa yang tidak diduga seperti tragedi pesawat MH370, pesawat MH17 serta bencana banjir luar biasa di beberapa buah negeri.

Di kesempatan ini juga Dewan ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana begitu prihatin terhadap permasalahan yang dihadapi oleh negara dan rakyat. Dewan juga merakamkan tahniah sekali lagi kepada kerajaan kerana pada tahun 2015 ini Malaysia telah dilantik sebagai Pengerusi ASEAN 2015 dan juga Malaysia sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi tempoh tahun 2015 hingga tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga turut berbangga serta berterima kasih atas usaha kerajaan yang berterusan memastikan kekukuhan ekonomi, keselamatan, kestabilan politik demi kesejahteraan rakyat sejajar dengan slogan yang menjadi pegangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Lebih-lebih lagi dengan kesungguhan kerajaan bagi memastikan masa depan negara terus stabil dan sejahtera dengan pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 pendidikan tinggi yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 7 April 2015 yang lalu.

Kita amat yakin dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 ini. Kita dapat memberikan tumpuan untuk melahirkan insan yang syumul, holistik, berilmu yang berkeupayaan menggunakan apa fikiran dengan rasional dan objektif, ikhlas dan jujur berlandaskan kepada nilai-nilai murni. Melihat suasana masyarakat pada hari ini sudah pasti peri pentingnya Kementerian Pendidikan memberikan penekanan kepada satu revolusi iaitu revolusi kognitif yang berlandaskan nilai-nilai murni berteraskan kepada ajaran agama yang suci.

Harapan kita anak-anak muda pada hari ini akan menjadi rakyat dan pemimpin yang boleh berfikir dengan rasional, yang boleh berfikir dengan objektif, yang dapat membawa negara ke arah lebih baik, lebih bersatu melalui masyarakat yang stabil, harmonis, maju dan sejahtera, *inshaaAllah*.

Tuan Yang di-Pertua, tanggal 1 April 2015 ramai rakyat di negara ini menyatakan bahawa inilah tarikh hitam bagi mereka kerana berkuat kuasa daripada tarikh tersebut kerajaan mula melaksanakan cukai barangan dan perkhidmatan (GST). Pelbagai pihak telah mengambil kesempatan dan berusaha untuk memburuk-burukkan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita kerajaan baru sahaja melaksanakan GST ini. Kalau dihitung, hari ini merupakan hari yang ketiga belas GST dilaksanakan di negara kita. Walaupun telah banyak negara-negara lain telah melaksanakan GST lebih awal daripada negara kita sebagai contoh di negara ASEAN, Malaysia merupakan negara yang kelapan yang melaksanakan GST. Jika dikira pula daripada segi peraturan cukai yang dikenakan daripada segi peratusan cukai yang telah dikenakan, Malaysia merupakan negara yang terendah iaitu 6 peratus.

Jika dibandingkan dengan negara ASEAN yang lain, Thailand dan Singapura sebanyak 7 peratus, Indonesia, Laos, Vietnam, Kemboja sebanyak 10 peratus, manakala Filipina sehingga 12 peratus. GST telah mula dilaksanakan di Perancis seawal tahun 1950-an. Sehingga Disember 2014 daripada 193 buah negara sebanyak 169 buah negara telah melaksanakan GST termasuklah negara-negara maju.

Isu GST ini amat menarik. Ada persoalan yang dibangkitkan. Mengapakah GST dilaksanakan? Tuan Yang di-Pertua, GST bukan cukai baru. Kalau dulu pengguna telah pun membayar cukai jualan 5 peratus dan 10 peratus dan ditambah cukai perkhidmatan sebanyak 6 peratus, hari ini semua cukai jualan dan perkhidmatan atau (SST) tersebut telah pun dimansuhkan. Sebagai rakyat kita harus faham akan tujuan dan hasrat kerajaan melaksanakan GST ini bukanlah tujuan kerajaan untuk membebankan rakyat seperti yang telah diuar-uarkan oleh sesetengah pihak, tetapi adalah bertujuan untuk kepentingan dan menjamin masa depan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pemahaman semua, mengapakah GST ini dilaksanakan oleh kerajaan? Negara kita telah menuju ke arah negara maju maka sudah pastilah proses evolusi tersebut, perubahan-perubahan pasti berlaku daripada segi harga barangan dan keperluan harian. Terdapat dakwaan kononnya dengan adanya GST, harga setiap barangan akan bertambah mahal. Kerajaan tidak mengawal kenaikan barangan keperluan harian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terlaksana GST, kerajaan akan dapat mengawal kenaikan barangan keperluan kerana pihak syarikat akan membuat *submission,* dengan izin, data jualan mereka termasuk perbelanjaan mereka secara mingguan atau bulanan kepada pihak kerajaan. Secara tidak langsung kerajaan boleh mengetahui berapa banyak perbelanjaan syarikat dan berapa banyak margin keuntungan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia mengetahui, Malaysia merupakan negara yang sedang meningkat maju. Semenjak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih tampuk kepimpinan negara, ekonomi negara kita Malaysia telah mencatat kenaikan sebanyak 6 peratus. Walaupun mengikut peta dunia kedudukan negara kita Malaysia amat kecil tetapi kita pasti negara kita Malaysia telah dikenali di seluruh pelosok dunia.

Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun sudah tentu ada pihak yang merasa kurang senang hati terhadap kemajuan negara kita Malaysia. Jika ia datang daripada pihak luar, kita tidak lah merasakannya sangat. Apa yang amat mendukacitakan kita sekarang ini terdapat pelbagai pihak yang sedang berusaha untuk memburuk-burukkan imej kerajaan apatah lagi imej Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri.

■1210

Pelbagai tohmahan dan fitnah yang telah di*viral*kan sama ada melalui media, IT mahupun media cetak. Pelbagai perkara yang sering di*viral*kan seperti isu 1MDB, jet peribadi dan kes Altantuya. Lebih mengejutkan lagi apabila perkara tersebut telah di muat naik melalui laman *blog* bekas Perdana Menteri keempat iaitu Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir Mohamad. Melalui *blog* tersebut kononnya Yang Berbahagia Tun inginkan penjelasan yang perlu dijawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib selaku Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat kerajaan hari ini menubuhkan 1MDB pastinya mempunyai tujuan yang baik walaupun ia merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan tetapi semua pihak tahu ia milik kerajaan. Hari ini pelbagai juga tohmahan dilontarkan oleh beberapa pihak yang tidak menyenangi kewujudan 1MDB ini. Kalau kita semak semula, cuba kita imbas- zaman kepimpinan Perdana Menteri yang lalu iaitu zaman kepimpinan Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir Mohamad. Sebagai contoh, betapa sukarnya kerajaan ketika itu mewujudkan Khazanah Nasional yang diwujudkan pada tahun 1993. Hari ini, *alhamdulillah* Khazanah Nasional telah berusia 22 tahun dan telah berjaya mengumpul asetnya bernilai hampir RM121 bilion.

Hari ini baru kita amat merasai betapa pentingnya kewujudan Khazanah Nasional ini. Selain itu cuba kita lihat pula pelaburan yang dibuat oleh Tabung Haji. Suatu ketika dahulu pernah ditentang hebat oleh beberapa pihak, hari ini dengan nilainya hampir RM600 bilion dan telah berjaya memberikan pulangan kepada pemegang saham sebanyak RM900 setahun mulai 2005 hingga 2015. Sudah tentunya kewujudan 1MDB ini juga merupakan tindakan kerajaan sebagai langkah lain untuk memastikan kestabilan ekonomi dan pendapatan negara. 1MDB ini termasuk kategori *sovereign wealth fund,* soalnya jika ia ditohmah dengan pelbagai tuduhan maka ketahuilah oleh kita itulah namanya lumrah alam. Setiap sesuatu perbuatan yang baik itu hanya akan dinilai setelah terbukti kejayaannya.

Apabila isu-isu negatif sebegini di*viral*kan, sudah pasti ada pihak yang mengambil kesempatan untuk menangguk di air yang keruh. Sudah pasti ada pihak yang tidak sehaluan pemikiran mereka dengan Perdana Menteri akan mengambil kesempatan untuk memburukkan lagi keadaan ekoran daripada pertanyaan Tun Mahathir itu kononnya mereka telah mula pula mendakwa kononnya Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak bersalah disebabkan gagal menjawab pertanyaan atau tohmahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita semak melalui catatan *Hansard* di Dewan Parlimen yang bersidang pada tanggal 25 Mac 2015, Yang Berhormat Menteri Kewangan II telah pun menjawab semua isu yang dibangkitkan secara jelas. Pertamanya dibangkitkan isu mengenai 1MDB, ada tiga isu utama yang dibangkitkan. Satu, berkenaan dengan isu *fraud,* dengan izin, ataupun penyelewengan. Kedua, isu *viability* 1MDB dan ketiga, isu hutang kemampuan untuk membayar balik. Antara isu berkenaan dengan penyelewengan berkenaan USD700 juta yang dikatakan diletak di dalam syarikat *Good Star* yang dimiliki oleh Jho Low.

Isu ini telah pun mendapat perhatian pihak PetroSaudi. Satu laporan polis di *Fraud Divison London* telah pun dibuat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah meminta Ketua Audit Negara untuk melakukan audit ke atas kewangan 1MDB. Pihak Polis Diraja Malaysia juga sedang membuat siasatan malah Dewan Parlimen juga telah mencadangkan supaya pihak PAC memanggil pihak 1MDB.

Kedua, isu *viability*. Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah dimaklumkan bahawa kerajaan juga amat memandang serius akan isu ini. Satu Jawatankuasa dengan izin, *task force* juga telah diwujudkan di mana dianggotai juga oleh dua Menteri iaitu Yang Berhormat Menteri Kewangan II dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga turut melibatkan Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Ketiga, berkaitan keseluruhan *viability* dengan hutang yang ditanggung oleh 1MDB. Kerajaan telah melantik pihak ketiga iaitu CIMB untuk membuat, dengan izin, *evaluation* daripada segi nilai, kita haruslah memberikan keyakinan dan sokongan yang jitu terhadap usaha kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, melalui penjelasan yang telah diberikan tersebut, saya yakin bahawa semua isu yang dibangkitkan telah pun dijawab secara telus oleh kerajaan. Ini secara langsung terus membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang ini bukanlah boneka dari mana-mana pihak. Jika benar apa yang dikatakan itu bahawa 1MDB berlaku ketirisan, maka sejajar dengan apa pengumuman yang telah dilakukan oleh Perdana Menteri wajarlah diberikan perhatian, biarlah pihak berkenaan untuk membuat penyiasatan. Tuan Yang di-Pertua, mengikut amalan dunia perniagaan sememangnya ada risiko untung ataupun rugi.

Ketika Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri dahulu, negara pernah digemparkan dengan pelbagai skandal seperti salah urus Bank Bumiputera Berhad, kerugian PERWAJA dan beberapa yang lain. Akan tetapi rakyat dan semua pemimpin negara masih meletakkan kepercayaan mereka kepada Tun Mahathir ketika itu. Hari ini 1MDB masih baru di peringkat penubuhannya, jika dilihat daripada segi potensi masa depannya, *inshaaAllah* ia akan membuahkan hasil yang baik untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menilai dasar-dasar dan keputusan kerajaan kita perlu berlandaskan rasional dan objektif dan bukannya secara emosi semata-mata. Kita harus melihat gambaran sepenuhnya dan mempertimbangkan kesan dan akibat daripada pernyataan dan desakan kita. Perlu juga diingatkan, hal ehwal ekonomi negara kita berkait rapat dengan isu keselamatan negara. Ini kerana sesetengah maklumat ini mempunyai nilai yang tinggi dan mampu dimanipulasi oleh golongan pelabur asing demi keuntungan.

Kita tidak seharusnya menanggung risiko ini biarpun atas alasan pembaikpulihan negara. Kita harus munasabah dalam penilaian kita terhadap kerajaan terutama dalam isu pelaburan jangka panjang biarpun ada yang berpendapat kerajaan telah membuat kesilapan namun saya berpendapat tiada kerajaan yang sempurna dan kita seharusnya menilai prestasi kerajaan dengan bagaimana ia bertindak mencari jalan penyelesaian dan bukannya hanya menuding jari dan memburukkan kerajaan.

Kita mesti berupaya untuk mengaturkan perbincangan antara satu sama lain pada tahap yang bermakna, kita mesti berhenti berkelakuan seperti kanak-kanak, seperti budak-budak semasa perbahasan. Berlawan sorak dan melakukan serangan peribadi akan menjadi kejatuhan kita semua. Maka mari kita lihat apa yang telah dilakukan dengan baik seperti program-program kebajikan kerajaan di bawah Perdana Menteri sekarang ataupun galakan aktif pelaburan dan menyokong projek-projek infrastruktur besar menguntungkan rakyat seperti MRT.

■1220

Demi Malaysia yang lebih baik, mari kita mengetepikan motif politik kita dan memberi tumpuan kepada pembinaan negara ini bersama dengan cara yang tidak merosakkan.

Tuan Yang di-Pertua, manakala berkaitan isu jet peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Airbus 320, kononnya satu pembaziran. Kita percayalah bahawa pembelian yang dilakukan ini merupakan satu keperluan demi memelihara imej negara. Jika Perdana Menteri kita terus menggunakan jet yang sedia ada ketika ini yang telah berusia hampir 16 tahun lamanya, iaitu yang telah dibeli pada tahun 1989 dan tahun 2001 pasti ada juga yang memberikan tohmahan bahawa Malaysia negara yang hampir muflis kerana Perada Menterinya terus menggunakan jet peribadi yang buruk dan ketinggalan zaman.

Kes Atlantuya. Saya rasa beberapa hari yang selepas, bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Badawi telah menjelaskan kes ini patut ditutup kerana proses kehakiman telah berjalan dan telah pun diselesaikan. Rasulullah S.A.W telah bersabda, *"Barang siapa yang ingin menyiasati pemimpin dalam sesuatu perkara maka janganlah disebarkan iaitu janganlah dicanangkan atau dihebohkan secara terang-terangan. Akan tetapi peganglah tangannya dan ajaklah dia berbincang dengan diam-diam. Jika dia, iaitu pemimpin itu menerima, maka itulah diharapkan. Jika tidak, maka sesungguhnya dia telah menunaikan kewajipannya."*

Tuan Yang di-Pertua, kita melahirkan rasa kesal atas tindak tanduk segelintir pihak dan individu tertentu yang terus-terusan mengeluarkan kenyataan yang mempertikaikan kepimpinan Perdana Menteri kita. Kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak didapati sentiasa komited untuk menegakkan demokrasi, memacu pembangunan negara serta memastikan kesejahteraan rakyat terus terbela dan diberikan keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya, dengan ini saya cadangkan untuk usul menjunjung kasih kepada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin untuk menyokong dan berucap. Silakan Yang Berhormat.

12.23 tgh.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon menyokong usul menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, izinkan saya menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas, pada 9 Mac yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda sebagai ketua negara yang berpaksikan kepada prinsip demokrasi dalam Perlembagaan Persekutuan sememangnya merupakan lambang keutuhan dan kesatuan rakyat Malaysia. Semoga kebesaran dan kemuliaan baginda akan menjadi simbol perpaduan, kemajuan, dan kesejahteraan masyarakat kita yang berbilang kaum. Saya cukup setuju dengan titah ucapan Tuanku yang menerangkan sudah tiba masanya kita membuka satu bab yang baru dengan mendukung minda dan keazaman yang positif selepas menyaksikan negara kita mengharungi pelbagai cabaran kesukaran di sepanjang tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, isu kenaikan harga barang ini menjadi isu hangat yang dibahaskan oleh rakyat terutama rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Mereka terbeban dan tertanya-tanya, apa yang kerajaan buat dalam mengawal kenaikan harga barang. Apa tiada akta yang boleh mengawal serta menentukan harga barang yang ditetapkan oleh setiap pembekal, pemborong mahupun peniaga? Ini antara keluhan yang sering didengar dan mereka masih tidak merasa bahawa kerajaan membantu mereka dalam hal ini. Tidak tahu di mana silapnya sama ada daripada penyampaian kerajaan yang kurang berkesan, penguatkuasaan yang lemah atau akta yang sedia ada tidak gunakan sepenuhnya untuk mengawal harga barang dan perkhidmatan. Ini hakikat yang patut kerajaan terima.

Oleh yang demikian saya mohon kementerian menjelaskan kepada saya, setakat ini berapa banyak kes yang telah kementerian gunakan sepenuhnya akta-akta sedia ada terutamanya Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dalam menetapkan harga barang kepada peniaga-peniaga yang didapati bersalah menaikkan harga sehingga satu tahap yang tidak munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya secara peribadi tidak bersetuju sekiranya kita meletakkan semua beban kesalahan ini kepada pembekal, pemborong atau peniaga berdasarkan kaum yang tertentu. Saya tidak bersetuju hakikatnya di Malaysia ini semua kaum terlibat dalam perniagaan dan ini perlulah diakui. Saya memohon kerajaan supaya menggesa syarikat-syarikat yang dikategorikan sebagi monopoli di negara kita iaitu sama ada monopoli industri perniagaan, monopoli *license* atau sebagainya. Menurunkan harga barang dan perkhidmatan mereka sejajar dengan usaha kerajaan dalam mengatasi kenaikan kos sara hidup yang semakin tinggi sekarang. Jikalau peniaga biasa ada yang sanggup menurunkan harga kerana harga minyak, mengapa pula mereka ini tidak sanggup untuk turunkan harga perkhidmatan mereka walaupun berjaya mencatat untung yang besar pada tahun 2014.

Mari kita lihat antara senario mengapa rakyat tidak berpuas hati. Harga gula satu dunia sudah jatuh merudum tetapi mengapa harga gula di Malaysia tidak mahu turun sama. Mengapa kerajaan Malaysia dilihat masih lagi memihak kepada taikun yang mengawal pengimportan gula dalam negara kita Malaysia. Harga minyak turun tetapi tarif elektrik TNB tidak turun sejajar dengan kenaikan yang dilakukan pada waktu lepas. Di Malaysia, jikalau mahu mengimport beras dikawal oleh kartel yang cukup berkuasa menentukan beberapa keuntungan yang mereka mahu peroleh atas nama kuasa monopoli yang sudah tentu kerajaan serta Menteri yang berkenaan tahu akan perkara ini.

Oleh yang demikian saya harap kementerian dapat memainkan peranan dalam menasihati mereka ini terutamanya TNB supaya tarif elektrik dapat dikurangkan sejajar dengan kenaikan pada tempoh yang lalu. Nasihat taikun kaya bagi mengurangkan harga beras di Malaysia. Nasihatkan juga taikun kaya supaya mengurangkan harga gula di Malaysia. Sila buka pasaran untuk lebih ramai mengimport simen di Malaysia.

Dalam Titah Baginda, kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertuan Agong ada menyebut bahawa usaha-usaha meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat terus menjadi agenda penting kerajaan agar kemakmuran negara dapat dinikmati oleh segenap lapisan rakyat dengan saksama. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana komited untuk mendirikan rumah-rumah mampu milik untuk rakyat sepertimana yang telah ditetapkan dalam manifesto PRU Ke-13 yang selepas iaitu sebanyak satu juta unit rumah.

■1230

Dalam bajet yang dibentangkan di Dewan ini kerajaan juga telah memberi komitmen untuk membina 223 unit rumah mampu milik iaitu 17,000 unit rumah yang akan dibina oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Jabatan Perumahan Negara- 26,000 unit perumahan di bawah SPNB, PR1MA 80 unit dan syarikat-syarikat swasta 90 dan juga dan juga *MyHome* 10,000 unit. Walau bagaimanapun, saya ingin kerajaan melihat semula perancangan pembinaan rumah mampu milik ini supaya ia tidak menjadi satu fenomena yang mana hanya orang yang berkemampuan sahaja yang boleh membeli dan tinggal di dalam bandar.

Majoriti rumah-rumah mampu milik ini dibina oleh swasta ataupun PR1MA dalam bandar-bandar ini adalah sekitar RM300,000. Walaupun ada juga sebahagiannya menjual RM200,000 ke RM250,000 tetapi modal yang digunakan dalam pembinaan rumah mampu milik oleh pihak PR1MA atau swasta ini sekitar dalam RM300,000. Sebenarnya mengikut kajian golongan yang disasarkan ini masih belum mampu memiliki rumah-rumah dibina oleh agensi kerajaan kerana gaji mereka hanya sekitar RM5,000 ke bawah itu pun gaji kasar. Rata-rata rumah mampu milik yang dibangunkan oleh pihak kerajaan ini selalunya akan bersekitar dalam lingkungan RM300,000 atau RM250,000.

Saya buat perkiraan ringkas, kalau kita hendak beli rumah RM300,000 kita buat pinjaman 90 peratus bayaran *installment* dia lebih kurang dalam RM1,800 ke RM1,900. Kalau mereka yang bekerja seperti yang saya sebut tadi bagaimana mereka hendak membayar bayaran untuk membeli rumah mampu milik ini kalaulah gaji mereka juga bawah sekitar RM2,000. Jadi apa yang saya hendak minta kepada pihak kerajaan, bagaimana pihak kerajaan boleh memikirkan penyelesaian ke atas masalah ini. Adakah kerajaan bersedia untuk mengkaji untuk membina rumah dalam lingkungan harga RM100,000 ke RM200,000 di kawasan yang sama dan harga ini dilihat lebih mampu bagi mereka yang di bawah gaji RM5,000 yang ke bawah.

Pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kerajaan hadapi ialah bagaimana membina rumah pada harga mampu milik di kawasan bandar yang tertentu kerana tanah-tanah di setiap kawasan ini harga pasarannya mahal dan sebahagiannya telah dimiliki oleh pihak swasta. Oleh yang demikian, bagi mencapai objektif pembinaan perumahan rumah mampu milik pada harga yang sepatutnya, cadangan saya adalah mungkin kerajaan boleh mengkaji semula status perumahan awam yang sedia ada di kawasan bandar di seluruh Malaysia yang berusia melebihi 30 ke-40 tahun dan kita bangunkan kembali, *upgrade* semula dan ubah konsep perumahan awam ini.

Saya juga berpendapat ada baiknya kerajaan membina sendiri projek ini melalui agensi-agensi kerajaan sedia ada tanpa membabitkan sektor swasta dan ini akan mengurangkan lagi kos pembinaan seterusnya objektif perumahan mampu milik di kawasan bandar dapat dicapai. Jika ia dapat direalisasikan, ia dapat memberikan kelegaan dan menyelesaikan salah satu permasalahan terbesar yang dihadapi golongan pertengahan dan bandar yang bekerja di bandar iaitu memiliki rumah pertama.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu pendidikan. Baru-baru ini keputusan peperiksaan PT3 yang diumumkan agak mengejutkan bukan sahaja kepada ibu bapa tetapi juga kepada masyarakat Malaysia akan tetapi ia sebenarnya refleksi keadaan sistem pendidikan tanah air yang sebenarnya telah menjalani transformasi yang lebih baik. Konsisten dengan penilaian laporan antarabangsa TIMSS dan PISA yang menunjukkan penurunan kualiti pendidikan yang diterima oleh anak-anak Malaysia.

Kajian TIMSS 2011 menunjukkan sebanyak 35 peratus daripada anak-anak kita yang terlibat dalam kajian berada di bawah tahap minimum. Sebanyak 35 peratus bawah paras minimum mata pelajaran Matematik sementara sebanyak 38 peratus di bawah tahap minimum mata pelajaran Sains.

Ujian PISA pula menunjukkan bahawa pelajar kita mundur 25 tahun ke belakang daripada pelajar Vietnam dalam mata pelajaran Matematik dan mundur 4 tahun di belakang pelajar-pelajar Singapura, Korea Selatan dan China.

Sebelum ini keputusan PMR yang cemerlang sejak 1993 sering menimbul tanda tanya kerana ia dilihat tidak selari dengan keputusan TIMSS, PISA dan juga indeks PBB. Kita tahu anak-anak kita mempunyai kebolehan, persoalannya adalah persediaan yang disajikan di sekolah-sekolah awam ini memberikan gambaran bahawa sistem pendidikan negara tidak menyediakan anak-anak kita dengan kebolehan ataupun *higher order thinking skilll*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Kualiti pendidikan Sabah dan Sarawak pula dibimbangi kerana menjelang tahun 2016, Kementerian Pendidikan akan menjadikan Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib lulus. Saya menyokong usaha ini untuk meningkatkan mutu belajar, namun adakah kita yakin bahawa anak-anak kita telah bersedia untuk memberikan atau mendapatkan yang terbaik di sekolah-sekolah.

Tahun lepas dianggarkan cuma 20.16 peratus orang pelajar dari Sarawak lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris. Peratusan yang mendapat gred lebih baik daripada A-cuma 11.27 peratus berbanding dengan 13.5 peratus di peringkat nasional. Persoalannya kenapa ini berlaku, adakah personaliti guru yang bersedia mencukupi di kawasan-kawasan pedalaman. Adakah guru-guru yang berkualiti tidak disediakan di kawasan-kawasan ini. Apa yang menyedihkan sudah tentu berita seperti Sekolah Kebangsaan Penimbawan di Tuaran, Sabah yang hanya membangkitkan perhatian di laman sosial menunjukkan sekolah tersebut tidak mempunyai dinding.

Jadi saya harap kerajaan mengambil serius kerana isu pendidikan ini tidak boleh kita remehkan. Pada ketika ini, Tuan Yang di-Pertua, TIMSS penilaian antarabangsa sedang memungut mata bagi kajian tahun 2015, oleh yang demikian saya ingin bertanya adakah Malaysia bersedia untuk pungutan data yang terbaru. Sejauh mana langkah kementerian dalam memastikan pungutan data kali ini lebih baik berbanding tahun-tahun yang sudah.

Saya juga tertanya-tanya dengan jawapan daripada kementerian yang menyatakan bahawa Pendidikan Malaysia kini setaraf dengan negara maju termasuk UK, German dan Australia daripada segi kualiti pendidikan dan ini membuktikan dengan terdapatnya lebih 135,000 orang pelajar asing yang sedang mengikuti pengajian di beberapa buah universiti tempatan yang meliputi 10 peratus daripada jumlah pelajar yang berada di pusat-pusat pengajian tinggi.

■1240

Saya bimbang kalau penyata aras yang sama diguna pakai terhadap pekerja-pekerja asing di Malaysia, kita ekonomi yang terbaik di dunia kerana pekerja-pekerja asing begitu ramai di negara kita tetapi kenyataan-kenyataan sebegini tidak membantu. Pada saya, haruslah bersikap lebih serius dan ikhlas. Ini amat membingungkan sekali khususnya apabila kita melihat menerusi tahun 2014 bagi *QS World University Ranking* bagi universiti-universiti tidak ada satu pun universiti di Malaysia yang tersenarai dalam ranking teratas. Saya berharap agar kerajaan lebih memandang serius akan isu-isu pendidikan di negara kita yang semakin membimbangkan ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan dengan *Islamic State Militant*. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca surat khabar hari ini, kita boleh rasa bagaimana ini menjadi satu masalah yang cukup serius, membimbangkan. Kita lihat video-video dalam *YouTube* bagaimana kekejaman mereka ini. Bagaimana mereka mengambil kesempatan untuk menunjukkan kekejaman mereka kepada seluruh dunia. Persoalan yang berbangkit adalah apakah yang kita boleh lakukan. Apabila saya lihat kepada media masa yang ada maklumat yang mengatakan di Malaysia misalnya, ada ramai yang juga menyertai kumpulan militan ini, ramai ahli keluarga dari Malaysia yang menyertai kumpulan militan IS ini.

Kanak-kanak yang muda juga daripada umur 10 tahun hingga 14 tahun menjadi ahli-ahli IS. Lagi menambahkan kegusaran saya apabila pada 2 April yang lepas, Pengarah Bahagian Khas Anti-Keganasan Datuk *Ayob Khan Mydin* Pitchay menyatakan bahawa perisikan polis mendapati bahawa hanya menunggu masa sebelum serangan oleh militan IS dilancarkan terhadap negara kita. Beliau juga menambah bahawa militan IS telah membuat ancaman langsung untuk menyerang Malaysia termasuk mengebom tempat-tempat hiburan sebagai sebahagian daripada rancangan untuk menghukum Malaysia. Ini sangat membimbangkan.

Oleh yang demikian, saya hendak tanya kepada kerajaan, supaya beritahu kami di dalam Dewan ini, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan kita untuk memastikan bahawa keadaan IS ini yang sekarang berleluasa seluruh dunia terkawal di Malaysia? Apakah langkah proaktif diambil? Sejauh mana ketegasan dan *efficiency* kementerian dalam menapis kemasukan warga asing, mahupun warga negara kita sendiri yang datang dari negara-negara yang sedang bergolak terutamanya dari Syria, Iraq, Yaman dan sebagainya.

Saya rasa Malaysia dan semua rakyat Malaysia mahu tahu adakah IS ini menjadi satu ancaman yang besar kepada keselamatan dalam negara kita? Kita ada alasan yang diberikan oleh Ketua Polis Negara yang beliau mengatakan perkara-perkara ini terkawal di Malaysia. Akan tetapi saya mohon penjelasan yang lebih meyakinkan daripada kementerian dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai senator dari Sabah, saya ingin mengulas mengenai laporan RCI yang dikeluarkan pada Disember tahun lalu. Isu pendatang tanpa izin ini sudah lebih 40 tahun lamanya. Malah kita semakin tertekan mendengar satu demi satu masalah yang berlaku akibat keadaan ini yang telah menimbulkan banyak masalah kepada sosial, ekonomi, politik dan juga keselamatan nyawa terhadap rakyat Sabah.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana mempertimbangkan untuk mewujudkan RCI bagi masalah ini dan bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas atau Jawatankuasa Kerja mengenai sosial yang dipertimbangkan dalam laporan RCI yang telah dibentangkan.

Secara peribadi, saya berpendapat bahawa lebih banyak persoalan yang timbul daripada jawapan yang rakyat Sabah ingin dan ini perlulah ditekankan oleh kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini melalui Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan.

Seterusnya, saya juga ingin mendapatkan pengesahan dari kerajaan, apakah pendirian kerajaan berkenaan dengan *special IC* yang dicadangkan oleh ramai pemimpin Sabah? Banyak perkara yang perlu dipertimbangkan dan dijawab sekiranya kerajaan positif ingin melaksanakan kelak. Antaranya, bagaimanakah perkara ini akan dilaksanakan? Siapakah yang akan terlibat? Bilakah ia akan bermula? Kos juga haruslah diambil kira dan pasca penguatkuasaan seperti kaedah mengusir mereka yang tidak sah ini tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya kerana ia melibatkan implikasi hubungan dengan negara asal mereka.

Seterusnya masalah juga akan timbul apabila *illegal immigrants* ini yang sudah memiliki dua, tiga *generation* di sini, bagi saya yang paling penting adalah *general response* daripada rakyat tempatan Sabah dan kajian impak sosial ekonomi serta segala risiko telah diambil kira termasuk rusuhan. Dalam isu ini, saya berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat mencari jalan penyelesaian yang terbaik demi kelangsungan dan kesejahteraan rakyat Sabah yang terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas penghormatan dan pengiktirafan dunia terhadap Malaysia apabila Malaysia telah pun dipilih sebagai anggota tetap, tidak tetap Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tempoh tahun 2015 hingga tahun 2016.

Malaysia telah mendapat kepercayaan dan sokongan majoriti dua per tiga daripada keseluruhan anggota PBB. Malaysia memperoleh 187 undi daripada 193 buah negara anggota PBB. Malaysia perlu mengambil peluang ini untuk lebih berani lantang untuk penuh suara dalam mempertahankan isu-isu demokrasi dan hak asasi manusia.

Malaysia juga haruslah memiliki pendirian yang teguh terutamanya dalam menangani isu IS yang kian menular dan juga membela negara-negara yang menindas dan terus berpegang kuat dalam menekan keamanan sejagat melalui perundingan.

Keduanya, pelantikan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN tahun 2015, saya berharap agar kita lebih fokus kepada pelaksana komuniti Asean yang berpaksikan kepada tiga buah tonggak utama iaitu politik, keselamatan, ekonomi serta sosial budaya di mana ASEAN perlulah menjadi badan yang lebih kukuh.

Untuk itu ia dapat berfungsi dengan lebih baik dan menjadi pertubuhan serantau yang disegani. Malaysia perlulah menerajui ASEAN ke arah yang lebih bersepadu dan mempertimbangkan, mempertingkatkan daya saing yang sihat di persada antarabangsa yang lebih luas. Ini membuktikan kepimpinan negara diiktiraf di semua peringkat sama ada serantau mahupun di dunia.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, isu yang akhir yang saya bahas ialah mengenai denggi. Sejak beberapa bulan kebelakangan ini, gejala demam denggi ini memanglah semakin membimbangkan. Saya dimaklumkan, jumlah kumulatif kes demam denggi ini daripada Januari sehingga 21 Februari 2015, sebanyak 21,310. Jumlah ini kalau kita bandingkan dengan tempoh yang sama tahun sebelum ini, jumlahnya 13,915.

Jadi, perbezaannya hampir dua kali ganda. Kita maklum bahawa Kementerian Kesihatan mempelbagaikan program di seluruh Malaysia. Macam-macam program dibuat termasuk menjalankan aktiviti penguatkuasaan di tapak-tapak pembinaan. Selepas itu dikenal pasti pula ada 56 buah tapak pembinaan yang diperiksa dan daripada jumlah tersebut, 52 buah tapak dikenal pasti sebagai pembiakan nyamuk aedes. Jadi, saya hendak tanya kepada pihak kementerian oleh sebab saban hari kita dimaklumkan asyik bertambah kes denggi ini.

Jadi saya hendak tanya memandangkan jumlah makin bertambah selepas itu, bilangan tapak pembinaan yang dikenal pasti pun bertambah. Apakah tindakan kementerian dalam usaha untuk menangani demam denggi ini dan juga membendung perkara ini? Tidak akan tidak ada satu mungkin perkara baru ataupun ubat baru ataupun yang boleh membantu untuk menyebabkan pembiakan dihapuskan.

Saya tengok pula mengenai beberapa perkara mengenai pembiakan nyamuk aedes ini, banyak berlaku di tapak pembinaan dan juga tempat awam. Jadi, apakah usaha pihak kementerian dalam memberi fokus ataupun peruntukan yang lebih kepada usaha untuk membanteras tempat-tempat yang dikenal pasti ini untuk dijadikan *hot spot* pembiakan nyamuk?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar kerajaan mempertimbangkan komen serta cadangan yang telah saya utarakan demi kebaikan kita rakyat Malaysia bersama. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali untuk berbahas. Silakan, Yang Berhormat.

12.53 tgh.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong seperti yang telah disampaikan pada majlis pembukaan sidang Parlimen penggal ini baru-baru ini. Walaupun Titah Duli Yang Maha Mulia ringkas tetapi ia mencakupi tidak kurang daripada 28 perkara. Saya hanya akan menumpukan kepada dua perkara iaitu berkaitan dengan soal-soal ekonomi dan soal pendidikan. Yang lain akan disentuh oleh teman-teman yang lain.

Satu masalah besar yang dihadapi oleh negara sekarang ini ialah cabaran bahkan ancaman yang sangat serius daripada hutang negara. Ancaman kepada negara ini daripada segi hutang diterukkan lagi dengan keadaan rakyat pula yang terpaksa menghadapi kos hidup yang bertambah meningkat dan sangat membebankan terutama bagi golongan yang miskin. Kos hidup ini ditanggung dan hutang negara yang dibebankan juga ditanggung oleh mereka untuk membayarnya. Dalam tempoh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak selaku Menteri Kewangan juga, angka hutang kerajaan iaitu pada Jun 2014 ialah kira-kira RM568 bilion. Bagi hutang negara pula, ia mencatat angka lebih daripada RM7 bilion atau 67.9 peratus daripada KDNK.

Biasanya, hutang melebihi 50 peratus daripada KDNK ini sudah dianggap berbahaya. Peningkatan hutang negara sekarang begitu besar dan cepat naiknya. Sebagai perbandingan, semasa Tun Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Kewangan pada tahun 2008, hutang negara ialah RM317 bilion. Semasa Tun Daim Zainuddin pada tahun 2003, jumlahnya ialah RM188 bilion dan masa Dato' Sri Anwar Ibrahim, hutang negara mencatat RM104 bilion.

Hitung panjang, di bawah Perdana Menteri sekarang yang menjadi Menteri Kewangan juga, kita dapati bahawa beban hutang negara ke atas setiap warganegara termasuk yang baru lahir dan yang nazak hendak mati ialah kira-kira RM30 juta seorang. Jadi dalam keluarga lima orang ataupun isi rumah lima orang, bererti bebannya kira-kira RM150 juta satu isi rumah.

Pada masa yang sama, pendapatan negara diancam semakin menurun. Ini dijangka akibat daripada kemerosotan harga minyak petrol. Pada tahun 2011 dan 2012, harganya ialah USD127 *per barrel.* Akan tetapi, sekarang ini ia berharga hanya USD50 *per barrel.* Bererti kurang daripada separuh. Rakyat pula terutama mereka yang berpendapatan rendah dan apatah lagi yang miskin bahkan juga daripada lapisan pertengahan sedang menghadapi ancaman dalam taraf hidup mereka. Ini terutama kerana kenaikan harga barangan khususnya barang keperluan dapur dan keperluan harian yang lain.

Selain itu juga, dua musibah telah menimpa. Pertama ialah kemerosotan harga hasil pengeluaran pertanian terutamanya kelapa sawit dan getah. Harga getah telah merudum kepada RM1.97 sekilogram kini. Walaupun harga kelapa sawit agak tinggi juga pada kira-kira RM2,200 setan sekarang, namun harganya tidak tetap dan sering berubah-ubah kepada paras yang rendah.

Pada masa yang sama, nilai mata wang ringgit pula merosot dibandingkan dengan kebanyakan mata wang dunia yang kukuh, kedudukan wang kita adalah lemah. Misalnya pertukaran Ringgit dengan *Dollar* Amerika Syarikat ialah kira-kira RM3.60 bagi USD1 manakala dengan Singapura pula, kira-kira RM2.60 bagi SGD1. Bahkan dengan *Baht Thai* pun, kedudukan kita sekarang ini sudah agak lemah juga. Akibat daripada nilai yang bertambah merosot, kuasa beli ringgit semakin rendah terutama bagi membeli barang-barang yang diimport. Seperti kita ketahui, negara dan rakyat negara ini banyak juga bergantung kepada barang-barang import. Apabila barang-barang import naik harga, ia lazim juga menaikkan harga barang tempatan sebagai akibatnya.

Bebanan rakyat sekarang ini ditambah pula dengan beban GST. Beban hidup ke atas rakyat sekarang menjadi berat walaupun dikatakan mungkin pada permulaan ini sahaja, sejak GST dimulakan pada 1 April. GST sudah mula mengakibatkan kenaikan harga...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa kita tepat pukul satu tengah hari. Yang Berhormat boleh sambung balik sebelah petang nanti Yang Berhormat ya. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih, terima kasih.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat.]***

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang kita sambung semula perbahasan belanjawan kita, Titah Diraja. Saya persilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin. Saya harap semua Ahli Yang Berhormat elok masuk, yang mana sudah terberi nama, apabila saya panggil, saya harap berada dalam Dewan. Sekarang, persilakan Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang untuk menyambung. Seperti yang saya sebut tadi bahawa GST ini nampaknya mempunyai akibat menaikkan harga barang dan ini terutama bersabit dengan berterusannya pembayaran yang dikenakan untuk SST. Jadi selain daripada SST 10 peratus, ditambah lagi dengan 6 peratus GST. Saya berharap bahawa pihak pemerintah akan memastikan bahawa perkara ini diberhentikan iaitu pembayaran SST ini. Pembayaran 6 peratus bagi GST ini dikenakan ke atas semua golongan, yang miskin, kaya, kampung dan bandar. Ini berbeza sedikit dengan SST kerana SST lebih dikenakan kepada golongan di atas, tidak dikenakan kepada golongan yang miskin.

Jadi, itu sebab kadang-kadang dikatakan bahawa GST dikenakan untuk golongan susah yang tertindas. Ada golongan yang mengatakan bahawa GST ini lebih diperlukan kerana kita hendak pendapatan negara dan ada kira-kira mengatakan bahawa pendapatan ini akan bertambah. Akan tetapi saya menyatakan bahawa lebih baik daripada mengenakan cukai yang membebani rakyat, diusahakan supaya diatasi masalah korupsi dan masalah-masalah ketirisan terutama di jabatan-jabatan kerajaan. Mengikut *Auditor General*, tidak kurang daripada RM20 bilion tiris tiap-tiap tahun oleh sebab harga yang tinggi yang terpaksa dibayar untuk barang-barang yang dibeli. Kalau ini dapat diselamatkan, maka GST tidak diperlukan. Maka bolehlah rakyat misalnya, terlepas daripada cukai tersebut.

Saya berpendapat bahawa oleh sebab itu, perlulah beberapa pra syarat ada sebelum GST ini dikenakan. Pertama, mesti ada pendapatan yang lumayan bagi golongan bawahan terutama dan keduanya diperangi betul-betul soal ketirisan dan korupsi itu. Sekiranya perlu umpamanya dikenakan cukai yang baru, maka mengapa tidak diadakan cukai yang lebih membebankan golongan yang berpendapatan tinggi. Di Amerika misalnya, mereka mengenakan cukai yang tinggi kepada golongan yang berpendapatan tinggi dan memberikan bantuan kepada...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Mohon mencelah boleh?

Dr. Syed Husin Ali: Ya.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya cuma hendak tanya, apa usaha-usaha kerajaan selama ini yang memperkenalkan prinsip ketelusan dalam Laporan Audit dibentangkan di dalam Dewan yang mulia dan juga menaik taraf daripada BPR kepada SPRM, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan yang mana pelbagai jawatankuasa-jawatankuasa dibentuk yang di sana, bukan saja wakil daripada pihak kerajaan tetapi juga wakil daripada pihak pembangkang diletakkan? Apakah ini tidak dilihat sebagai usaha-usaha untuk mengekang ataupun hendak menangani isu-isu ketirisan dan pembaziran? Apakah ini bukan suatu bentuk tindakan dan perencanaan kerajaan yang mengambil serius berkenaan dengan ketirisan dan pembaziran bagi pandangan Yang Berhormat?

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya usaha memang ada, diakui tetapi masih belum mencukupi. Ini kita lihat misalnya tiap-tiap tahun laporan dikeluarkan untuk menunjukkan ketirisan. Bahkan yang terbaru pun menunjukkan demikian dan suatu Jawatankuasa telah ditubuhkan di bawah Ketua Setiausaha Negara. Akan tetapi kita masih menunggu lagi apakah kesimpulan mereka, apakah dapatan mereka dan apakah tindakan supaya tidak lagi berlaku ketirisan seumpama itu?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, selain daripada GST kita dapati juga ada kesan buruk daripada TPPA iaitu *Trans-Pacific Partnership Agreement*.

Kita belum lagi menandatangani TPPA, walaupun Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa dalam penggal ketiga tahun ini mungkin ia ditandatangani. Apa yang sudah jelas sekarang ini ialah bahawa dengan TPPA, harga ubatan akan naik tinggi berlipat-lipat ganda dan ini akan menambah beban kepada rakyat yang susah juga.

Jadi berertilah bahawa TPPA ini kita harus kaji dan tidak tunduk kepada apa-apa tekanan. Kita mesti melihat sekurang-kurangnya tiga perkara. Pertama, adakah TPPA misalnya, akan lebih menyusahkan rakyat susah. Kedua, adakah TPPA misalnya, akan mengancam dasar diskriminasi positif seperti hak keistimewaan dan sebagainya. Ketiga, setakat mana ia akan menjejaskan kedaulatan negara iaitu apabila misalnya boleh dibicarakan atau perlu dibicarakan di luar negara jika ada apa-apa pertikaian dan tidak perlu diadakan di negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya berpindah pada soal 1MDB yang telah dibicarakan dan dipersoalkan banyak pagi tadi. Kita tahu bahawa 1MDB ini telah dimulakan oleh kerajaan dengan modal yang kecil dan pengerusinya tidak lain daripada Perdana Menteri sendiri. Ada tuduhan mengatakan bahawa hutang 1MDB ini sekarang ini ialah RM42 bilion. Bagaimanakah hutang ini akan dibayar? Sejumlah RM42 bilion, bagaimanakah hutang ini akan dibayar? Bahkan kalau kita kata misalnya faedahnya 5 peratus tiap-tiap tahun, bererti tiap-tiap tahun sekurang-kurangnya kita mesti membayar RM2.1 bilion. Ada dikatakan kerajaan bahawa mempunyai aset, tanah yang telah dibeli daripada *airport* yang lama, tanah dibeli misalnya, dibeli di Jalan Tun Razak dan juga di Penang. Akan tetapi, adakah mencukupi misalnya semua ini? Saya bimbang bahawa asetnya adalah jauh lebih kecil daripada hutang yang ditanggung.

■1440

Apa yang lebih serius Tuan Yang di-Pertua ialah dua skandal yang melibatkan terutama Jho Low dalam soal 1MDB. Satu ialah skandal tentang pembelian *flat* yang mahal di London dan New York di Hollywood yang akhirnya dijualkan kepada seorang bernama Riza anak tiri kepada Perdana Menteri. Perkara ini telah dibesarkan oleh *New York Times* sampai lima muka halaman, dan ada jawapan diberi bila ditanya di mana datang wang ini? Dan jawapan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri ialah ini wang warisan. Segera adik-beradik Perdana Menteri menafikan hal ini dengan mengatakan bahawa Tun Razak sebagai Perdana Menteri dahulu adalah seorang yang mempunyai integriti dan tidak mengumpul harta yang begitu banyak. Kalau adapun seperti yang ditanyakan siapakah yang telah membayar misalnya cukai pendapatan daripada itu.

Skandal yang kedua ialah tentang hubungan 1MDB dengan PetroSaudi. PetroSaudi ini syarikat yang kosong, tidak ada modal tapi 1MDB...

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bersetuju kah Yang Berhormat kalau saya katakan adalah tidak adil sekiranya kita berbincang perkara-perkara yang mempunyai sangkaan buruk sedangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menyatakan bahawa satu badan khas ataupun Audit Negara dan juga PAC telah diminta untuk menyelidik apa sahaja tuduhan yang dibuat setakat ini untuk 1MDB. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam wawancara yang diadakan oleh Perdana Menteri dia tidak menjawab soalan yang telah saya timbulkan ini dan keduanya ialah yang saya sebutkan tadi saya sebenarnya bersetuju dengan mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir yang mengatakan tidak cukup dengan hanya ada satu audit. Kita perlu sebuah badan atau suruhanjaya yang bebas betul-betul untuk menyelidik segala aspek dalam perkara ini. Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira bukan sahaja Jabatan Audit Negara yang diberikan tanggungjawab tetapi pihak luar daripada audit luar juga yang diminta untuk melakukan audit ataupun disebut sebagai forensik audit. Adalah lebih baik kita menunggu keputusan laporan yang akan dibentangkan oleh Jabatan Audit Negara dan juga daripada pihak audit luar. Saya tidak pasti sama ada Deloitte ataupun PWC dan selepas itu barulah boleh kita bahaskan.

Kalau kita berterusan menuduh dan juga memberikan satu gambaran yang sebenarnya hakikatnya di Dewan yang mulia tidak bolehlah kita seperti mana kita bercakap di luar di pasar-pasar sebagaimana perbincangan di kedai kopi yang mana berasaskan tohmahan, berasaskan persepsi yang tidak dilandaskan kepada fakta yang benar dan sahih. Fakta yang benar dan sahih hanya boleh didapati apabila kita mendapatkan laporan dari Jabatan Audit Negara, daripada pihak PAC dan juga daripada pihak audit luar. Daripada situlah kita boleh berbahas dan lebih adil untuk kita menjatuhkan hukuman setelah kita meneliti segala fakta yang ada. Apakah Yang Berhormat bersetuju dalam hal ini?

Dr. Syed Husin Ali: Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua saya tidak nampak sama ada sudah diadakan *forensic investigation*. Tidak ada disebut soal itu dalam mana-mana tempat. Dan keduanya, itu sebab saya tekankan perlu ada suruhanjaya dan ini bukan tohmahan. Ini persoalan-persoalan yang harus dijawab dan harus diselidik dan kita mahukan badan yang betul-betul berwibawa untuk melakukan penyelidikan itu.

Satu lagi skandal yang saya sebutkan tadi ialah berkaitan dengan PetroSaudi tadi. Saya katakan Petro Saudi syarikat yang kosong, tidak ada modal tapi 1MDB menyuntik modal sebanyak lebih daripada USD1 bilion kepada syarikat itu. Dan kemudian RM700 juta telah berpindah tangan kepada Jho Low. Mengapakah perkara ini berlaku? Adakah benar berlaku dan untuk apa wang itu digunakan?

Perkara akhir tentang ekonomi yang hendak saya sebutkan ialah tentang pemusatan kekayaan dan kemiskinan. Seperti yang saya selalu sebut di sini kita dapati bahawa sistem ekonomi yang ada sekarang ini membenarkan pemusatan kekayaan kepada segelintir orang. Kita dapat tahu misalnya 100 orang yang terkaya dalam negara ini kebanyakannya bukan Melayu dan oleh sebab ada pemusatan kekayaan ini maka akibatnya ialah jurang yang lebar di antara kaya dengan miskin.

Selalu dikira jurang ini dengan *Gini coeffient. Gini coefficient* tidak memadai kerana ia tidak menunjukkan tentang hakikat pemusatan kekayaan itu. Kita tidak mempunyai misalnya maklumat tentang pemusatan kekayaan itu. Di Amerika satu kajian menunjukkan bahawa 1 peratus sahaja orang kaya menguasai 90 peratus daripada kekayaan di seluruh Amerika. Kita ingin supaya diadakan penyiasatan ataupun penyelidikan untuk kita mengetahui kalau misal diambil RM100 juta pendapatan sebagai *cut of point,* dengan izin, berapa ramai yang mempunyai harta kekayaan RM100 juta itu dan berapa *percent*kah yang mereka itu kuasai dan di antara yang mengusai ini, berapa *percent* pula misalnya yang Melayu, Cina, ataupun India dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan soal-soal ini dengan tidak memberikan apa-apa cadangan. Sekarang saya hendak mengemukakan tiga cadangan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Pertama, mesti diadakan bantuan kewangan tetapi berterusan sepanjang tahun bukan dalam bentuk seperti BR1M. Kadar peruntukan belanjawan bajet kepada mereka kepada golongan yang miskin di kampung dan sebagainya hendaklah dilipatgandakan guna mendirikan sekolah, hospital yang baik, lengkap, percuma bagi mereka yang susah.

Selain itu, hendaklah diberi bantuan kewangan kepada golongan miskin, miskin tegar terutama di desa atau di bandar. Bantuan bulanan hendaklah diberi kepada mereka yang uzur, tua atau berkeluarga besar terutama supaya mereka dapat dibebaskan daripada belenggu kemiskinan.

Sehubungan ini, saya ingin cadangkan supaya diberi bantuan penuh kepada mereka yang menjaga keluarga yang sakit dengan sepenuh masa. Kita tahu misalnya ada anak atau suami atau isteri yang menjaga keluarga mereka yang sakit dan tidak boleh kerja. Mereka ini harus diberikan bantuan yang sepenuhnya.

Cara yang kedua ialah dengan meningkatkan produktiviti. Ini boleh dilakukan antara lainnya dengan memberi galakan, insentif, kredit dan kemudahan supaya petani padi misalnya boleh mengerjakan sawahnya sekurang-kurangnya dua kali setahun sebagaimana yang dilakukan di setengah-setengah tempat di Sekinchan. Selain itu hendaklah diberikan mereka benih baja, alat dan teknologi murah jika tidak boleh percuma.

Cara yang ketiga ialah dengan memperbaiki struktur pasaran dan saya berpendapat bahawa gerakan koperatif adalah yang paling baik untuk mengganti misalnya sistem yang ada sekarang ini daripada segi pemasaran. Selain daripada itu, untuk mengatasi masalah turun naik harga barang perlu diadakan sistem *stockpile* ataupun stok penimbal. Mengikut stok penimbal ini ada simpanan getah atau kelapa sawit oleh kerajaan atau badan yang ditentukannya. Bila harga turun dibeli keluaran itu supaya bekalannya sedikit harga dapat naik. Bila harganya naik, maka dijual...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan? Kalau ikut cadangan Yang Berhormat itu tidak akan ikut cara negara jiran iaitu Thailand di mana itu satu kesalahan dan kesilapan besar dibuat. Terima kasih. Setuju kah?

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu apa kesalahan yang dimaksudkan. Tidak dijelaskan tetapi apa yang hendak saya katakan...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh saya jelas?

Dr. Syed Husin Ali: Tidak payahlah.

Dato' Lim Nget Yoon: Thailand...

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Lim Nget Yoon: Kerajaan Thailand membeli padi...

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya masih berdiri.

■1450

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak benarkan. Yang Berhormat boleh gunakan apabila masa Yang Berhormat berucap nanti. Silakan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Kelihatan di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa kita akan membelanjakan begitu banyak pada golongan kampung, golongan susah dan golongan Melayu. Sebenarnya apa salahnya kita membantu banyak kepada mereka. Merekalah paling susah dan kebetulan mereka yang paling ramai bumiputera dan Melayu. Kalau mereka ini tidak kita tolong siapa lagi yang hendak kita tolong.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua izinkan saya untuk pergi kepada masalah pendidikan. Ada beberapa perkara yang dari mula tadi saya katakan bahawa saya akan bincang tentang soal-soal berkaitan ekonomi dan soal pendidikan.

Tentang soal pendidikan ini perkara yang tidak habis-habis ditimbulkan ialah soal bahasa iaitu bahasa penghantar di sekolah-sekolah. Kita dapati sekarang ini memang umpamanya sekolah-sekolah Tionghoa yang begitu besar yang kuat didirikan kerana ramai orang Tionghoa merasakan bahasa itu melambangkan kebudayaan, sejarah dan tradisi mereka dan harus dipertahankan. Akan tetapi ada juga sebab mereka tidak pergi ke sekolah kebangsaan iaitu kerana mereka melihat bahawa mutu pendidikan di sekolah kebangsaan itu terutama daripada segi sains dan matematik adalah rendah. Dan ketiga kadang-kadang ada soal-soal agama atau kepercayaan yang ditimbulkan di sekolah-sekolah kebangsaan yang mungkin tidak menyenangkan hati mereka.

Jadi salah satu perkara yang harus dilakukan untuk menarik mereka ke sekolah-sekolah kebangsaan yang menggunakan Bahasa Kebangsaan itu ialah dengan memastikan mutu lebih tinggi daripada yang ada sekarang ini. Saya pernah mengatakan, dan sekarang ini Timbalan Perdana Menteri sebagai Menteri Pendidikan pun mengakui bahawa kita kadang-kadang corot terutama dalam perbandingan sains dan matematik di seluruh dunia. Bahkan seperti yang saya katakan tadi dibandingkan dengan sekolah-sekolah Cina pun sains dan matematik kita kurang baik.

Oleh kerana itulah saya harap betul-betul bahawa Jawatankuasa Pendidikan akan diadakan untuk mengkaji di negara-negara yang maju dari segi pendidikan sains dan matematik dan juga di sekolah-sekolah Cina supaya dapat diaplikasikan di sekolah-sekolah kebangsaan untuk menaikkan tarafnya dan menarik lebih banyak lagi bukan Melayu ke sekolah-sekolah tersebut.

Bila sebut tentang soal taraf yang rendah itu kita lihat misalnya bukan sahaja negara-negara seperti China, Taiwan, Korea Selatan dan Singapura yang terletak pada 10 yang teratas, tetapi negara seperti Vietnam pun kedudukannya lebih baik.

Kita daripada segi perbandingan antarabangsa terletak pada kedudukan 57 daripada 62 buah negara dan Vietnam 17 daripada 62 tersebut. Jadi oleh sebab itu serius betul harus kita perbaiki tentang sains dan matematik di sekolah kebangsaan itu bukan sahaja untuk pelajar-pelajar di sekolah itu tetapi juga untuk memberikan asas bagi menarik pelajar-pelajar di luar.

Saya berpindah kepada soal bukan sahaja mutu sekolah yang menjadi masalah bahkan mutu universiti pun sekarang ini dipersoalkan. Tadi telah banyak angka yang diberikan dan sebenarnya saya sedikit bimbang tentang mutu yang semakin merosot ini dibandingkan dengan masa dahulu. Masa dahulu Universiti Malaya misalnya di bawah 100 kedudukannya. Sekarang luar daripada 200 dan baru-baru ini saja sampai kepada 150 buah terbaik. Baguslah tapi yang lebih penting daripada kedudukan angka ini ialah apakah jenis universiti yang kita bina? Apakah jenis pensyarah yang kita taja? Apakah jenis pelajar yang kita keluarkan?

Saya ingin melihat universiti itu universiti yang mempunyai rancangan-rancangan penyelidikan dan penerbitan yang boleh membantu pembangunan negara, yang boleh membantu misalnya perpaduan bangsa. Saya ingin melihat misalnya pensyarah-pensyarah dinaikkan pangkatnya bukan didasarkan kepada siapa yang dikenal tetapi kepada hasil akademik mereka supaya dapat dihormati betul-betul.

Saya ingin melihat misalnya pelajar yang bersifat kreatif dan kritikal, tidak misalnya tukang angguk sahaja. Saya ingin melihat pelajar yang berani kerana benar. Berani menentang kezaliman. Saya juga ingin melihat misalnya pelajar-pelajar yang tidak mudah terpengaruh oleh perkara-perkara yang berkaitan dengan kesempitan fikiran mengenai kaum dan agama bahkan boleh berfikir secara yang sewajarnya sebagai orang yang berpelajaran dan yang bijaksana.

Sebenarnya kalau kita dapat atasi semua ini, kita dapat keluarkan universiti, pensyarah dan mahasiswa yang berkualiti. Maka kita tidak harus bimbang sangat tentang berapakah kedudukan kita secara angka tadi kerana kadang-kadang tidak menyatakan kedudukan sebenarnya.

Kemudian bagaimana pula tentang soal pendidikan dengan hubungan kaum. Kita harus melihat pendidikan itu sebagai satu cara, ejen yang penting bagi membentuk perpaduan kaum. Akan tetapi malangnya, sekarang ini bahasa dan pendidikan bukannya sebagai alat perpaduan tapi sudah menjadi alat untuk menimbulkan perpecahan terutama perpecahan di kalangan kaum-kaum yang berlainan. Dalam sistem yang ada sekarang ini, kita dapati ada pemisahan yang jelas antara sekolah dengan kaum. Misalnya, angka-angka kerajaan sendiri menyatakan bahawa 93 peratus daripada pelajar Cina di sekolah-sekolah adalah di sekolah Cina.

Sebanyak 93 peratus orang pelajar Melayu adalah di sekolah kebangsaan. Ini sudah memisahkan. Oleh sebab itu macam mana pun sekiranya ditentangkan pun kita harus memikirkan soal mengadakan sistem pendidikan yang satu di mana mereka boleh berinteraksi satu sama lain, di mana Melayu, Cina, India, Kadazan dan Iban dapat di bawah bumbung yang sama. Bererti di sini kita harus berani hadapi sifat-sifat ataupun alat-alat negatif yang digunakan untuk pelajaran dan bahasa itu dan ini memerlukan satu keazaman yang kuat. Tentang peringkat universiti...

Tuan Chong Sin Woon: Minta pencelahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, membincangkan bahawa sistem satu-sekolah boleh membendung daripada isu polarisasi kaum. Akan tetapi kita sering menerima aduan walaupun kita ada pelajar India dan pelajar Cina di sekolah kebangsaan, tetapi masih wujud lagi isu perkauman. Ada yang membuat aduan bahawa mereka dihina, dicaci, dimarah kerana warna kulitnya.

Satu lagi contoh yang biasa kita guna adalah di Indonesia. Satu sistem persekolahan semua nama yang sama di Indonesia tetapi pada 90-an berlaku juga rusuhan atas kaum. Jadi manakah fakta saintifik yang menunjukkan bahawa sistem satu-sekolah itu formula pasti bahawa dengan adanya sekolah itu maka tidak ada lagi isu perkauman?

Atau, apakah fakta saintifik yang mengatakan bahawa wujudnya sistem perkauman ataupun isu perkauman kerana wujudnya sistem pelbagai sekolah yang ada sekarang? Sekian.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya tidak mengatakan bahawa dengan adanya sekolah satu bahasa misalnya itu akan menjamin segala-galanya. Negara Arab misalnya satu bahasa, satu agama dan mereka bercakaran. Jadi bererti ada faktor-faktor lain yang menyebabkannya. Faktor pendidikan ini boleh mengurangkan faktor yang negatif itu. Itu sebab saya katakan kita mesti gunakan pelajaran dan bahasa itu dengan sifat positifnya dan bukan negatifnya.

Keduanya, maaf lupa yang kedua tadi. Keduanya Tuan Yang di-Pertua kita tahu bahawa dengan mengadakan satu-sekolah dan dalam sebuah sekolah masih juga ada penghinaan-penghinaan. Jadi dalam hal ini mesti ada tindakan yang keras, mesti diberikan suasana yang baik. Jangan kita benarkan suasana pergaduhan daripada segi agama, daripada segi kaum di luar mempengaruhi keadaan di dalam sekolah.

■1500

Kalau misalnya kita benarkan pengaruh di luar yang berkembang itu di sekolah, maka akan kalahlah tujuan kita untuk menegakkan satu sistem pendidikan yang padu. Jadi, ertinya, ada faktor-faktor yang harus kita fikirkan. Kita tidak boleh menolak sama sekali. Bila kita ada sistem satu-sekolah, Perlembagaan masih membenarkan sekolah lain diteruskan tetapi tanpa bantuan. Jadi kita tidak terikat daripada segi demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Boleh saya katakan Yang Berhormat bahawa faktor luaran yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, faktor yang baru-baru ini berlaku. Contohnya mengheret pelajar-pelajar ataupun pelajar-pelajar universiti ke demonstrasi-demonstrasi yang tidak membawa faedah sehingga meruntuhkan pagar universiti. Adakah ini Yang Berhormat setuju boleh juga dianggap faktor luaran yang menyebabkan anak-anak kita ini terlencong daripada apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Syed Husin Ali: Pertama sekali perkara itu timbul oleh sebab ada jemputan supaya seorang Ketua Pembangkang datang berucap dalam universiti. Saya fikir patutnya dibenarkan ini. Saya diharamkan masuk universiti untuk berceramah selama 26 tahun, baru beberapa bulan lalu dibenarkan. Apakah jenis universiti yang mengharamkan semua ini? Itu pertama.

Keduanya, tidak betul dikatakan bahawa pagar diruntuhkan, tidak betul. Saya ada di situ, ramai di situ dan apa yang berlaku ialah mereka membuka, pihak menjaga di situ membuka pagar itu. Itu sebab Naib Canselor yang bertugas ditukarkan kerana tidak dapat mengawal pengawal-pengawal *gate* itu. Jadi bererti tuduhan tidak benar diruntuhkan. Dan tidak ada siapa yang mengheret misalnya pelajar untuk berdemonstrasi dan sebagainya. Kalau mereka merasakan sesuatu demonstrasi itu perlu untuk menyatakan sesuatu hasrat, kita berikan mereka kebebasan asalkan mereka berbuat demikian dengan secara aman kerana undang-undang membenarkan itu.

Balik kepada soal...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lima minit lagi.

Dr. Syed Husin Ali: Boleh, saya habiskan. Saya balik kepada soal universiti tadi tentang soal polarisasi kaum di universiti berlaku dalam universiti yang sama. Masa saya dulu, Cina, Melayu, India senang berhubung, bercakap, makan bersama dan sebagainya. Akan tetapi sekarang ini di *concourse* Universiti Malaya misalnya, yang Melayu satu pihak, yang bukan Melayu satu pihak, Cina dan India. Yang pakai tudung satu pihak, yang tidak pakai tudung satu pihak. Ini merupakan satu perkara yang tidak patut berlaku dan harus kita atasi.

Akan tetapi yang lebih teruk lagi ialah bila antara universiti, IPTA, universiti awam kebanyakannya ialah pelajar-pelajar dari sekolah menengah yang menggunakan bahasa kebangsaan dan universiti pun ada subjek-subjek yang digunakan dalam bahasa kebangsaan dan didapati sekarang kemerosotan berlaku di universiti awam.

Di IPTS, swasta, kita dapati kebanyakannya adalah bukan Melayu dan sebahagian besarnya universiti ini, bahkan semua universiti IPTS ini menggunakan bahasa Inggeris. Jadi kita dapati orang Melayu banyak di universiti yang lebih bergantung pada pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah kebangsaan, yang kurang kecekapan mereka dalam bahasa Inggeris. Yang bukan Melayu pula dengan bahasa Inggerisnya. Dalam keadaan sekarang ini, nilai ekonomi bahasa Inggeris lebih tinggi. Jadi peluang pekerjaan akhir-akhirnya nanti adalah lebih baik bagi mereka daripada IPTS itu. Bukan sahaja soal ini tetapi yang pentingnya ialah adanya jurang di antara IPTA dan IPTS itu yang akan memburukkan lagi keadaan.

Jadi saya rasa bukan soal bahasa, soal mutu sahaja tetapi soal kesan kepada hubungan kaum ini memerlukan pemikiran semula tentang pendidikan, perombakan untuk membaikkan keadaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, begitulah bunyinya. Saya hendak menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat. Segala tajuk atau isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, contohnya 1MDB. Saya rasa pihak kementerian ambil perhatian untuk menjawab nanti. Kalau ada lain-lain yang hendak bercakap mengenai 1MDB yang tidak dibahaskan tadi, saya benarkan tetapi kalau sekiranya sudah sebut tadi, jangan diulang-ulang lagi untuk menjimatkan masa. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman, silakan.

3.05 ptg.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk turut sama membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas pada 9 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku telah mengajak Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk membuka lembaran baru dengan niat dan tekad positif setelah negara mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan sepanjang tahun 2014. Kita masih lagi kedengaran desas-desus dan komen daripada pelbagai pihak mengenai bagaimana kerajaan boleh atau sepatutnya menangani pelbagai cabaran sepanjang 2014 dengan lebih baik. Akan tetapi saya pohon menyokong dan ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan bahawa kerajaan telah mengendali situasi-situasi rumit tersebut dengan baik. Akan tetapi ingin juga saya sarankan bahawa masih ada lagi ruang untuk kita sama-sama perbaiki terutamanya dalam pengurusan krisis di tahap nasional ataupun antarabangsa.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pemilihan Malaysia sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi tempoh 2015 sehingga 2016 dan pelantikan sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun 2015. Adalah diharapkan dengan pelantikan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN, Komuniti Ekonomi ASEAN akan dapat direalisasikan justeru mengukuhkan ekonomi, daya saing dan pelaburan di ASEAN terutamanya di Malaysia bumi yang kita sayangi ini.

Tahun 2015 juga akan menyaksikan pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas yakni rancangan Malaysia yang terakhir untuk memacu negara ke aras status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Dengan RMKe-11 yang bersama-sama akan dilaksanakan dengan Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan yang sedia ada, seluruh rakyat Malaysia berharap mendapat peluang kehidupan yang lebih baik dengan pembangunan sosioekonomi yang menyeluruh, sektor-sektor utama seperti perumahan, pendidikan dan keselamatan nasional haruslah dititikberatkan agar pembangunan negara dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia.

Ranjau sepanjang lima tahun menjelang 2020 ini semestinya akan berliku, maka pelaksanaan rancangan-rancangan mestilah diatur dengan baik dan telus, penguatkuasaan undang-undang, pemantauan prestasi dan pembuatan keputusan tahap tinggi, ketelusan kerajaan dan *governance* dalam melaksanakan projek-projek pembangunan dan pelaburan mestilah dipertingkatkan tanpa adanya pengecualian kepada pihak-pihak tertentu.

■1510

Ini akan mempertingkatkan lagi tahap keyakinan pelabur biar pun dari dalam ataupun luar negara. Alhamdulillah negara kita masih lagi merekodkan pertumbuhan ekonomi yang sihat kala keadaan ekonomi global yang sungguh mencabar. KDNK negara telah berkembang sebanyak 6 peratus tahun lepas dan pertumbuhan ekonomi negara dijangka masih lagi kukuh dengan unjuran pertumbuhan KDNK dalam lingkungan 4.5 peratus hingga 5.5 peratus pada tahun ini. Kadar defisit fiskal walaupun terpaksa disemak semula daripada 3 peratus kepada 3.2 peratus seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada taklimat *economic reboot* awal tahun ini masih lagi menghala ke arah bajet seimbang pada tahun-tahun akan datang.

Alhamdulillah pertumbuhan ekonomi negara masih berada di landasan yang betul walaupun diselubungi isu kejatuhan harga minyak mentah serta turun naiknya mata wang Ringgit Malaysia. Namun kita tidak mampu untuk alpa dan berdiam diri. Kerajaan dari pucuk pimpinan sehingga ke jentera-jentera penggerak mestilah berwaspada dan peka kepada persekitaran untuk mengambil langkah-langkah proaktif. Agar hala tuju tidak akan tersasar kerana proses untuk mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi mestinya bukanlah mudah dan memerlukan dokongan seluruh rakyat bagi menjayakan Program Transformasi yang dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa cabaran yang telah kita tempuhi baru-baru ini yang boleh diambil iktibar untuk pembaikan pengurusan kerajaan masa hadapan serta isu-isu semasa yang menyentuh rakyat mutakhir ini. Pertama tragedi kemalangan industri penerbangan. Selepas tragedi nahas kapal terbang *Malaysia Airlines* MH370 dan MH17, *AirAsia* QZ8501 berlaku pula insiden Germanwings di mana pembantu juruterbang rupa-rupanya mengalami masalah psikologi telah secara sengaja menjatuhkan pesawat ke Banjaran Frenchout, dengan izin, mengorbankan 150 orang penumpang. Selepas itu pula tragedi nahas helikopter berlaku di Semenyih di mana enam orang telah terkorban termasuk Allahyarham Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis seorang rakan bagi ramai Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Insiden-insiden ini memerlukan perhatian kepada aspek keselamatan, penyelenggaraan dan prosedur kecemasan yang lebih tinggi dalam industri penerbangan. Bukan sahaja untuk Malaysia malah untuk masyarakat antarabangsa. Disebabkan tragedi-tragedi yang berlaku keyakinan pengguna terhadap sesetengah syarikat penerbangan telah semakin tertiris. Justeru saya ingin mencadangkan beberapa langkah untuk memulihkan semula paras keyakinan pengguna di samping memantapkan prosedur keselamatan industri penerbangan kita.

Pertama, mengenakan tindakan tegas dan melaksanakan penguat kuasa undang-undang dan tatatertib untuk pemantauan penyelenggaraan pesawat. Kedua, mengenakan peraturan atau wujudkan satu akta untuk mewajibkan sekurang-kurangnya dua orang bertauliah untuk berada dalam kokpit pesawat pada bila-bila masa termasuk prosedur penggantian kakitangan pesawat apabila salah seorangnya ingin meninggalkan kokpit. Mungkin ada cadangan-cadangan lain oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan yang boleh dibincangkan lagi tetapi tidak kira apa pun kita mesti bertindak untuk mengelakkan tragedi-tragedi seperti ini berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, musibah banjir dan pengurusan pasca bencana. Sebelum saya meneruskan hujah saya yang kedua ingin saya merakamkan tahniah dan terima kasih kepada seluruh rakyat Malaysia.

Pihak polis, tentera RELA, ahli-ahli perubatan, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, pihak-pihak NGO dan ramai lagi di atas segala usaha dan bantuan yang disalurkan kepada mangsa-mangsa banjir di kesemua negeri yang dilanda banjir baru-baru ini. Tidak pernah saya lihat seluruh rakyat Malaysia tidak mengira kaum, bangsa dan agama berganding bahu memberikan bantuan dalam segala rupa bentuk kepada saudara-saudara dan rakan-rakan senegara dalam membantu mereka pada saat-saat yang getir seperti yang telah berlaku.

Sebagai manusia kita tidak mempunyai kuasa untuk mengelakkan berlakunya bencana alam seperti banjir, kemarau ataupun epidemik penyakit. Akan tetapi kita diberi akal dan fitrah untuk berusaha membendung dan mengurangkan risiko-risiko ini dan juga mengawal operasi-operasi dan tindakan-tindakan pasca bencana. Kita perlu meningkatkan bukan sahaja usaha pengurusan musibah dan tindakan pasca musibah. Akan tetapi perlunya *approach* yang menyeluruh bersama langkah-langkah mitigasi dan sistem amaran untuk bencana alam dan penyediaan prasarana berkaitan. Bagi pihak mereka-mereka yang terlibat saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana dapat menyiapkan rumah-rumah bagi mangsa-mangsa banjir sebelum menyambut bulan puasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga, masalah pemilikan rumah dan penyeliaan rumah mampu milik. Tahniah diucapkan kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah melaksanakan pelbagai mekanisme untuk menyediakan perumahan mampu milik dan beberapa buah agensi kerajaan seperti Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia, Program Perumahan Rakyat, Program Perumahan Awam, Program Bantuan Rumah, Program Rumah Mesra Rakyat, Skim Rumah Pertamaku dan sebagainya. Sektor perumahan negara bukan sahaja berkenaan membina rumah untuk golongan sederhana, sederhana tinggi dan golongan berpendapatan tinggi. Malah menerusi program-program perumahan seperti yang disebutkan rakyat yang berpendapatan sederhana dan rendah dapat juga memiliki sebuah rumah untuk didiami dengan selesa bersama dengan infrastruktur yang lengkap.

Namun begitu isu pemilikan rumah dan penawaran bilangan rumah mampu milik di pasaran masih jauh daripada penyelesaian. Masalah pemilikan rumah di kalangan rakyat Malaysia khususnya golongan bumiputera serta golongan berpendapatan rendah dan sederhana masih lagi menjadi bahan perdebatan di mana sahaja kita berada. Bagi program-program yang telah diadakan seperti yang disebutkan tadi pemantauan ke atas pelaksanaan mestilah dilakukan secara konsisten mengikut jadual masa yang ditetapkan. Ini adalah kerana kejayaan program-program tersebut bukanlah diukur dengan bilangan pelancaran projek. Akan tetapi ia berjaya apabila rumah-rumah itu dapat diserahkan kepada pembeli-pembeli mengikut ketepatan masa dan spesifikasi kualiti yang telah dijanjikan.

■1520

Saya akui bahawa usaha pemantauan ini telah dijalankan tetapi adalah lebih baik jikalau pencapaian tahap kemajuan atau pembangunan sesebuah projek diuar-uarkan setiap bulan melalui saluran media supaya rakyat merasa lebih yakin akan kejayaan program-program tersebut. Ini akan membantu dalam penerangan kepada pembeli rumah akan proses-proses yang terpaksa dilalui supaya dakwaan bahawa pelaksanaan kerajaan adalah perlahan. Dengan itu, dapatlah kerajaan membuktikan kesungguhan untuk membantu permasalahan pemilikan rumah di kalangan golongan sasar dan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Usaha dan peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Pusat ini haruslah ditambah pula oleh peranan pihak berkuasa negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan. Di sini saya ingin ketengahkan bahawa penguatkuasaan syarat-syarat dalam perintah pembangunan seperti penyediaan unit-unit rumah kos rendah dan sederhana masih tidak dapat dilihat oleh pembeli-pembeli rumah. Masih lagi dapat dilihat projek-projek perumahan dan kondominium baru tidak menyediakan rumah-rumah kos rendah dan sederhana dengan harga yang mampu dimiliki oleh golongan sasar ini.

Ada kes-kes di mana sesetengah projek usaha sama atau *joint venture* di antara pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan pemaju swasta yang tidak memberi keutamaan kepada pembinaan atau penyediaan rumah kos rendah atau kos sederhana ataupun lebih teruk lagi tidak mempunyai komponen rumah-rumah mampu milik langsung walaupun merupakan projek bersaiz besar.

Lazimnya projek-projek sebegini mendapat pengecualian penyediaan rumah-rumah kos rendah, sederhana dan mampu milik ataupun mendapat kebenaran untuk menempatkan rumah-rumah ini di kawasan yang lain jauh dari lokasi asal sehingga ia tidak lagi menjadi *feasible,* dengan izin, untuk golongan sasar menetap.

Bayangkan seorang yang berada di Kuala Lumpur yang terpaksa menaiki *motorcycle* ke tempat tinggalnya di Bandar Sungai Buaya, naik motor 40 kilometer dalam hujan untuk kembali ke keluarganya setiap hari. Tidak hairanlah projek-projek yang terlalu jauh ini tidak mendapat sambutan oleh pembeli.

Cadangan saya adalah hapuskan, kalau tidak pun ketatkan prosedur pengecualian pemaju daripada tidak membina rumah kos rendah atau kos sederhana. Hentikan program *site swap,* dengan izin, bagi pemaju yang hendak mengalih tapak perumahan kos rendah dari tapak pembangunan asal yang berada di kawasan bandar ke kawasan luar bandar.

Satu lagi isu yang ingin saya bangkitkan supaya ia boleh dilihat dan disemak semula dengan lebih teliti peningkatan harga mampu milik sebagai harga *threshold* untuk projek PR1MA, SPNB dan lain-lain. Dahulunya harga ditetapkan RM400 ribu tetapi daripada Bajet 2015 yang dibentangkan Oktober lalu, harga ini telah meningkat kepada RM500 ribu. Saya khuatir dengan peningkatan definisi harga rumah mampu milik ke RM500 ribu ini, ramai pemaju sektor swasta dan juga sektor awam akan menjual rumah dengan harga lingkungan RM400 ribu hingga RM500 ribu dan bukannya di bawah RM400 ribu.

Maka sia-sia usaha kita untuk menambah bilangan rumah yang betul-betul mampu dimiliki oleh rakyat. Sekiranya harga maksimum ditingkatkan syarat-syarat yang lebih khusus patut dinyatakan untuk pemaju membina peratusan bilangan atau pembahagian rumah dibina mengikut kategori-kategori harga.

Di sini saya ingin memberi pujian kepada Program Perumahan Komuniti Rakyat Johor dan juga Selangorku di mana pembahagian bilangan rumah yang dibenarkan untuk setiap pemaju adalah merangkumi harga-harga rendah, sederhana rendah, sederhana dan mampu milik di samping bilangan unit harga tinggi yang hendak dimajukan. Semuanya ada definisi dan harga kurungan ataupun *price bracket,* dengan izin, yang tetap untuk dilaksanakan oleh setiap pemaju. Diharapkan cadangan ini boleh dikaji dengan teliti oleh pihak-pihak yang berkenaan, istimewa pula Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jika ia boleh diolah dan diguna pakai untuk membantu mengurangkan beban untuk rakyat dalam memiliki rumah mereka.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sahaja berhubung dengan GST. Kita tahu bahawa pelaksanaan GST akan membantu memperkukuhkan kewangan negara. Kita sedar dan kita juga sedar bahawa *thieving problems,* dengan izin, sememangnya akan berlaku dan ada pihak-pihak yang akan mengambil kesempatan untuk menggunakan GST sebagai asas menaikkan harga tetapi saya penuh yakin dengan tindakan-tindakan yang diambil oleh agensi-agensi yang berkenaan dan mekanisme kerajaan yang adil dan telus, ia akan memberi faedah kepada negara dalam jangka panjang seperti yang terbukti dalam negara-negara lain yang telah melaksanakan GST.

Satu perkara khusus yang ingin saya ketengahkan mengenai perkiraan GST ini ialah adanya duti setem dan adanya GST ke atas transaksi hartanah bukan perumahan yakni hartanah komersial, lot-lot kedai, hartanah industri dan hartanah pertanian.

Jikalau dilihat untuk penjualan sepasang kasut. Dahulunya dikenakan *sales tax* dan sekarang *sales tax* dimansuhkan dan digantikan dengan GST. Sama juga untuk kereta atau sektor perkhidmatan. Akan tetapi untuk transaksi hartanah komersial atau apa-apa yang bukan perumahan, cukai yang dikenakan dahulu tidak digantikan oleh GST tetapi ia ditambah pula dengan GST. Ini bermakna dalam transaksi hartanah komersial, jumlah cukai 9 peratus di atas harga penjualan yang saya fikir terlampau tinggi dan boleh menjejaskan pelaburan dalam hartanah komersial negara.

Saya menyarankan supaya kerajaan menyemak balik perkara ini dengan menurunkan pembayaran setem duti memandangkan pembayaran GST di setiap transaksi.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan pembinaan prasarana untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Pembinaan lebuh raya telah menjadi agenda utama untuk memangkinkan ekonomi dan pembangunan luar bandar. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana melaksanakan projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang membantu saudara-saudara kita di Sabah dan Sarawak.

Dengan pembinaan lebuh raya ini, saya nak tanya sikitlah apa statusnya Lebuhraya Pantai Timur yang telah dirancang beberapa lama tetapi sehingga hari ini belum selesai dibina. Saya harap pembinaan Lebuhraya Pantai Timur dan pembinaan fasa seterusnya Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai-Gua Musang dapat disegerakan dengan peruntukan yang mencukupi dalam RMKe-11.

■1530

Adalah juga diharapkan cadangan menaik taraf dan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa dapat direalisasikan memandangkan setiap hari ada 36 penerbangan dikendalikan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra ini. Sekian sahajalah Tuan Yang di-Pertua dengan harapan semoga komen-komen saya mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak-pihak yang berkenaan demi mencapai hasrat murni Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib dalam usaha untuk membawa negara ini ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi di samping mencapai hasrat gagasan rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong.

3.31 ptg.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian untuk perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja pada Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Ke-13 hari ini. Tuan Yang di-Pertua, hari ini 13 April semua rakyat dan masyarakat keturunan Siam serta masyarakat Siam lain di seluruh dunia menyambut Hari Songkran iaitu *Water Festival* ataupun tahun baru masyarakat Siam. Terima kasih kepada rakan saya yang mengucapkan tahun baru pada hari ini.

Pada hari ini saya sepatutnya berada bersama keluarga dan masyarakat Siam yang lain yang menyambut Hari Songkran namun demi tugas kepada masyarakat dan negara saya membuat keputusan supaya menghadiri persidangan pada hari ini. Dalam sejarah juga sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib sebagai Perdana Menteri kita telah mendapat ucapan setiap tahun pada Hari Songkran tidak sebelum ini. Jadi maknanya pimpinan yang prihatin terhadap minoriti masyarakat Siam yang tinggal di utara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada sambutan hari Tahun Baru Cina, Hari Gawai cuti di Sarawak dan Hari Krismas, Hari Deepavali, Thaipusam. Kita ada berbilang keunikan Malaysia, kita ada berbilang kaum di negara ini dan kehidupan mereka aman dan damai malah daripada dahulu lagi kerajaan telah memberi cuti untuk hari sambutan kebesaran ini.

Jadi saya minta supaya kerajaan supaya memberi cuti am kalau boleh di utara Semenanjung Malaysia yang ramai penduduk masyarakat Siam termasuklah Perlis, terima kasih kepada Setiausaha Politik Perlis yang berada bersama kita. Saya mintalah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita ada 129 buah *ethnic group* Yang Berhormat di Malaysia ini.

Agaknya kalau Yang Berhormat meminta, agaknya untuk Kelantan, Kedah ada juga logiknya tetapi kalau seluruh Malaysia agaknya susah juga Yang Berhormat. Akan tetapi tidak mengapalah, itu pun mohon Yang Berhormat, permintaan oleh Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat. Teruskan.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi nasihat dan saya minta supaya empat buah negeri utara seperti Kedah, Kelantan dan juga orang kuat Kelantan di sini dan juga di Pulau Pinang dan Perak supaya kita berikanlah kepada masyarakat Siam ini. Memang susah sebab tahun baru ini mereka hendak balik cari keluarga, berjumpa rakan dan pulang ke desa tetapi bagi masyarakat Siam kita tidak ada cuti. Maknanya kita terpaksa ambil cuti sendiri.

Bahkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memberi peruntukan kepada Hari Songkran ini atas keprihatinan pihak Barisan Nasional hampir setiap kampung kita adakan Hari Songkran termasuklah baru-baru ini Kerajaan Negeri Perlis akan mengadakan pada 13 April ini Hari Songkran besar-besaran mungkin ...

Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada seorang ahli bangun Yang Berhormat.

Datuk Ng Wang @ Ng Chiang Chin: Minta celah sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sokong penuh atas permintaan saudara kita Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong kerana walaupun tidak ramai lebih kurang 70,000 orang penduduk orang Siam di Malaysia tetapi mereka ini amat *deserve the small* perhatian, *because* mereka inilah yang selalu tolong kita daripada segi politik, daripada segi apa pun. Maka, saya dengan sukacita penuh sokong dia orang Siam dapat sedikit *observation*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Pengerusi Gerakan Kelantan Yang Berhormat Datuk Ng Chiang Chin dan saya juga melihat wajah-wajah Senator semua menyokong terhadap permintaan saya. Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Permohonan Yang Berhormat itu akan dicatitkan dan kerajaan akan jawab Yang Berhormat.

Dato' Boon Som A/L Inong: Okey terima kasih. Oleh sebab itu saya merasa sedih jugalah apabila tiba tahun baru masyarakat Siam mereka tidak dapat bercuti menyambutnya. Kalau hendak cuti juga boleh tetapi kena ambil cuti sendiri padahal kita ada lebih 80,000. Saya betulkan Datuk Ng Chiang Chin, 84,200 orang masyarakat Siam yang tinggal di negara ini, yang tinggal daripada dulu di sini sejak sebelum merdeka, di empat buah wilayah utara ini. Walaupun jumlah ini agak kecil berbanding rakyat Malaysia keturunan lain, masyarakat keturunan Siam tetap ada semangat pada tanah air kita dan mereka penyokong setia kepada kerajaan sekarang iaitu Kerajaan Barisan Nasional ini.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat seorang lagi bangun Yang Berhormat. Hendak beri laluan?

Dato' Boon Som A/L Inong: Ya, boleh bagi.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya cuma hendak bangkitkan persoalan apakah Yang Berhormat Dato' Boon Som bersetuju dengan pendapat saya yang mengatakan bahawa Malaysia ini kaya dengan cuti-cutinya. Hampir setiap agama mempunyai cuti dan dirayakan secara bersama di Malaysia ini dan saya kira tidak ada negara atas dunia, di muka bumi Allah ini yang mempunyai kehebatan seperti mana Malaysia yang meraikan cuti-cuti bagi semua agama yang ada dalam konteks negara. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Dato' Boon Som A/L Inong: Saya amat setuju. Inilah Parlimen Tumpat yang ramai masyarakat Siam.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Boon Som A/L Inong: Saya amat setujulah bahawa keharmonian dan keamanan Malaysialah yang menyebabkan di bawah Kerajaan Barisan Nasionallah yang kita boleh hidup aman damai dan mendapat cuti dan mendapat apa sahaja yang diharapkan oleh rakyat. Jadi sampai masanyalah untuk rakyat menyokong kerajaan yang begitu adil dan saksama.

Sempena hari cuti umum inilah saya memohon kerajaan bukan sahaja pada Hari Songkran inilah tahun baru bagi masyarakat Siam saya mohon kerajaan supaya memberi pertimbangan sebagai hadiah Hari Songkran kepada masyarakat Siam ini satu cuti am. Satu lagi saya minta satu peruntukan khas kepada masyarakat minoriti ini sebanyak RM20 juta setahun untuk mudah sebab saya sekarang ini macam peruntukan Senator, masyarakat ada semua 94 buah kampung Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak mohon berapa juta sekalipun mohon kepada pihak yang berkenaan tetapi tidak payah cakap panjang-panjang dalam Dewanlah. Yang Berhormat sebagai wakil boleh kemukakan permohonan. Bila tidak dapat, baru bawa ke sini.

Dato' Boon Som A/L Inong: Okey, terima kasih. Jadi sebagai geran kepada peruntukan tersebut. Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua saya perlu menyatakan bahawa sebenarnya kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib dan timbalannya Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin telah banyak membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Siam di negara ini.

Ini termasuklah isu pelajar masyarakat Siam, isu pendidikan MARA, Tabung Pendidikan Tinggi Nasional malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri juga telah memberi bantuan suntikan untuk kelas bahasa Siam yang dibuka di 72 Wat Siam ataupun *Siamese*

■1540

Sebelum ini kita tidak dapat peruntukan ini. Sejak Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib dan Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin memegang jawatan sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, kita mendapat peruntukan hampir RM1 juta setahun untuk pendidikan bahasa Siam.

Sehubungan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi ikrar masyarakat Siam di negara ini yang menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib dan ingin merakamkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri juga iaitu Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi serta petugas-petugas di Jabatan Pendaftaran Negara kerana telah banyak membantu saya dengan mengambil tindakan segera *hands-on,* banyak masyarakat Siam yang ada masalah kad pengenalan, masalah Siam Thai, sampai sekarang belum selesai lagi.

Akan tetapi dengan adanya Yang Berhormat Timbalan Menteri baru-baru ini telah menyelesaikan beberapa masalah, termasuk seorang yang hampir gagal untuk menduduki SPM. Oleh sebab Timbalan Menteri Dalam Negeri ini mengambil tindakan *hands-on*, masalah itu selesai. Saya berterima kasih kepada kakitangan Kementerian Dalam Negeri dan juga Menteri Dalam Negeri yang telah berjaya menyelesaikan beberapa masalah dan meringankan saya sebagai pemimpin mewakili mereka. Masyarakat Siam akan sokong kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekali lagi menyokong kepimpinan yang sentiasa adil terhadap masyarakat walaupun kaum minoriti.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah kerajaan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib juga, untuk pertama kalinya masyarakat Siam mendapat pengiktirafan sebagai bumiputera secara hitam putih oleh Kerajaan Persekutuan walaupun pelaksanaannya pada peringkat agensi pelaksanaan mungkin agak lembap. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Puan Hajah Nancy binti Shukri baru-baru ini dalam Dewan yang lepas berjanji untuk membentangkan perkara ini kepada Kabinet. Soalan saya, sudah sampai setakat manakah usaha berkenaan? Ini kerana sekarang ini masuk UiTM pun tidak dapat sebab *online* pun, tidak ada masyarakat Siam di situ.

Banyak lagi perkara yang tidak dapat diselesaikan walaupun Perdana Menteri telah mengatakan pada 2012, bahawa masyarakat Siam bumiputera. Akan tetapi benda ini pelaksanaannya amat sedih sekali. Sukar untuk saya menjawab kepada masyarakat Siam di kampung sana. Lagipun sekarang ini masalah masyarakat Siam tertekan oleh sebab kebanyakan masyarakat Siam ini penoreh getah dan pesawah.

Jadi sekarang dengan harga getah turun dan dengan masalah kemasukan pelajar yang cemerlang gagal mendapat tempat di matrikulasi dan juga mendapat tempat di institusi pengajian tinggi. Ini menyukarkan walaupun selama ini mereka penyokong kuat kerajaan, tetapi kalau keadaan ini tidak tercapai, mereka juga agak kurang yakin terhadap janji-janji yang kerajaan berikan.

Tuan Yang di-Pertua, Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) disambut pelaksanaannya pada 1 April lalu dengan pelbagai kritikan. Walaupun kritikan terhadap cadangan pelaksanaan GST sudah ada berbulan-bulan sebelum itu, tetapi kesannya laporan yang mengelirukan orang ramai, saya berharap andaian dan anggapan saya ini salah. Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari sebelum GST dilaksanakan, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri juga telah membuat kenyataan bahawa kementeriannya tidak cukup penguatkuasaan untuk memantau peniaga supaya tidak menaikkan harga barang apabila GST dilaksanakan.

Kenyataan itu sebenarnya umpama bom jatuh atas kepala rakyat Malaysia kerana rakyat sebenarnya menaruh harapan kepada penguatkuasaan KPDNKK untuk mengambil tindakan terhadap peniaga yang menggunakan alasan GST bagi mengaut keuntungan yang berlipat ganda.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri sebenarnya jujur dalam kenyataannya, tetapi kejadian itu telah menyebabkan peniaga yang tidak bertanggungjawab berasa gembira kerana tidak ada orang mengganggu mereka, mereka boleh mengaut keuntungan berlipat ganda. Sudah tentu mereka akan meneruskan perbuatan jahat menekan rakyat yang masih keliru antara GST dengan perbuatan khianat peniaga. Kesannya rakyat menjadi panik.

Oleh sebab itu kita lihat sebelum 1 April, orang ramai berpusu-pusu menyerbu pasar raya seolah-olah akan berlaku perang atau bencana besar pada 1 April. Rakyat yang membeli barang seolah-olah untuk stok bagi dua tiga bulan pun ada. Malah, ada pasar raya yang berani menggantung kain rentang seperti, *"Jualan Sebelum GST"*. Keadaan ini menambah rasa cemas rakyat. Pada masa yang sama, barangan yang mereka menjual pun telah dinaikkan. Pelaksanaan pada 1 April lalu menampakkan bahawa banyak ruang yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan.

Sebenarnya apa yang kita lihat bahawa kerajaan menukar sistem percukaian daripada SST kepada GST. Sebenarnya sebelum hendak memperkenalkan GST, patut kita sifarkan SST. Akan tetapi apa yang saya faham daripada masyarakat kampung dan masyarakat di luar bandar sana menyatakan bahawa sekarang ini kita kena bayar kedua-dua sekali, SST 10 peratus, lepas itu GST 6 peratus. Maknanya, pengguna kena bayar lebih 16 peratus. Jadi harga kita tidak nampak pun harga barang turun, tidak adapun harga yang turun selama ini. Jadi, itulah menyebabkan rakyat begitu marah dengan kerajaan sekarang ini. Akan tetapi apa pandangan saya adalah ini fasa pertama.

Jadi bila fasal pertama memperkenalkan undang-undang baru ini, satu perubahan yang radikal kepada sektor percukaian ini. Lazimnya, sesuatu perubahan yang dilaksanakan akan melalui beberapa fasa. Jadi fasa pertama ini pelaksanaannya agak celaru, resah, heboh, salah tafsir, salah laksana, keliru, kurang persediaan dan seumpamanya, harganya wujud pada fasal pertama. Pada fasal kedua pula, apa yang saya nyatakan di sini bahawa fasal *correctly* atau pun *correction*. Pada fasal ini kelemahan ataupun *loophole* serta item-item yang terlepas pandang yang ditemui pada fasal pertama dikenal pasti dan diusahakan pembaikan dan penyelesaian. Fasa ketiga pula fasa kestabilan, penilaian semula dan penambahbaikan. Pada fasa ini, keadaan sudah agak stabil, banyak kelemahan diatasi, rakyat sudah terbiasa ataupun *numbly* faedah-faedah dan kelebihan daripada penstrukturan sistem sudah mula dirasai.

Jadi saya mintalah supaya fasa satu, fasa dua, fasa tiga ini dipercepatkan supaya tidak menimbulkan kemarahan rakyat kepada parti memerintah ini. Sebab apa, seperti saya nyatakan bahawa ada benda seperti untuk kanak-kanak.

Sepatutnya benda itu, susu sebenarnya bukan sahaja disifarkan, malah diberikan subsidi sebab kita perlukan generasi yang lebih sihat dan segar. Lepas itu macam *pampers*, *pampers* sekarang ini mahal. Jadi, saya mintalah pihak kerajaan supaya melihat benda itu daripada hapuskan GST ataupun kurangkan harganya.

Jadi, saya pernah pergi juga kedai-kedai makan di Alor Setar umpamanya. Dahulu kita makan RM5 lebih, sekarang ini dia kata GST, ditambah 60 sen GST, lepas itu ditambah lagi 60 sebelum ini. Jadi, harga sekarang ini sudah RM7- RM7 untuk nasi kandar. Minta maaflah. Sekarang ini maknanya, *service tax* sudah dicaj 6 peratus, lepas itu 6 peratus lagi dicaj. Maknanya 12 peratus. Jadi, saya fikir penguatkuasaan perlulah ditekankan.

Satu lagi, saya mintalah *politician* ini *stop*lah membuat *statement* yang mengelirukan. Banyak *statements* yang bercanggah seperti mana yang kita dengar di UiTM. Padahal kenyataan ini perlu dikeluarkan oleh pegawai kanan yang faham apa itu GST. Bukan semua masuk hendak minta publisiti, inginkan publisiti sebab kita perlukan orang yang faham. Bila rakyat dengar pegawai kanan memberi *statement,* mereka tidak mempertikaikan. Akan tetapi bila *politician* memberi *statement,* mereka akan membuat benda itu sebagai benda gelak ketawa walaupun kerana *statement* itu sahaja lawak sahaja. Akan tetapi disebabkan kita tahulah sekarang ini, *Facebook* dan sebagainya. Benda itu akan menimbulkan lagi kemarahan rakyat.

■1550

Jadi, saya mintalah supaya *politician* ini *stoplah making statement* yang kadang-kadang bercanggah daripada yang kita perlu untuk rakyat memahami. Biarlah pegawai kanan kerajaan, kastam kah, apakah untuk turun ke kampung berjumpa- luar desa untuk menyampaikan pemahaman di antara GST ini? Oleh sebab benda itu baru, ramai yang tidak faham. Saya sendiri pun kurang faham benda itu. Jadi apa yang kita perlu pelaksanaan yang lebih baik supaya kerajaan kita ini dapat dinilai oleh rakyat bahawa kerajaan ini adalah, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Dato' Boon Som A/L Inong: Tidak panjang sangat Tuan Yang di-Pertua, sekejap.

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang bangun Yang Berhormat, ini sebelah sini, ya.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Boon, adakah Yang Berhormat bersetuju GST ini satunya pelaksanaan, pemantauan, penguatkuasaan, hukuman dan denda pada hari ini selepas 13 hari GST agak lemah?

Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat berucap tadi, mengenai *pampers* atau lampin pakai buang. Kalau diikutkan taklimat yang diberi oleh KPDNKK, lampin pakai buang ini harga ia turun. Jadi saya bernasib baik kebetulan rumah saya berdekatan dengan *hypermarket.* Suka saya sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, The Store Sungai Petani. Pada 31 Mac malam, saya dapat pergi ambil gambar senarai *pampers* dan harga yang terletak di atasnya. Pada 1 April, saya sekali lagi bernasib baik pergi ke The Store Sungai Petani, ambil gambar lagi sekali dan harga yang di atasnya. Apa yang saya dapati, harga 31 Mac berbeza dengan harga pada 1 April iaitu harga *pampers*, lampin pakai buang naik yang sepatutnya turun.

Saya sendiri telah mengambil satu inisiatif sebab kita sama-sama rakyat, saya telah SMS kepada satu nombor yang telah diberikan oleh KPDNKK, 15888 iaitu bertajuk KPDNKK Aduan. Jadi aduan saya berbentuk begini, *"The Store Sungai Petani menaikkan harga lampin pakai buang yang sepatutnya harga lampin pakai buang ini diturunkan seperti dimaklumkan oleh pihak kastam. Saya mohon laporan saya ini diberi perhatian."*

Akan tetapi yang mendukacitakan saya pertamanya Tuan Yang di-Pertua, sudahlah SMS kita ini kena caj, yang kedua, tidak ada jawapan balik, *"Kami telah menerima laporan"*. Jadi Yang Berhormat setujukah penguatkuasaan, *enforcement,* dengan izin, hukuman, denda kita masih lemah? Daripada 1 hari bulan sampai kelmarinlah kita katakan 12 hari bulan, beberapa jumlah peniaga-peniaga yang ambil kesempatan ini telah dikenakan saman, denda atau masih dalam siasatan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Boon Som A/L Inong: Saya amat setuju kepada Yang Berhormat Shahanim. Memang benar barang ini tidak turun, semua barang naik. Walaupun tidak adapun satu barang yang turun, semua barang naik. Jadi, terima kasihlah kerana Yang Berhormat Shahanim memantau perkara ini dan memang lemahlah, ternyata lemahlah penguatkuasaan.

Saya mintalah pihak Yang Berhormat Menteri KPDNKK supaya mengambil iktibar ini untuk berusaha lebih baik lagi, penguatkuasaan yang lebih teratur, yang lebih- jangan *last minute* GST hendak- saya sudah tanya masa Disember dahulu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, bahawa adakah kita bersedia untuk menghadapi GST ini? Dia kata kita bersedia 110 peratus. Padahal sekarang 40 peratus pun tidak tercapai.

Jadi itulah harapan ramai rakyat yang memerlukannya. Apatah lagi dengan harga seperti di Kedah, ingat Yang Berhormat Shahanim pun setuju dengan saya bahawa harga getah sekerap sekarang ini turun. Jadi tekanan sekarang ini- nasib baiklah daun ketum tidak diharamkan. Kalau daun ketum haramkan, hasil pendapatan tidak dapat sudah orang kampung ini. Siap dengan papan tanda bahawa kalau haram di Sik, kalau haramkan daun ketum maka jatuhlah Kerajaan Barisan Nasional, siap papan tanda di sana.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 turut menekankan tentang penglibatan ibu bapa serta peranan persatuan ibu bapa dan guru-guru dalam pembelajaran anak-anak. Prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh pihak PIBG pada 29 November tahun lalu, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yasin mengumumkan penubuhan Yayasan Tabung PIBG Nasional.

Yayasan ini telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan 2, Yang Berhormat Datuk Idris bin Jusoh. Bertujuan membantu aktiviti persatuan ibu-bapa dan guru di seluruh negara. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan RM200 juta sebagai dana permulaan dan menyatakan akan cuba mendapatkan dana tambahan daripada syarikat berkaitan kerajaan dan swasta bagi menambah dana berkenaan.

Soalan saya, bagaimanakah status yayasan itu sekarang? Adakah sudah ditubuhkan? Bagaimanakah peruntukan itu akan diagihkan PIBG? Adakah kepada semua PIBG atau PIBG tertentu sahaja? Jika PIBG tertentu sahaja, apakah kriteria yang digunakan? Peruntukan RM200 juta itu jika dibahagikan dengan seramai 4,924,725 orang murid sekolah rendah dan menengah mengikut statistik pada laman web kementerian secara purata jatuh RM40.61 satu kepala. Jika diagihkan mengikut bilangan pelajar sekolah yang mempunyai 1,000 orang murid, PIBG akan mendapat kira-kira RM40,000. Jika sekolah ada 500 orang murid, PIBG boleh dapat RM20,000. Jika bantuan itu diberikan setiap tahun, memang banyaklah aktiviti murid dilaksanakan oleh PIBG.

Kita sanjung tinggi hasrat membantu PIBG daripada segi dana kerana jika hendak harapkan PIBG mencari dana sendiri, berapa ramaikah AJK PIBG pandai cari duit dan isi tabung PIBG? Berapa banyakkah pula syarikat yang mahu dan sanggup menderma kepada PIBG pada setiap tahun? Akan tetapi bagaimanakah yayasan hendak menambah dana bagi tabung berkenaan? Bolehkah dapat RM200 juta setiap tahun? Pada 10 tahun lagi bilangan murid dan bilangan sekolah sudah tentu bertambah. Ini akan menjadi bebanan kepada Kementerian Pendidikan sendiri dalam mencari dana bagi tabung berkenaan.

Oleh itu, pada hemat saya, bantuan persekolahan RM100 yang diberikan kepada setiap pelajar pada setiap awal tahun dan jika disalurkan terus menerusi PIBG mengikut bilangan murid yang ada di sekolah masing-masing, sudah tentu manfaat yang lebih besar. Bayangkan jika sekolah mempunyai 500 orang murid, PIBG boleh mendapat RM50,000. Jika 1,000 orang murid bererti RM100 ribu setiap tahun berapa banyak aktiviti boleh dilakukan oleh semua PIBG untuk menjayakan pendidikan anak di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan Pelan Pendidikan yang baru ini, Kementerian Pendidikan turut memperkenalkan program saranan ibu bapa. Antara tujuan program ini memastikan ibu-bapa hadir dalam program di sekolah sekurang-kurangnya ada enam program sepatutnya dihadiri ibu bapa, iaitu Hari Pendaftaran Anak Masuk Tahun 1 dan Tingkatan 1, Hari Penetapan *Target* yang membabitkan murid yang akan menduduki peperiksaan awam, Hari Laporan Kemajuan...

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Boon Som A/L Inong: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kemajuan pelajar murid, Hari Mesyuarat Agung Tahunan PIBG, Hari Sukan dan Hari Penyampaian Hadiah.

Kajian menunjukkan ibu-bapa hadir program sekolah ibu-bapa yang menitikberatkan soal pelajaran anak-anak. Malangnya ketika ini, ada ibu-bapa yang tidak hadir perjumpaan yang sepatutnya dihadiri mereka.

Hendak bincang fasal anak, hendak ambil peperiksaan awam pun, ada ibu-bapa yang tidak hadir Mesyuarat Agung PIBG. Apatah lagi ada murid yang naik pentas terima anugerah tanpa disaksikan oleh ibu-bapa, ini sangat menyedihkan. Alasan ibu-bapa tidak dapat berjumpa kerana dibuat pada waktu bekerja, padahal perjumpaan dengan ibu-bapa bukan dibuat setiap hari, hendak bincang mengenai pelajaran dan masa depan anak sendiri.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan membuat peraturan supaya setiap majikan wajib memberi pelepasan kepada pekerja masing-masing untuk menghadiri perjumpaan dengan pihak sekolah. Ini penting kerana untuk kebaikan anak-anak generasi yang akan mewarisi negara kita. Sekali gus ia menekankan bahawa majikan juga perlu menitikberatkan soal pendidikan anak-anak pekerja mereka. Pihak majikan dan ketua-ketua di setiap jabatan juga perlu ingat bahawa siapalah mereka sekarang tanpa guru dan sekolah.

■1600

Oleh itu pihak majikan perlu memberi pelepasan kepada ibu bapa yang dipanggil menghadiri perjumpaan sekolah termasuk pelepasan kepada ibu bapa yang menjadi AJK PIBG sendiri, menghadiri mesyuarat jawatankuasa PIBG. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat**.** Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.]***

4.00 ptg.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berbahas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya berasa begitu syukur dan berdoa kepada tuhan kerana dapat kerana sekali lagi di Dewan yang mulia ini pada sesi pertama, penggal ketiga, Dewan Negara bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati.

Tahun 2014 telah pun berlalu dan memang tahun itu satu tahun yang begitu mencabar kan kepada negara kita terutamanya apabila kita mempunyai beberapa insiden di mana negara kita berada di kaca TV di seluruh dunia. Peristiwa MH370 dan MH17 amat menyedihkan rakyat Malaysia. Ini pula diikuti dengan keadaan banjir yang luar biasa pada hujung tahun yang telah mengakibatkan kerosakan harta benda dan menyusahkan banyak rakyat Malaysia.

Adalah tidak mungkin mana-mana negara untuk selalu hanya menikmati keadaan yang manis dan perkara yang baik sahaja. Mana-mana negara tidak kira di benua mana sudah tentu kadang-kadang akan menghadapi saat-saat atau pun masa-masa yang begitu mencabar. Di sini adalah penting bagaimana sebuah negara boleh mengatasi cabaran ini dan bagaimana pemimpin negara dapat kembalikan keadaan tenteram dan menguruskan perjalanan mereka untuk memajukan negara demi kebaikan rakyat jelata.

Di sini saya ingin merakamkan simpati dan doa saya kepada semua keluarga yang terlibat dalam tragedi MH370 dan MH17. Saya juga berharap semua keluarga yang terlibat dalam banjir pada hujung tahun lalu janganlah putus asa, ini satu bencana alam. Jika kita berjuang bersama-sama sudah tentu kita akan dapat jalan keluar yang cerah.

Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib telah menguruskan setiap cabaran ini dengan kaedah yang begitu memuaskan di mana kerajaan telah prihatin untuk melakukan yang terbaik bagi mereka yang terlibat. Kerajaan telah dapat mengatasi semua cabaran ini dengan secara sistematik, *transparent* dan efisien. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tahun ini kita telah melaksanakan GST lebih kurang 13 hari dulu, sebab Yang Berhormat Senator Boon telah cakap banyak tentang GST. Saya hanya hendak *stress* satu *point* sahaja iaitu tentang SST yang telah diumumkan oleh Kementerian Kewangan akan dihapuskan. Di sini saya dapati banyak kedai termasuk kedai elektrik telah membuat promosi yang tidak betul.

Di mana mereka telah memberitahu pengguna membeli barang pada bulan Februari atau bulan Mac kerana setiap barang akan naik 6 peratus. Saya ingin meminta keterangan daripada Kementerian Kewangan, berapa banyakkah barang yang telah dihapuskan cukai SST? Sudah tentu banyak peniaga akan mengambil kesempatan ini untuk tidak menurunkan harga walaupun SST bagi barangan yang mereka menjual itu telah dihapuskan.

Lagi pula mereka mengambil kesempatan menaikkan harga 20 peratus atau 30 peratus dengan alasan bahawa harga yang dibeli telah pun naik disebabkan oleh GST. Saya berharap KPDNKK akan bekerja kuat untuk memantau bahawa keadaan ini terkawal dan pelaksanaan GST akan berjalan dengan secara lancar. Saya meminta keterangan daripada kementerian, apakah kaedah yang digunakan untuk memastikan penjimatan daripada penghapusan SST ini disampaikan kepada pengguna-pengguna?

Tahun ini Malaysia mempengerusikan Majlis ASEAN dengan tema, *"Our People, Our Community, Our Vision",* dengan izin. Tema ini menunjukkan kepada dunia fokus kepimpinan Malaysia terhadap rakyat, bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh ASEAN untuk memperkuatkan prestasi sebuah negara memberi nikmat kepada rakyat dalam jangka masa yang panjang. Ciri yang paling penting adalah memberi fokus kepada satu sistem pendidikan yang baik dan bermakna.

Negara kita sejak kebelakangan 20 tahun ini telah berjaya menjadi sebuah hub pendidikan bukan sahaja untuk pelajar-pelajar negara kita tetapi juga untuk pelajar-pelajar daripada negara lain. Antara *attraction,* dengan izin ialah pelajar dapat menggabungkan pelajar mereka dengan pekerjaan di mana pengalaman pekerjaan ini dapat menyiapkan seorang pelajar itu dengan lebih baik untuk menjadi seorang insan yang lebih efektif apabila tamat pelajaran.

Baru-baru ini Kementerian Pendidikan telah mengumumkan program untuk menaikkan taraf pengajian tinggi terutamanya di universiti-universiti IPTA dan IPTS. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan atas inisiatif ini. Penyelidikan ataupun *research* satu ciri yang penting bagi universiti-universiti terkagum dunia. Penyelidikan ini dijalankan kadang-kadang bergabung dengan kerajaan, kadang-kadang dengan swasta.

Saya ingin minta keterangan daripada Kementerian Pendidikan, berapa banyakkah universiti tempatan yang dapat alokasi daripada kerajaan untuk penyelidikan? Dan apakah jumlah yang diberikan? Bagaimanakah projek-projek penyelidikan ini dipantau dan sama ada projek-projek ini telah membawa manfaat yang berkesan kepada negara kita? Apakah insentif-insentif yang diberikan kepada korporat-korporat Malaysia supaya mereka boleh bergabung, dengan izin, *smart partnership* dengan universiti untuk mengendalikan aktiviti penyelidikan?.

Malaysia telah banyak mengeluarkan profesional-profesional yang begitu kaliber yang sekarang bermastautin di negara lain. Tiap-tiap tahun kita mempunyai banyak pelajar yang mendapat keputusan yang sangat bagus sama ada di peringkat SPM, STPM atau *A levels*.

Ada di antara mereka ditawarkan belajar di universiti-universiti yang terkenal di dunia. Saya ingin mendapat keterangan daripada Kementerian Pendidikan sama ada kita memantau, ke manakah pelajar-pelajar berkaliber tinggi meneruskan pelajaran mereka?.

Rakyat muda yang berkaliber tinggi adalah aset yang begitu berharga kepada negara dan kita mesti cuba sedaya upaya untuk mereka berkhidmat untuk negara membawa Malaysia kepada suatu tahap yang lebih tinggi dengan kebolehan mahir berprestasi tinggi. Saya ingin mendapat keterangan daripada Kementerian Pendidikan, berapa ramai pelajar-pelajar yang mendapat lebih daripada 8A di peringkat SPM, dan pelajar-pelajar mendapat 4A sama ada di matrikulasi atau STPM bagi tahun 2014 dan 2015? Apakah inisiatif-inisiatif yang sedia ada kepada pelajar-pelajar yang telah mencapai keputusan yang baik ini dan berapa banyak kah dapat insentif daripada kerajaan?

Saya ingin menyentuh sedikit tentang sekolah Tamil. Baru-baru ini saya dijemput untuk upacara penghargaan sijil cemerlang UPSR bagi pelajar-pelajar sekolah Tamil. Saya begitu bangga dengan kejayaan sekolah Tamil pada tahun lalu sebanyak 1,007 orang pelajar telah mendapat kejayaan cemerlang. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pengerusi MIED Datuk Seri Utama S. Samy Vellu yang telah mengambil berat tentang prestasi UPSR sekolah Tamil dan menganjur upacara yang begitu bermakna ini.

■1610

Walaupun kejayaan sekolah Tamil semakin hari semakin meningkat terdapat banyak ruang lagi untuk membawa sekolah ini bersama taraf dengan sekolah kebangsaan. Dua minggu lalu saya terlibat dalam satu perbincangan mengenai sekolah-sekolah Tamil di kawasan Kluang. ada isu yang begitu *tribal*, dengan izin, dan ada isu yang perlu intervensi daripada orang atas. Antara isu-isu ialah seperti sekolah memerlukan cat baru, meja dan kerusi, kawasan sekolah memerlukan pagar, permintaan untuk prasekolah, tanah yang diberikan untuk padang terlalu kecil.

Saya minta Kementerian Pendidikan mencari jalan yang lebih holistik bukan secara *ad hoc* tetapi cara yang lebih holistik untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah Tamil. Lebih-lebih lagi kebelakangan ini, kerajaan telah mengeluarkan *blue print* untuk sistem pendidikan di mana kerajaan berhasrat memberikan akses yang sama kepada semua jenis sekolah. Saya minta keterangan daripada Kementerian Pendidikan, apakah prestasi sekolah Tamil dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia pada ketika ini dan sama ada sekolah-sekolah Tamil mempunyai cukup guru-guru yang boleh mengajar Bahasa Malaysia? Saya juga ingin meminta keterangan berapa banyak kah sekolah-sekolah Tamil baru yang akan didirikan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini kita mengakhiri Rancangan Malaysia Kesepuluh dan masuk pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu sehingga tahun 2020. Rancangan Malaysia Kesebelas ialah rancangan yang terakhir bagi negara kita untuk mencapai matlamat negara status maju yang berpendapatan tinggi. Mencapai status negara yang maju bukan sahaja bererti kita mempunyai infrastruktur-infrastruktur yang bagus, perhatian yang cukup juga mesti diberikan kepada kualiti hidup rakyat kita. Keselamatan, kesejahteraan rakyat, penjagaan warga emas, penglibatan dalam aktiviti-aktiviti sukan dan kebudayaan.

Di sini saya ingin menyentuh sedikit mengenai Kementerian Kesihatan. Penjagaan kesihatan amatlah penting bagi setiap rakyat di Malaysia. Negara yang mempunyai dasar dan implementasi penjagaan kesihatan yang komprehensif, negara yang mengutamakan kualiti hidup rakyat. Baru-baru ini ada berita di akhbar di mana Perdana Menteri telah memberikan komitmen kerajaan untuk terus meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan. Malaysia mempunyai polisi perkhidmatan perubatan dengan bayaran yang begitu rendah sekali sebanyak RM1 untuk perkhidmatan perubatan *basic*. Daripada segi teknologi dan penggunaan *biotech,* industri penjagaan kesihatan telah berkembang dengan pesat dan sekarang mempunyai banyak jenis-jenis pakar dan ubat-ubat baru yang begitu canggih.

Soalnya sama ada rakyat biasa mempunyai akses kepada pakar-pakar ini dan boleh mendapatkan rawatan mengikut protokol yang baru dan ubat-ubat yang moden. Saya minta keterangan daripada Kementerian Kesihatan, berapa banyak doktor-doktor pakar yang sedia ada di hospital kerajaan. Bagaimana pula pakar dalam bidang kritikal seperti rawatan penyakit kanser, jantung dan buah pinggang? Memandangkan ramai wanita menghidap penyakit *breast cancer,* dengan izin, lelaki, dengan prostat, *colon cancer.*

Bagaimanakah seorang pesakit boleh mendapat rawatan untuk penyakit-penyakit ini dan berapa banyakkah hospital yang memberikan rawatan ini? Apakah cadangan kementerian untuk menambahkan pakar-pakar perubatan dan bagaimanakah kementerian bercadang memberikan insentif kepada pakar ini supaya mereka terus berkhidmat dengan kerajaan? Saya juga ingin meminta keterangan daripada Kementerian Kesihatan, apa jenis ubat yang dikecualikan GST dan adakah ubat-ubat yang di*prescribe,* dengan izin, oleh pakar-pakar yang kita terpaksa beli dari farmasi dikecualikan GST.

Saya masuk kepada topik yang lain iaitu satu topik yang penting saya rasa untuk mencapai pendapatan tinggi produktiviti tenaga kerja Malaysia. Produktiviti tenaga kerja satu hal yang patut diberikan keutamaan. Apabila kita dapat meningkatkan produktiviti seseorang, kita juga dapat meningkatkan pendapatan beliau. Kalau pendapatan boleh naik, kualiti hidup pun akan naik. Saya berpendapat negara kita telah menjadi mangsa kepada tenaga luar yang berpendapatan rendah. Tenaga kerja ini telah mengambil banyak peluang rakyat kita dan disebabkan senang mendapatkan pekerja asing, majikan-majikan Malaysia tidak mengambil berat perkara ini dan langsung tidak mahu melabur dalam sistem automasi untuk meningkatkan produktiviti. Kalau tidak melakukan sesuatu, bagaimana kita hendak *transform,* dengan izin, tenaga kerja yang sedia ada ini ke tahap tenaga kerja yang berpendapatan tinggi.

Saya berasa begitu sedih apabila melihat banyak syarikat memberikan pelbagai alasan tidak mahu mengendalikan gaji minimum. Gaji minimum negara sudah cukup rendah iaitu hanya RM900 sebulan, kita sepatutnya menaikkan ke RM1,500 sebulan. Saya minta keterangan daripada Kementerian Sumber Manusia, apakah produktiviti tenaga kita jika dibandingkan dengan negara maju? Apakah cadangan untuk meningkatkan produktiviti tenaga kerja kita? Saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan perhatian yang cukup kepada produktiviti tenaga kerja. Lebih banyak lagi insentif sepatutnya diberikan untuk automasi supaya rakyat Malaysia membuat kerja ini dan boleh mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi.

Baru-baru ini saya membeli belah di *supermarket Cold Storage*, saya dapati pekerja asing memegang jawatan sebagai *cashier.* Kita mesti sedar senario seperti ini tidak baik untuk negara kita dalam jangka masa yang panjang. Kita seharusnya membuat sesuatu untuk mengurangkan *dependency,* dengan izin, ke atas pekerja asing. Ini boleh dibuat secara ansuran dalam jangka masa lima tahun di mana pada tahun 2020, kita dapat mengurangkan pekerja asing di Malaysia kepada satu bilangan yang boleh dikawal. Saya minta keterangan daripada Kementerian Dalam Negeri, berapa banyak permit pekerja asing yang telah dikeluarkan pada tahun 2014, 2015? Bagi pekerja asing bertaraf rendah, apakah pekerjaan yang mereka boleh lakukan?

Satu lagi *point* yang penting yang saya ingin bawa di sini yang menyentuh kualiti hidup adalah untuk agensi kerajaan menjalankan tanggungjawab yang serius apabila melaksanakan kerja. Pada hujung tahun lalu, banyak negeri di Pantai Timur telah dilanda banjir termasuk juga negeri Pahang. Kawasan Cameron Highlands pun dilanda banjir. Kita dapat tahu daripada kajian-kajian dan *report-report* yang telah diterbitkan bahawa punca banjir ini bukan sahaja kerana hujan lebat ataupun pertukaran cuaca tetapi banyaknya disebabkan oleh pembangunan yang tidak teratur ataupun hutan dipotong untuk kayu balak atau mendirikan kawasan pertanian yang haram. Banyak yang telah mendapat untung yang lumayan secara haram mengakibatkan benda ini dibiarkan sehingga 15 ke-20 tahun, akhirnya bumi yang kita duduki tidak dapat lagi menampung satu ekosistem yang seimbang mengakibatkan banjir berlaku.

Saya minta keterangan dari Jabatan Perdana Menteri, apa status pembinaan semula kawasan-kawasan yang telah dilandai banjir, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan keadaan banjir dapat dikawal pada masa akan datang dan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan terhadap mereka yang telah menjalankan aktiviti-aktiviti pembalakan atau pertanian dengan menggunakan tanah secara haram?

■1620

Saya juga difahamkan bahawa terdapat pembangunan yang begitu pesat di kawasan bukit-bukit yang begitu curam. Misalnya di kawasan kejiranan saya di Bukit Gasing, Petaling Jaya terdapat cadangan membina 20 buah rumah di kawasan bukit yang begitu curam. Pada ketika ini, hanya terhadap 10 buah rumah. Jika 20 buah dibina, sudah tentu landskap Bukit Gasing akan berubah dan ekosistem yang sedia ada akan hilang. Malah lagi disebabkan ada cerun yang begitu curam sudah tentu pembinaan ini akan membawa risiko yang tinggi kepada rumah-rumah yang sedia ada.

Saya ingin meminta keterangan dari Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, apakah polisi kerajaan mengenai pembinaan di cerun curam? Jika kelulusan diberi, siapa yang akan bertanggungjawab jika pembinaan ini membawa kerosakan kepada pembangunan yang sedia ada apalagi terjadi tragedi yang melibatkan nyawa orang?

Tuan Yang di-Pertua, graduan-graduan baru dan keluarga generasi baru sekarang mempunyai banyak cabaran berkaitan dengan isu penggunaan dan penjimatan wang. Institusi kewangan dengan cepat memberi mereka *personal loan,* dengan izin, atau kad kredit. Kad kredit ini senang digunakan tetapi ramai hanya mampu bayar minima setiap bulan mengakibatkan mereka dikenakan faedah yang begitu banyak. Dengan kos rumah yang tinggi, kos kenderaan pula naik sebuah isi keluarga yang mudah senang-senang mempunyai hutang 10 hingga 15 tahun pendapatan mereka, pendapatan penuh.

Ini belum diambil kira *personal loan,* dengan izin, atau hutang *credit card*. Saya minta penerangan dari Kementerian Kewangan, apa angka *household debt,* dengan izin, di negara kita sekarang? Golongan mana yang menghadapi masalah, dan apakah situasi *household debt* ini di kalangan keluarga muda? Berapa banyakkah kad kredit yang telah dikeluarkan dan pinjaman peribadi telah diberikan kepada golongan rakyat di bawah umur 35 tahun? Apakah status pembayaran kad kredit dan peratusan yang membayar minima setiap bulan? Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Kementerian Kewangan untuk mengawal hutang isi rumah ke satu tahap yang dapat dikawal? Kalau tidak, memang ini satu perkara yang begitu serius sekali.

Zaman sekarang kadang-kadang disebut, *"The Digital Age"*, dengan izin, dalam masa beberapa nanosaat sahaja, sebuah berita ataupun sebarang *content* dapat pergi ke seluruh dunia. Penyebaran *content* kadang-kadang boleh menjadi *viral*. Negara kita memang mempunyai polisi yang terbuka daripada segi penggunaan internet. Saya dapati kebebasan internet ataupun *social media* ini bagus tetapi ia bergantung kepada *self responsibility of the individual or ethics of the society*, dengan izin. Banyak berita yang tidak betul disebarkan sama ada hendak kutuk ataupun mempermainkan seseorang, kerajaan atau organisasi. Saya juga dapati baru-baru ini bila melawat sebuah sekolah, ada seorang budak 14 tahun, dia *breakdown,* dengan izin, sebab dibuli dalam internet. Saya rasa masa telah pun tiba kita mengkaji penggunaan sosial media mestilah tertakluk kepada undang-undang di mana penghinaan dan penyebaran berita yang tidak benar atau *content,* tanpa izin, dapat dikawal. Saya minta penerangan dari Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengenai perkara ini.

Keadaan keselamatan dunia pada satu tahun kebelakangan ini begitu mencabar dan begitu membimbangkan. Dengan adanya fenomena baru untuk menubuhkan negara IMS...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada lima minit lagi ya.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Ya cukup. Seluruh dunia berasa waswas dengan pengaruh prinsip IS ke atas rakyatnya. Konsep IS dan cara mereka melaksanakannya tidak dapat diterima oleh mana-mana pihak. Membunuh orang yang tidak bersalah, melakukannya di kaca TV dan menyebarkannya melalui internet satu perbuatan yang tidak dapat disokong oleh mana-mana agama, atau negara. Kebanyakan negara terlibat dalam pergerakan IS berlawan antara satu sama lain. Walaupun kegiatan ini berlangsung di negara-negara Arab Tengah, ajaran-ajaran IS telah dapat sampai ke Malaysia dan telah mempengaruhi generasi muda untuk menyertai perjuangan kumpulan ini.

Medium yang IS menggunakan- di setiap penjuru dunia adalah melalui *social media*. Kita dapat tahu ada seorang gadis yang hanya berumur 14 tahun hendak pergi ke Syria untuk menyertai kumpulan IS dan mungkin hendak kahwin dengan anggota IS.

Perhatian mesti diberikan serta-merta untuk kita memantau *content social media* yang cuba mempengaruhi rakyat terutamanya generasi muda. Malaysia juga mesti mengambil tindakan serta merta ke atas sel-sel gelap IS yang terdapat di seluruh Malaysia. Baru-baru ini terdapat berita bahawa polis telah menahan beberapa orang kerana terlibat dalam aktiviti IS dan mereka merancang untuk membuat ancaman di dalam negara kita.

Saya minta keterangan daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia bagaimana dan siapa yang akan memantau *content* yang berkaitan dengan IS dan saya juga minta keterangan daripada Kementerian Dalam Negeri, bagaimana kementerian melaksanakan siasatan dalam perkara ini dan berapakah jumlah orang yang terlibat dalam ajaran IS di Malaysia.

Last point, kita bila bersidang kali ini pada 13 April, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, minggu ini satu minggu yang begitu *auspicious*, dengan izin. Hari ini 13 April bermula perayaan *Songkran* bagi rakan saya di sebelah itu, Senator Boon dan rakyat-rakyat Siam. Esok satu hari yang begitu suci bagi kaum Sikh, kita akan merayakan perayaan *Vaisakhi*. Esok juga, tak cuti lah *[Ketawa]* Esok juga adalah perayaan tahun baru Tamil. Di sini saya ucapkan selamat hari *Songkran* kepada Senator Dato' Boon Som dan rakyat-rakyat Siam di Malaysia. *Vaisakhi di lakh lakh vadhai* kepada semua kaum Sikh dan *chithirai puthandu vazthukal* kepada orang-orang Tamil di Malaysia. Kaum Sikh di Malaysia...

Dato' Boon Som A/L Inong: Boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Ini ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih atas ucapan Yang Berhormat Dato' mengenai hari *Songkran* itu penuh itu festival. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa *Vaisakhi* dan hari *Songkran* disatukan supaya dapat cuti umum 13 April ini? *[Ketawa]* Itu pandangan.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya pun mohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah.

Tan Sri Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Sebelum kerajaan beri cuti umum ini, saya hendak tanya dua-dua orang Yang Berhormatlah, ada *open house* atau tidak ini? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Dato' Jaspal.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih Yang Berhormat Senator Boon dan Yang Berhormat Tan Sri Rahim mencelah ini. Kalau kita hendak cuti masalah besar Yang Berhormat Dato' Boon, sebab 13 untuk *you* 14 untuk orang Sikh, hendak pilih yang mana? Minta dua hari? *[Ketawa]*

Saya berpendapat kita memang sudah banyak hari cuti sudah. Jadi dua tahun lalu, kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib memang dia faham tentang orang-orang Sikh dan kerajaan telah memberikan cuti tanpa rekod untuk kaum Sikh yang hendak pergi ke *Gurdwara*, hendak buat sembahyang pada hari *Vaisakhi*, cukuplah.

■1630

Dan kita pun hendak ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri prihatin untuk orang Sikh. Mungkin untuk orang Siam kita boleh buat di Utara permintaan cuti untuk orang Siam *[Ketawa]* Jadi *open house* ini saya rasa ini satu *suggestion* yang bagus. Saya haraplah sebab perayaan *Vaisakhi* kalau Yang Berhormat pergi ini memang *it is very colorful, very vibrant*. Bila pergi dia rasa muda. Jadi seluruh Malaysia akan rasa muda dengan perayaan *Vaisakhi* dengan muzik *Bhangra* itu. Jadi saya mintalah Kementerian Pelancongan masukkan perayaan Vaisakhi gabungkan dengan Songkran dengan air itu sebagai satu perayaan untuk dinikmati oleh semua rakyat.

Dato' Boon Som A/L Inong: Saya mencelah sekali lagi. Saya amat setujulah pandangan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh. Minta izin, dan seperti yang mana tahu hari Songkran hari mandi-mandian. Jadi buka itu tidak adalah, mandi air ada *[Ketawa]* Jadi bolehlah kita sama-sama mandi pada hari *Songkran* ini dah kita ada jamuan besar pada hari *Vaisakhi*. Terima kasih.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Jadi kaum Sikh di Malaysia kita bukan di Utara tetapi di seluruh penjuru di Malaysia. Ada lebih kurang 100,000 orang dan kita mempunyai lebih kurang 100 buah tempat sembahyang dipanggil *Gurdwara* di seluruh Malaysia. Untuk memastikan bahasa kaum Sikh iaitu Punjabi ditutur oleh generasi muda, pengajaran mata pelajaran Punjabi dijalankan oleh komuniti Sikh pada tiap-tiap hujung minggu.

Yayasan Kalsa Diwan mengambil peranan yang penting menerbitkan buku dan mengendalikan kursus untuk mata pelajaran ini. Kaum Sikh telah banyak jasa untuk negara kita. Kita telah memainkan peranan yang penting awal-awal lagi...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah lebih masa dua minit Yang Berhormat. boleh gulung, Yang Berhormat.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Gulung, gulung. Satu minit, *30 seconds.* Kumpulan-kumpulan pasukan beruniform untuk menjaga keselamatan negara sebelum merdeka. Kerajaan Barisan Nasional di bawah Dato' Sri Mohd. Najib memanglah telah banyak memberi pertolongan kewangan. Akan tetapi setiap kali kita mesti memohon secara *ad-hoc*. Saya mintalah daripada Perdana Menteri kalau boleh dalam Rancangan Malaysia Kesebelas bukan sahaja untuk kaum Sikh tetapi untuk kaum minoriti seperti Siam, kita meletakkanlah peruntukan untuk aktiviti-aktiviti. Ini disebabkan masyarakat-masyarakat minoriti ini walaupun kita kecil tetapi kita 110 peratus sokong Kerajaan Barisan Nasional. Sekian, dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin. Silakan, Yang Berhormat.

4.33 ptg.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam 1Malaysia. *Bismillahi Rahmani Rahim*.... *[Membaca sepotong doa]*

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk saya turut serta berucap Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbudin Tuanku AlHaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah kerana sudi berangkat menyampaikan titah ucapan di Istiadat Pembukaan Persidangan Parlimen Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Ketiga Belas pada 9 Mac 2015 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya dalam ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong yang saya kira lebih kurang dalam 28 item tetapi saya mengambil hanya untuk menyentuh beberapa perkara yang penting berhubung dengan wanita, kemudahan infrastruktur, sektor ekonomi, perdagangan dan pelaksanaan GST, kesihatan, sektor pendidikan dan perkhidmatan awam dan lain-lain.

Menyentuh tentang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana permulaannya saya ingin memetik khutbah terakhir Nabi Muhammad SAW pada 9 Zulhijah Tahun 10 Hijrah menyentuh berhubung dengan wanita, Baginda mengingatkan, *"Layanilah wanitamu dengan baik, dengan berlembut terhadap mereka kerana sesungguhnya mereka juga teman dan pembantu kamu yang setia. Hak kamu ke atas mereka sama sekali tidak boleh memasukkan orang yang tidak sesuai dalam rumah kamu dan dilarang melakukan zina".* Itulah pesanan yang amat relevan dengan wanita dan pembangunan keluarga dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pada 8 Mac setiap tahun tarikh keramat untuk meraikan Hari Wanita Antarabangsa (HWA). Malah semenjak 19 Mac 1911 lagi wanita telah mula diberikan hak bekerja, mengundi, dilatih mengetuai pejabat awam dan ditamatkan diskriminasi antara global. Tahun ini, Tuan Yang di-Pertua HWA disambut dengan slogan *"Make It Happen"* atau *"Realisasikannya".*

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), apakah pengisian program HWA tahun ini? Sejauh mana ia telah memberi impak dalam mengangkat martabat wanita, membuka peluang untuk memaju dan membangunkan wanita dan seterusnya mengiktiraf sumbangan wanita dalam pembangunan negara?

Berhubung dengan wanita ini juga saya juga ingin menyentuh dengan cadangan KPWKM untuk menubuhkan Majlis Penasihat dan Perunding Wanita (MPPW) bagi mengukuhkan lagi peranan wanita negara ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan Tuan Yang di-Pertua, KPWKM mengenai peranan dan tanggungjawab majlis ini khususnya bagi memastikan ia selari dengan Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita untuk menjadikan agenda wanita negara lebih terarah dan fokus.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah menempa nama pada peringkat antarabangsa berkaitan wanita dalam sektor pekerjaan. Menurut ASIA Hays 2015, wanita Malaysia mencatatkan 34 peratus dalam pengurusan tertinggi mengatasi Jepun, Singapura dan Hong Kong. Pencapaian ini merupakan pencapaian indeks prestasi utama KPI yang telah ditetapkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak 2011 bagi membabitkan sekurang-kurangnya 30 peratus orang wanita pada peringkat kelulusan tertinggi dan pembuat keputusan dalam sektor korporat.

Bagi meningkat jumlah wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan pencapaian sebenar penyertaan wanita di peringkat tertinggi sektor awam, syarikat berkaitan kerajaan GLC dan swasta dan pembabitan dalam pembuat dasar negara. Berbanding dengan jumlah pelajar wanita di IPTA dan Universiti Awam (UA), mengapakah bilangan tenaga kerja wanita agak rendah di sektor pekerjaan? Selain KPWKM saya juga ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Sumber Manusia (KSM), apakah langkah yang diambil bagi meningkatkan kaum wanita di sektor pekerjaan?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penyertaan wanita di sektor pekerjaan saya ingin mencadangkan agar kerajaan khususnya KPWKM mengadakan kajian khusus berhubung dengan kaedah dan pendekatan agar lebih banyak peluang dapat diberikan kepada wanita untuk bekerja seperti cadangan program bekerja dari rumah, waktu bekerja anjal dan sebagainya agar wanita dapat mengimbangi bertanggungjawab sebagai pekerja dan ibu serta suri rumah. Saya ingin juga mendapatkan penjelasan, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji jumlah hari cuti bersalin yang sedia ada pada masa ini bagi sektor awam dan dipanjangkan kepada sektor swasta juga.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan Kementerian Kerja Raya, Baginda Tuanku ada menyentuh berhubung dengan usaha-usaha kerajaan untuk menambah baik infrastruktur dan kemudahan pengangkutan awam. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah membuka dengan rasminya Lebuhraya Pantai Timur (LPT2) yang menghubungkan Gemuruh ke Jabor sepanjang 184 kilometer pada 31 Januari 2015. Pembukaan lebuh raya ini bukan sahaja akan mempercepatkan tempoh perjalanan pengguna yang hanya memerlukan masa 1 jam 30 minit dari Gemuroh ke Jabor berbanding sebelum ini lebih dua jam. Akan tetapi juga akan merancakkan pertumbuhan ekonomi di negeri Terengganu sebagaimana diakui oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman semasa lawatan kerja ke LPT 2 lalu.

■1640

Saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Kerja Raya (KKR) berhubung dengan perkara-perkara berikut.

Pertama, sejauh manakah mutu jalan LPT2 yang telah siap dibina kerana ramai pengguna yang mengadu ia beralun dan membahayakan pengguna.

Kedua, pagar keselamatan yang tidak sempurna sepanjang lebuh raya ini.

Ketiga, berapakah jumlah kemalangan yang telah berlaku semenjak lebuh raya ini dibuka terutamanya yang disebabkan oleh haiwan ternakan seperti lembu dan binatang liar seperti babi hutan dan lain-lain.

Keempat, berapa bilangan kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan stesen minyak serta lain-lain juga kemudahan yang akan dibina sepanjang lebuh raya LPT2 ini. Saya mohon kemudahan ini dapat disegerakan dan diseliakan dengan baik...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh mencelah sikit?

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Kelima**,** berapakah bilangan kenderaan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah, bolehkah?

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Sila, sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat To' Puan. Apabila sebut lebuh raya beralun ini, saya juga hendak tanyalah lebuh raya ini sebab saya guna, lalu semalam. Memang beralun tetapi saya tak sempat hendak bilang beberapa buah tempat beralun sebab kita rasa semacam tanah itu mendap, mungkin turun sedikit. Saya rasa itu satu hal yang kalau orang yang tak biasa lalu, mungkin menyebabkan dia susah hendak *control* kereta atau kenderaannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya sangat bersetujulah dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat sebentar tadi dan saya berharap pihak kementerian akan mengambil kiralah dimasukkan ucapan saya.

Kelima, berapakah bilangan kenderaan yang dijangka menggunakan Lebuhraya LPT2 setiap hari dan apakah kemudahan yang disediakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) kepada pengguna LPT2 sekiranya berlaku kemalangan dan kecemasan serta sejauh manakah bantuan dan pertolongan yang disediakan ini memenuhi keperluan pengguna LPT2 ini?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan LPT2 ini, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KPLBW) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, apakah perancangan strategik yang diambil bagi membangunkan usahawan dan ruang perniagaan yang sesuai sebagai kesan dan manfaat daripada pembangunan LPT2 kepada penduduk setempat di Terengganu terutamanya yang berhampiran dengan LPT2 ini?

Saya ingin berharap kementerian-kementerian berkenaan agar mengambil manfaat pembinaan LPT2 ini bagi melahirkan dan membangunkan seberapa ramai usahawan dan penyediaan infrastruktur dan pembinaan ruang perniagaan bagi menjaga ekonomi masyarakat setempat khususnya penduduk sekitar LPT2 ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuanku turut menyentuh berhubung dengan ekonomi negara yang terus berkembang walaupun negara berhadapan dengan persekitaran global yang mencabar seperti kejatuhan harga minyak dan komoditi serta turun naik mata wang. Saya ingin mendapatkan penjelasan, sejauh manakah kepelbagaian ekonomi Malaysia termasuklah sektor pengilangan seperti elektrik dan elektronik serta sektor kimia mampu menangani impak kejatuhan harga minyak dan komoditi?

Jumlah perdagangan Malaysia dari segi eksport dan import bagi tahun 2013 dan 2014 dan kelebihan perdagangan bagi tempoh yang sama serta sejauh manakah ia memberi kesan kepada ekonomi negara?

Dan, apa langkah kerajaan bagi meningkat pelaburan swasta dan sejauh manakah skim jaminan sektor perkhidmatan berjumlah RM5 bilion yang dicadangkan kerajaan mampu melonjakkan sumbangan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) negara kepada pertumbuhan ekonomi negara serta sejauh manakah inisiatif telah diambil bagi menggalakkan GLC dan GLIC melabur dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyentuh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Komoditi dan Kepenggunaan. Tuanku dalam Titah Baginda menggesa agar kerajaan terus mengambil inisiatif untuk memastikan kesejahteraan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Saya ingin membangkitkan berhubung dengan kesukaran pengguna terutamanya pengguna berpendapatan rendah dan sederhana untuk memperoleh produk keluaran tempatan termasuk keluaran bumiputera di pasar raya besar dan kedai runcit berikutan lambakan produk luar negara. Malah, untuk mendapat beras pulut dan bihun jenama *Faiza* pun sukar.

Berhubung dengan itu, saya ingin mencadangkan agar produk tempatan ini terutamanya produk keluaran bumiputera di promosi dan dipasarkan melalui Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) tanpa menggugurkan jenama produk berkenaan.

Saya ingin menggesa agar Kementerian Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mewajibkan pemilik pasar raya menyediakan bahagian khusus untuk produk buatan Malaysia. Langkah ini membolehkan produk tempatan menembusi pasaran ada skala lebih besar sekali gus memenuhi matlamat kerajaan untuk memastikan barangan buatan Malaysia seperti produk utama negara tersebut.

Saya juga ingin mencadangkan agar produk keluaran pengusaha kecil dan sederhana (PKS) turut dipasarkan menerusi Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) bagi memudahkan produk PKS dipasarkan secara konsisten dan meluas dalam pasaran di negara ini sekali gus memberikan nafas baru kepada pengusaha PKS tempatan bagi memasarkan produk mereka kerana sebelum ini ia hanya boleh didapati di pameran atau ekspo tertentu sahaja.

Selain itu pengusaha PKS ini mampu meningkat kuantiti pengeluaran dan meningkat aktiviti R&D bagi meningkatkan mutu produk. Walau bagaimanapun, saya minta KR1M supaya membayar dengan segera kepada pengusaha PKS bagi memastikan mereka mampu menjana modal dengan pantas bagi pengeluaran seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, KR1M dibuka dan dimiliki oleh kerajaan tetapi diselenggarakan oleh Mydin Mohamed Holdings Berhad, MYDIN. Saya menggesa MYDIN di bawah *Pengarah Urusan Mydin*, *Datuk Dr. Ameer Ali Mydin* membuka ruang dan peluang kepada PKS untuk memasarkan produk PKS ini di semua kedai KR1M seluruh negara.

Langkah ini adalah selari dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, yang mengumumkan lima inisiatif untuk meningkatkan penggunaan swasta iaitu antaranya, mempergiatkan promosi pembelian barangan buatan Malaysia. Sebanyak 80 peratus daripada 500 jenis produk jenama 1Malaysia ketika ini adalah dibuat di negara ini tetapi kebanyakannya jenama barangan sudah ditukar kepada jenama 1Malaysia. Saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah kerajaan bercadang mengekalkan jenama asal produk-produk ini supaya mendapat keyakinan daripada pengguna daripada segi mutu produk berkenaan walaupun dijual lebih rendah di kedai-kedai KR1M.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Baginda turut menyentuh berhubung dengan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang bertujuan memperkukuh kewangan negara.

GST merupakan sistem percukaian baharu yang bertujuan menyusun semula sistem kewangan negara untuk mencari sumber hasil baru dan memperkemas kaedah kutipan cukai supaya lebih sistematik dan telus serta efisien dan efektif. Sebagaimana maklum, GST dengan kadar 6 peratus telah mula dilancarkan mulai 1 April 2015 yang lalu bagi menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST). Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah melakukan yang terbaik untuk memastikan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) supaya berjalan dengan lancar termasuk penubuhan bilik gerakan dan tindakan serta-merta memperluaskan barangan kadar sifar GST.

Sebagai contohnya, harga produk penjagaan diri bagi golongan wanita tidak naik, sebaliknya akan turun selepas pelaksanaan GST.

Antara produk itu ialah tuala wanita, syampu, sabun, deodoran dan bedak yang khusus bagi wanita. Sepatutnya harga barangan itu akan turun tetapi kerana hanya dikenakan cukai 6 peratus berbanding cukai jualan 10 peratus sebelum ini. Sehubungan dengan itu saya minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) supaya setiap pasar raya dapat mempamerkan harga baru dan harga lama selepas pelaksanaan GST bagi mengelakkan penipuan ke atas pengguna termasuk pengguna wanita.

■1650

Tuan Yang di-Pertua, sikap rakyat pun satu Tuan Yang di-Pertua. Kadangkala kalau kita tidak asingkan nama tag dengan GST itu, dia tidak terasa sangat. Bila dalam kita punya *invoice* itu ada GST khusus 6 peratus, maka nampak sangat. Kalau kita amalkan sebagaimana yang Mydin buat, mungkin dirangkum dalam keuntungan dia sudah sebagaimana sistem jualan melalui SST, mungkin tidak ketara sangat rakyat kecoh sebagaimana sekarang. Bererti jualan itu terus dengan harga satu standard. Tidak ada caj, itulah harga sebenarnya. Mungkin tidak terlalu ketara sangatlah tentang isu GST.

Berhubung dengan GST ini, saya ingin mendapatkan penjelasan KPDNKK mengenai jumlah aduan dan pertanyaan berkaitan dengan GST semenjak dilancarkan 1 April 2015 yang lalu. Selain itu, saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan Ops Catut yang telah dilaksanakan selepas pelaksanaan GST, khususnya kepada peniaga mengikut seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Berhubung dengan GST ini, saya juga ingin mendapatkan penjelasan KPDNKK berhubung dengan caj perkhidmatan yang masih dikenakan oleh pelbagai sektor terutamanya hotel dan restoran. Saya menggesa supaya kerajaan mengambil tegas kepada pengusaha hotel dan restoran yang tidak mematuhi arahan ini. Inilah yang membuatkan rakyat sangat marah kepada kerajaan, Tuan Yang di-Pertua.

Berhubung dengan GST ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan peranan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) yang bertanggungjawab membantu peniaga dan syarikat berkaitan GST ini. Empat kesalahan yang dilakukan oleh peniaga dan syarikat berhubung dengan pelaksanaan GST ialah seperti berikut:

(i) syarikat yang tidak berdaftar di bawah GST tetapi mengenakan GST;

(ii) peniaga yang berdaftar mengeluarkan *invoice* tidak mematuhi spesifikasi;

(iii) peniaga dan syarikat tidak mengeluarkan *invoice*; dan

(iv) mengenakan GST ke atas jualan berkadar sifar.

Saya ingin mendapatkan penjelasan Kastam Diraja Malaysia (KDRM), bilangan peniaga dan syarikat yang telah diambil tindakan mengikut keempat-keempat kesalahan di atas seluruh negara semenjak GST dilaksanakan. Pelaksanaan GST ini begitu penting kepada kerajaan untuk memperkukuhkan hasil kewangan negara yang akhirnya akan memberi manfaat kepada rakyat. Bagaimanapun, kita harus mengakui masih ramai orang awam yang belum memahami GST ini sepenuhnya. Oleh itu, saya menggesa KPDNKK dan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) supaya menangani setiap aduan pengguna berkaitan dengan GST ini dengan segera.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan agar pegawai dan kakitangan kedua-dua agensi ini ditambah bagi memastikan setiap aduan pengguna mendapat perhatian dan tindakan penguatkuasaan dapat diambil sewajarnya. Selain itu, sejauh mana Mahkamah Sesyen Khas Anti-Pencatutan setiap negeri telah berjalan dalam mengekang dan mengawal kegiatan peniaga yang cuba memanipulasikan dan mengambil keuntungan secara salah, termasuklah yang dikatakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berucap sebelum ini?

Akhirnya bagi pelaksanaan GST ini, saya mengharapkan walaupun berlaku sedikit kesulitan pada peringkat awal pelaksanaan ini, tetapi akhirnya saya harap dapat diatasi dengan semakin stabil demi kepentingan negara dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ini termasuklah *claim* balik peniaga-peniaga agak bising oleh sebab kaedah *claim* balik daripada cukai SST dahulu untuk dapatkan balik *tax* kerajaan itu sangat sukar dan sangat menyulitkan kepada peniaga. Oleh itu, saya mencadangkan kaedah itu dapat dipermudahkan supaya peniaga tidak mengenakan kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku turut menyentuh berhubung dengan pelaksanaan program-program di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan yang terus melaksanakan kesinambungan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), Pendidikan Prasekolah hingga Lepasan Menengah 2013-2025 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 bagi memastikan pendidikan negara menuju sistem bertaraf dunia. Perkembangan pendidikan negara ini begitu mengagumkan dan mempunyai 20 buah universiti awam, 91 buah kolej komuniti, 33 buah politeknik dan 533 IPTS selain 41 buah universiti dan 20 buah kampus cawangan, 28 buah kolej universiti dan kampus cawangan universiti antarabangsa.

Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2014, terdapat kira-kira 210,000 orang pemohon untuk memasuki politeknik bagi mengisi hanya 35,000 kekosongan. Ini menunjukkan perkembangan yang positif bagi pendidikan teknikal dan vokasional (TVET). Negara memerlukan 1.5 juta tenaga kerja dalam bidang TVET ini bagi tahun 2020, apabila negara mencapai negara maju.

Oleh itu, pengajian di politeknik-politeknik perlu diperkasa bagi memastikan graduan bidang ini bukan sahaja mempunyai kemahiran dan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan industri, saya ingin mendapatkan penjelasan apakah langkah kerajaan bagi melahirkan graduan TVET yang holistik, berkemahiran dan berkualiti termasuk merangkumi aspek keusahawanan dan pembelajaran sepanjang hayat. Apa langkah kerajaan bagi membuka lebih banyak peluang untuk pelajar mengikut pendidikan teknikal dan vokasional, termasuk menaik taraf sekolah menengah sedia ada kepada sekolah aliran teknikal dan vokasional dan memulakan pengajian teknikal dan vokasional ini lebih awal seperti di Tingkatan 1 sebagaimana diamalkan di negara maju seperti di Jerman dalam dual sistem?

Sejauh mana Transformasi Pendidikan Nasional yang dilancarkan 2012 memberi impak kepada kesinambungan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)? Dan sejauh mana kejayaan bagi melahirkan pelajar yang berkebolehan dan mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di peringkat rendah, menengah mahupun pengajian tinggi?

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Baginda menyentuh betapa pentingnya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada lima minit lagi Yang Berhormat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Ya. Betapa pentingnya kesihatan untuk kehidupan bahagia dan kesejahteraan ekonomi. Berhubung dengan kesihatan ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan wabak denggi yang terus merebak di negara ini dengan pantas semenjak 2009. Sesungguhnya bilangan yang mati akibat denggi tidaklah setinggi penyakit kanser dan jantung, namun kadar peningkatan kes denggi dan jumlah kematian akibat denggi ini amat membimbangkan. Tahun 2010 mencatatkan 46,171 kes denggi dengan 134 kematian, berbanding 22,426 kes tahun 2009 dengan 57 kematian dan 17,962 kes pada tahun 2008 dengan 35 kematian. Angka ini jauh melebihi rebakkan terbesar yang pernah berlaku iaitu pada 1996 yang mencatatkan 14,255 kes dengan 32 kematian. Biasanya wabak denggi akan merebak secara besar-besaran dalam tempoh empat tahun.

Bagaimanapun, trend ini telah bertukar daripada ia terus berlaku setiap tahun melalui 2010 sehingga kini, kes denggi seluruh negara terus meningkat dan menakutkan. Terkini, sebanyak 95 kes kematian akibat denggi direkodkan bagi Januari hingga 18 Mac 2015, berbanding 50 kes bagi tempoh yang sama. Pada 2014 iaitu peningkatan 90 peratus atau 45 kes. Sebanyak 30,033 kes denggi dicatatkan bagi tempoh itu bagi seluruh negara.

Saya ingin melahirkan rasa kesal dan kecewa kerana kegagalan kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan untuk membendung merebaknya kes denggi, termasuk kematian akibat denggi ini yang terus meningkat dari semasa ke semasa.

■1700

Denggi ini sepatutnya mudah dikawal dan dicegah berbanding penyakit kronik yang membunuh. Saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Kesihatan, kenapakah kita masih tidak dapat menghapuskan aedes? Saya juga kurang setuju kerana Kementerian Kesihatan yang terus menyalahkan orang awam yang didakwa menyebabkan aedes membiak sahaja.

Jawatankuasa Kabinet bagi memerangi wabak denggi telah pun ditubuhkan semenjak 3 September 2010 yang lalu tetapi wabak denggi terus menghantui kita. Sehubungan dengan itu saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan, apakah langkah dan perancangan yang lebih berkesan yang sedang dan akan diambil bagi mengawal denggi daripada terus mengancam kehidupan rakyat? Apakah Strategi Lautan Biru Nasional yang diambil atau wabak denggi ini dapat dibendung dan memastikan wabak denggi terus meningkat? Izinkan saya dalam ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong ini menyentuh berhubung dengan Benua Antartika.

Benua Antartika merupakan benua yang paling selatan di dunia, keluasan 14.0 juta kilometer persegi, merupakan benua yang kelima terbesar ataupun hampir menyamai dua kali ganda Australia. Sekitar 95 peratus Antartika diliputi air batu yang menjadi benua paling sejuk dan terpenting dalam mengawal cuaca dunia. Perjanjian Antartika telah ditandatangani pada tahun 1989 oleh 12 buah negara dan sehingga kini 49 buah negara telah menandatangani perjanjian itu termasuk Malaysia. Perjanjian tersebut melarang...

Timbalan Yang di-Pertua: Satu minit lagi Yang Berhormat. Gulung.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: ...Melarang kegiatan ketenteraan, perlombongan atau pengeluaran mineral, uji kaji nuklear dan pelupusan sisa nuklear. Sebaliknya menyokong bagi penyelidikan saintifik dan kepentingan pendidikan serta perlindungan ekozon di benua itu. Benua Antartika itu begitu penting ke Malaysia kerana Malaysia sebenarnya dianggap sebagai juara benua Antartika. Pembabitan Malaysia yang berani berhubung dengan Benua Antartika ini bermula apabila Malaysia dan Antigua dan Barbuda mengutarakan isu Antartika pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1983.

Saintis dan penyelidikan Malaysia mula aktif dengan misi penyelidikan apabila Jemaah Menteri meluluskan penyelidikan saintifik ke benua tersebut pada tahun 1997. Sejumlah 62 ekspedisi dilaporkan dan dijalankan melibatkan pembabitan 60 orang penyelidik dan saintis dari tujuh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Universiti Awam (UA) bersama dengan program tersebut. Saya membangkitkan berhubung dengan Benua Antartika ini kerana ingin mendapatkan maklumat terkini berhubung dengan peranan dan penglibatan Malaysia dalam penyelidikan dan pendidikan di Benua Antartika termasuk Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan (NARC). Sejauh mana kerajaan khususnya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memanfaatkan NARC? Ini kerana Pengarah NARC ini rakyat Malaysia iaitu Professor Dato' Dr. Azizan Abu Samah.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah kebenaran bahawa benua Antartika ini juga bukan sahaja dijadikan penyelidikan sains dan pendidikan tetapi juga berhubung dengan alam sekitar ataupun *environment,* dengan izin, yang dikhuatiri akan menjejaskan benua Antartika. Seterusnya berhubung dengan benua Antartika ini, saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) tentang perancangan pembabitan Malaysia di benua Antartika masa hadapan. Tuanku dalam Titah telah mengiktiraf perkhidmatan awam negara ini sebagai tonggak...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, lebih satu minit Yang Berhormat. Boleh gulung Yang Berhormat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: ...Kepada pembangunan negara. Baginda turut berbangga dengan hasil inisiatif transformasi perkhidmatan awam untuk meningkatkan prestasi dan integriti perkhidmatan awam. Oleh sebab masa telah cukup, saya hanya ingin menyentuh tentang sektor pelancongan sedikit.

Saya ingin menarik Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi meningkatkan usaha kerancakan ekonomi negara, saya mencadangkan supaya kaedah permohonan atau visa, atau pun internet *apply* melalui internet diwujudkan oleh sebab sekarang ini ramai pelancong contohnya daripada China hendak bergerak antara daerah ke daerah sangat jauh. Maka ramai yang mencadangkan supaya Kerajaan Malaysia untuk dapatkan pelancong ramai datang ke negara kita supaya memberi ruang, membuka *register under internet apply* ini bagi visa ke Malaysia.

Selain daripada itu, saya juga mencadangkan supaya melebar luaskan penyaluran pemancar laluan telekomunikasi ke destinasi-destinasi pelancongan secara efektif dan menyeluruh bagi kerancakan kedatangan pelancong ke negara kita. Contoh kata, baru-baru ini saya ke Pulau Kapas dan Pulau Long Tengah yang sangat ramai dikunjungi pelancong luar negara dan sebagainya. Ini sangat penting demi kebaikan dan keuntungan sektor pelancongan kepada ekonomi negara.

Dengan ini saya menyokong Tuan Yang di-Pertua dan saya rakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan kita yang mana kerajaan bukan sahaja kerajaan bertanggungjawab tapi melaksanakan tanggungjawab serta menepati janji. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Silakan Yang Berhormat.

5.06 ptg.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin tadi, Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh sebanyak 28 tajuk dalam titah Baginda tetapi pada hari ini saya hanya akan tumpukan kepada dua atau tiga topik saja. Pertama sekali mengenai kesihatan awam. Kesihatan awam ini saya ada dua-tiga isu mengenai kesihatan awam. Pertama berkenaan kemudahan geriatrik di hospital-hospital. Kedua berkenaan dengan perkhidmatan atau *domiciliary care* untuk warga emas dan yang ketiga, kenaikan kos.

Ini untuk isu pertama. Saya, ini macam sudah jadi macam amalan biasa untuk kerajaan, setiap kali kita tengok kerajaan dia bagi macam-macam jaminan mengenai mutu penjagaan kesihatan awam. Tadi Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh pun menyentuh satu laporan yang melaporkan bahawa Perdana Menteri sendiri telah memberi jaminan bahawa kualiti kesihatan ataupun kualiti penjagaan kesihatan awam akan dipertingkatkan. Minggu lepas kalau tidak salah dilaporkan bukan daripada segi mutu perkhidmatan saja tapi juga daripada segi bilangan tempat-tempat atau pusat penjagaan kesihatan akan ditingkatkan lagi.

Akan tetapi malangnya kalau kita tengok realitinya betul-betul berbeza terutama di mana warga emas yang terlibat. Kalau kita tengok daripada segi kemudahan-kemudahan geriatrik di hospital awam betul-betul sangat-sangat berkurangan. Kalau kita merujuk kepada perenggan 24 Titah Baginda, di perenggan 24 Yang di-Pertuan Agong juga telah menyentuh mengenai keperluan untuk menjaga kepentingan, kesejahteraan dan kebajikan warga emas. Ini bukan kali yang pertama. Tahun lepas pun Yang di-Pertuan Agong telah buat seruan yang sama.

Pada masa itu pun, tahun lepas dan sebelum ini pun saya pernah membangkitkan isu-isu kekurangan kemudahan geriatrik tetapi malangnya sampai hari ini walaupun ada sedikit kemajuan tetapi masih tidak mencukupi.

Saya pernah cakap sebelum ini isu Malaysia tidak lama lagi akan menjadi *aging nation.* Kalau kita tengok unjuran dari *United Nations,* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dalam unjuran mereka diramalkan bahawa Malaysia akan menjadi satu *aging nation* pada tahun 2030 apabila 15 peratus daripada penduduk Malaysia akan datang daripada mereka yang berusia lebih dari 60 tahun. *So,* kalau kita tengok bilangan warga emas akan meningkat.

■1710

Saya hendak sentuh kepada jawapan yang saya terima dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan pada bulan 12, bulan Disember tahun lalu semasa menjawab soalan saya. Semasa itu Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu dua maklumat. Satu, hampir 20 peratus daripada pesakit yang menggunakan kemudahan di hospital-hospital awam sama ada pesakit luar atau *inpatient,* 20 peratus datang dari warga emas. Itu satu.

Akan tetapi maklumat yang lebih mengejutkan ialah mengenai bilangan pakar perubatan geriatrik di hospital-hospital awam. Berdasarkan kepada jawapan yang saya terima dari Timbalan Menteri, pada masa ini hanya dapat lapan orang pakar geriatrik sahaja, seluruh Malaysia di hospital-hospital awam. Hanya lapan. Bilangan ini akan ditambah dengan tujuh lagi dalam masa dua tahun. Isu dia kalau kita tengok ini bertentangan dengan komitmen yang kerajaan telah beri dalam Dasar Warga Emas Negara. Dasar Warga Emas Negara ditubuhkan atau di *announce* pada 5 Januari 2011.

Kalau kita tengok dasar itu, dasar itu menggariskan komitmen kerajaan untuk menyediakan kemudahan penjagaan kesihatan yang komprehensif kepada warga emas. Akan tetapi kalau kita tengok realiti dia sekarang memang tidak ada. Kalau kita banding dengan unjuran tadi tahun 2030 mungkin bilangan penduduk warga emas di Malaysia akan meningkat sehingga lima juta dan kalau kita pakai kadar yang sekarang bilangan doktor hanya akan sampai 20. *That means,* erti dia, 20 orang doktor untuk menampung keperluan lima juta orang warga emas. Pada saya ini memang tidak cukup.

Sesungguhnya kalau kita tengok keadaan ini memang menakutkan. Kerajaan kena buat, kena ambil langkah-langkah segera untuk menambah bilangan pakar geriatrik. Sebenarnya pada saya kerajaan kena kaji kenapa pakar tidak mahu, doktor-doktor tidak minat dalam bidang pakar geriatrik. Apa pun kerajaan telah atau kena ambil langkah-langkah. Kalau tidak, objektif yang terkandung dalam Dasar Warga Emas itu hanya akan menjadi satu mimpi sahaja. Itu isu yang pertama berkenaan kesihatan awam. Saya akan cuba ringkaskan kepada *point* sahaja.

Isu yang kedua mengenai kesihatan awam ialah isu *domiciliary care. Domiciliary care* untuk warga emas. Kalau kita tengok buat masa ini Kementerian Kesihatan hanya menyediakan *domiciliary care* di hospital-hospital yang tertentu sahaja dan itu pun untuk empat jenis penyakit. Pada saya pada masa akan datang perkhidmatan ini akan menjadi satu perkhidmatan yang amat penting. Saya sudah cakap tadi bilangan warga emas akan meningkat dan kalau kita tengok kepada kemudahan yang sedia ada di hospital-hospital memang tidak cukup untuk menampung semua pesakit di hospital.

Jadi kita kena melanjutkan *domiciliary care* ini kepada lebih banyak hospital. Kalau boleh kepada semua hospital kerajaan dan klinik-klinik kerajaan. Dalam isu *domiciliary care* ini, *I* rasa banyak rakyat Malaysia tidak tahu mengenai perkhidmatan ini. Mungkin tidak cukup publisiti. Mungkin pesakit pun segan untuk menggunakan servis ini. Saya menyeru kerajaan supaya menambah lagi *publicity* mengenai *domiciliary care* ini supaya lebih banyak rakyat Malaysia boleh menggunakan perkhidmatan ini.

Isu yang ketiga mengenai penjagaan kesihatan awam ialah isu kenaikan kos. Apabila sebut tentang kenaikan kos, saya bercakap berkaitan dengan penjagaan kesihatan swasta. Sebab kalau kita tengok kerajaan kesihatan awam, lebih daripada 98 peratus itu ditanggung oleh kerajaan. Saya tumpukan kepada penjagaan kos kesihatan swasta. Dalam Malaysia, salah satu komponen yang penting dalam sistem penjagaan kesihatan ialah penjagaan kesihatan swasta.

Sebab kalau kita tengok sekarang terdapat lebih kurang 220 buah hospital swasta dan hampir 30 peratus dari katil hospital semua datangnya dari hospital swasta. Kalau tidak ada hospital swasta, katakanlah kos di hospital swasta meningkat, ramai pesakit akan pergi ke hospital awam dan ini sudah tentu akan tambah tekanan ke atas penjagaan kesihatan awam di hospital-hospital kerajaan.

Kalau kita tengok *indication* baru-baru ini, semua *indication* ini menunjukkan bahawa kos akan meningkat. Pada tahun 2013 kalau tidak salah MMA telah minta kenaikan kos sebanyak 30 peratus tetapi tidak dilulus dan minggu lepas atau dua minggu dahulu, *Association of Private Hospital Malaysia* telah *announce* bahawa kos akan meningkat. Kalau kita tengok daripada segi kos akan meningkat sudah tentu sebahagiannya disebabkan oleh GST. Bukan kesemuanya tetapi sebahagiannya oleh GST.

Pada saya salah satu sebab kenapa saya rasa kos akan meningkat walaupun terdapat banyak-banyak peruntukkan yang mengawal *fees* dan sebagainya. Kenapakah kos akan meningkat? Saya rasa kos akan meningkat kepada satu tahap di mana dia akan keluar daripada jangkauan rakyat biasa. Sekarang pun rakyat biasa dah tak boleh *afford* hendak bayar premium untuk insurans hospital. Pada saya salah satu sebab kenapa ini berlaku ialah kerana di Malaysia, di negara kita ini, kita tidak mempunyai Skim Pembiayaan Kesihatan atau dengan izin *National Health Financing Scheme*. Bukan macam kebanyakan negara yang lain yang ada skim pembiayaan kesihatan. Dan macam *I* cakap tadi, pada masa kini kerajaan menampung hampir 90 peratus daripada kos penjagaan kesihatan awam. Kalau kita banding kepada peruntukan pada bajet tahun lepas, lebih kurang RM22 bilion diperuntukkan untuk kesihatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya model ini bukan model yang boleh di*sustain* pada jangka masa yang panjang. Kalau sistem yang kita ada sekarang ini runtuh, kalau sistem ini *collapse,* dia akan mengakibatkan kesan yang lebih teruk, kalau *the whole health system* yang kita ada *collapse*. Jadi pada saya sudah tiba masanya untuk kerajaan mengkaji dan melaksanakan satu skim. Saya tidak ada cadangan apa skim. Akan tetapi saya pasti sudah tiba masanya untuk kerajaan mengkaji dan melaksanakan satu skim pembiayaan kesihatan, satu *health financing scheme* supaya dapat memastikan penjagaan kesihatan masih ada dalam jangkauan rakyat biasa.

Dalam proses mengaji skim ini, dalam proses melaksanakan skim ini, saya mencadangkan kerajaan supaya belajar dari negara-negara lain, fasal banyak negara telah melaksanakan skim ini dan banyak telah gagal pun dalam skim kesihatan. *So,* pada saya kalau kerajaan gagal untuk mengawal kos dengan apa cara pun, sama ada dengan mengawal harga melalui peruntukan-peruntukan undang-undang atau dengan melalui skim ini, pada saya kalau kerajaan gagal, maka ianya akan bermakna bahawa kerajaan telah mengabaikan tanggungjawab kerajaan terhadap rakyat Malaysia. Itu berkenaan dengan kesihatan.

So, saya menyeru kerajaan supaya dapat memberi perhatian yang lebih serius kepada isu kesihatan awam, baik penjagaan kesihatan awam dan juga swasta. Saya hendak pergi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pegi ke tajuk yang kedua.

■1720

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada hendak mencelah. Teruskan.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat mencadangkan kerajaan mengurangkan atau menghapuskan tanggungan untuk kesihatan sebab yang lain-lain negara mengadakan skim tersebut sebab perbelanjaan untuk *medical* mereka terlalu tinggi. Di Malaysia kita tadi Yang Berhormat pun kata 90 peratus *medical cost* ditanggung oleh kerajaan kita. Bukankah kita sangat bersyukur? Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat *missed* saya punya *point*. Fasal kerajaan menampung 90 peratus daripada kos kesihatan, sistem ini akan jadi satu sistem atau satu model yang tidak boleh di*sustain* pada jangka masa panjang. Macam saya cakap *last year* sahaja sudah RM22 bilion dan ia akan meningkat.

Dia akan meningkat. Kalau kita tidak *come up* dengan sebuah model, dia akan sampai satu hari nanti model yang kita pakai ini, sistem yang kita ada ini akan *collapse*.

Saya tidak bermaksud supaya kita kena kurang bajet kita. Apa yang saya cadang ialah kerajaan kena cari jalan untuk menampung kenaikan atau kalau tidak boleh menampung kenaikan untuk membantu rakyat menghadapi kenaikan kos dengan cara apa pun. Macam saya cakap tadi, sama ada dengan mengenakan peraturan-peraturan. Akan tetapi kalau kita tengok selama ini, ada peraturan untuk mengawal *fee* tetapi gagal juga fasal banyak alasan, banyak sebab.

Pada saya kita kena cari satu kos atau satu cara, satu jalan untuk membantu rakyat menampung keperluan kesihatan. Kalau kerajaan mampu. Macam saya cakap tadi 30 peratus dari katil *in patient* katil ini datangnya daripada pihak swasta. Kalau kerajaan dapat menambah lagi hospital, mungkin rakyat orang awam tidak perlu pergi ke swasta. Akan pergi ke kerajaan dan kerajaan menampung 98 peratus okey. Akan tetapi kalau tidak salah, kalau kita tengok bajet *last year*, tahun lepas punya bajet *and I stand corrected, I* ingat dalam bajet hanya ada peruntukan untuk dua hospital sahaja. Satu di semenanjung dan satu di Sabah kalau tidak salah.

So pada saya kerajaan tidak mampu. Bukan sini sahaja. Mana-mana dalam dunia kerajaan tidak boleh tanggung 100 peratus daripada kos perubatan. Maka kena wujudkan skim kesihatan. Itu tujuan saya supaya orang awam tidak kena *face* satu harga yang tinggi. Saya akui kalau kita pergi hospital awam kerajaan RM1 untuk *treatment,* saya ingat paling murah dalam dunia. Akan tetapi macam saya cakaplah model macam ini tidak boleh *sustain*. Itu sahaja *point* sahaja mengenai kesihatan awam.

Tuan Yang di-Pertua saya hendak pergi ke topik yang kedua...

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan. Kedua, ketiga?

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Topik yang kedua. Yang pertama itu kesihatan awam. Ini topik yang kedua. Saya ada tiga topik sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Topik yang kedua ini berkenaan dengan kematian dalam tahanan. Kematian dalam tahanan atau dengan izin, *custodial death*. Dalam topik ini saya akan menyentuh dua isu. Dalam kematian dalam tahanan. Apa yang amat membimbangkan ialah kematian dalam tahanan masih terus berlaku, terutama tahanan dalam polis dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbincangan atau perbahasan mengenai kematian dalam tahanan dengan memetik satu *quote* daripada keputusan yang dibuat oleh Justice Lee Swee Seng pada bulan Jun tahun 2010 dalam kes kematian Allahyarham Mohamad Anwar.

Kalau saya boleh *quote,* dengan izin, Justice Lee telah cakap *the safest place to be in should not by default be turned into the most dangerous place to be taken into*. Maksud dia lokap polis *is supposed to be the safest place*. Balik kepada kematian dalam tahanan, kalau kita tengok sekarang, sudah lima tahun selepas penghakiman Justice Lee. Selepas lima tahun, pada tahun ini sahaja, kalau kita tengok kematian dalam tahanan polis masih berlaku dan pada tahun ini sahaja, tahun 2015, hingga bulan Mac, sebanyak enam kematian dalam tahanan polis dan kalau kita tengok purata dua kes sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, kematian dalam tahanan ini memberi satu imej yang buruk kepada sistem keadilan jenayah di Malaysia dan kematian sedemikian sebenarnya memalukan negara dan tidak sepatutnya berlaku. Pada tahun lepas saya pernah baca satu laporan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang telah melaporkan bahawa antara tahun 2000 hingga tahun 2013 dalam tempoh 13 tahun ini telah berlaku 231 kematian dalam tahanan. Pada saya sukar untuk memahami kenapa kematian dalam tahanan masih boleh berlaku. Sama ada secara tidak sengaja, atas kecuaian polis atau dengan sengaja. Apa alasan pun dia tidak sepatutnya berlaku.

Akan tetapi dalam konteks kematian dalam tahanan ini saya hendak balik kepada satu jaminan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri di mana Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi telah mengumumkan bahawa kerajaan tidak akan bertolak-ansur dengan mana-mana penyalahgunaan kuasa yang menyebabkan kematian dalam tahanan dan sekiranya ada, kerajaan akan ambil tindakan yang tegas terhadap pesalah-pesalah yang melakukan perbuatan itu.

Saya harap janji Yang Berhormat Menteri ini bukan janji yang kosong dan pada saya Yang Berhormat Menteri dan juga kerajaan mempunyai satu peluang yang baik untuk membuktikan bahawa jaminan beliau bukan satu jaminan atau bukan satu janji yang kosong. Baru-baru ini tiga Mahkamah Koroner iaitu dalam kes P. Karuna Nithi, dalam kes Chandran dan dalam kes Sugumar ketiga-tiga mahkamah ini telah memutuskan bahawa kematian ketiga-tiga orang ini adalah disebabkan oleh satu, kecuaian pihak polis atau dua, kegagalan pihak polis. Bukan dengan sengaja. Oleh kecuaian atau kegagalan dan dalam keputusan Mahkamah Koroner itu, mahkamah koroner itu pun telah memutuskan bahawa terpulang kepada polis dan terpulang kepada *AG Chambers* untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab atas kematian-kematian ini.

Pada saya ini satu peluang yang baik bukan sahaja untuk Yang Berhormat Menteri tetapi juga untuk Jabatan Peguam Negara *AG Chambers* untuk membuktikan bahawa kerajaan benar-benar *stand by* apa yang telah mereka umumkan bahawa tindakan akan diambil kepada mereka yang terlibat. Salah satu cara kerajaan boleh membuktikan bahawa kerajaan benar atau pegang kepada jaminan ialah dengan mendedahkan secara terbuka tindakan yang telah diambil kepada mereka yang bersalah atas kejadian-kejadian...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, waktu kita sekarang tepat pukul 5.30 petang. Yang Berhormat boleh sambung balik besok selama enam minit ya.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Baik. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan masa bersidang kita pada hari ini saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat sekalian bahawa barang siapa di antara Yang Berhormat yang ingin turut serta membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya menghantarkan nama kepada saya ataupun Tuan Yang di-Pertua secepat mungkin bagi memudahkan kita mengaturkan masa Yang Berhormat berbahas pada hari esok hingga 16 hari bulan iaitu Selasa hingga Khamis. Kita masih ada tiga hari lagi. Jadi tolonglah. Saya minta dan saya mohon kerjasama Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 14 April 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.]

LAMPIRAN

TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN

TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin Wabihi Nasta'iin

Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh

dan Salam Sejahtera

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, Beta memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sukacita Beta mengajak Ahli-Ahli Yang Berhormat menjadikan penggal Parlimen ini sebagai waktu terbaik untuk membuka lembaran baru, dengan niat dan tekad yang positif, setelah negara mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan di sepanjang tahun 2014. Beta berharap segala ujian yang ditempuhi lebih menguatkan Malaysia sebagai satu negara bangsa yang berdaulat demi masa depan yang lebih sejahtera.

Pada hemat Beta, Kerajaan telah melakukan yang terbaik sepanjang tahun 2014 dalam aspek pengurusan ekonomi dan pentadbiran negara. Beta dapat memperhatikan perubahan-perubahan positif hasil daripada Dasar Transformasi Nasional. Dasar tersebut merangkumi agenda besar transformasi negara, antaranya Program Transformasi Kerajaan atau GTP dan Program Transformasi Ekonomi atau ETP yang telah dilaksanakan secara konsisten di bawah kepimpinan Mamanda Perdana Menteri di mana negara terus makmur dan dihormati di arena antarabangsa.

Negara turut diuji dengan beberapa peristiwa yang tidak diduga seperti tragedi pesawat MH370 dan pesawat MH17 serta bencana banjir besar luar biasa di beberapa negeri. Beta dan Raja Permaisuri Agong sama berduka dan berdoa supaya ahli keluarga mangsa tragedi pesawat tersebut mendapat ketenangan dan memperoleh penyelesaian yang terbaik. Di samping itu, Beta dan Raja Permaisuri Agong juga bersimpati dan berdoa agar mangsa bencana banjir terus tabah menghadapi ujian ini.

Beta amat berbangga dan mengucapkan penghargaan kepada pegawai-pegawai Kerajaan, anggota pasukan keselamatan dan semua pihak dari pelbagai kaum yang

merangkumi badan bukan Kerajaan, badan korporat, golongan belia, wanita mahupun individu yang telah menunjukkan semangat kesukarelawanan dan menyumbangkan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana tersebut. Berbekalkan semangat waja dan jati diri tinggi serta disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh, rakyat dan negara ini mampu bangkit untuk membina masa hadapan yang lestari. Beta amat yakin bahawa bersama segala kesulitan yang dihadapi ini, akan ada rahmat yang menanti, InshaaAllah. Mengambil pengajaran daripada bencana ini juga, Beta ingin mengingatkan bahawa bencana alam yang semakin ketara mutakhir ini bukan sahaja disebabkan perubahan iklim semata-mata, malah berpunca daripada ketamakan manusia dalam mengeksploitasi alam semula jadi. Oleh itu Beta menyeru semua pihak supaya sentiasa menyeimbangkan antara keperluan pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar.

Beta juga berharap proses bantuan dan pemulihan semula infrastruktur di kawasan-kawasan yang terlibat dengan bencana banjir besar ini dapat dilaksanakan dengan kadar yang seberapa segera. Ini termasuklah pembinaan rumah-rumah kekal dan pembaikan rumah-rumah yang mengalami kerosakan teruk akibat bencana tersebut. Inisiatif Kerajaan Beta untuk membina rumah-rumah kekal dalam tempoh masa yang singkat dengan menggunakan reka bentuk yang seragam amat dialu-alukan tatkala mereka yang terlibat amat memerlukan kediaman yang baru untuk meneruskan kehidupan. Justeru, Beta ingin melihat semua pihak yang terlibat termasuk kerajaan-kerajaan negeri bersama-sama berganding bahu membantu proses pemulihan dan pembangunan semula rumah-rumah mangsa terlibat. Selain itu, Beta juga menyeru persiapan yang rapi dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri serta semua pihak termasuk di peringkat akar umbi agar sentiasa bersiap siaga dalam pengurusan bencana pada masa hadapan supaya kita dapat bersama-sama menghadapi apa jua musibah yang mendatang kelak dengan lebih berkesan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kepada Kerajaan, khususnya Mamanda Perdana Menteri, Beta ucapkan tahniah kerana sekali lagi mencatatkan sejarah yang begitu bermakna dengan pemilihan Malaysia sebagai Anggota Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi tempoh 2015 hingga 2016 dan pelantikan sebagai Pengerusi ASEAN 2015. Ini jelas memperlihatkan pengiktirafan masyarakat antarabangsa yang berterusan terhadap ketokohan pemimpin negara di persada antarabangsa. Sesungguhnya pencapaian ini adalah kejayaan yang amat besar yang seharusnya menjadi kebanggaan rakyat lebih-lebih lagi ia dapat meningkatkan martabat negara ke tahap yang lebih tinggi.

Beta menyambut baik usaha-usaha berterusan memperkukuh kawalan keselamatan dan ketenteraman awam khususnya menangani ancaman pengganas di Sabah, dan membendung penularan fahaman ekstrem dalam kalangan rakyat seperti kegiatan militan Islamic State. Lanjutan daripada pembentangan Kertas Putih berhubung ancaman militan, Kerajaan juga bercadang mewujudkan undang-undang berhubung anti-keganasan. Beta menyeru agar rakyat berwaspada dengan propaganda golongan ini, dan mengawasi ahli keluarga masing-masing, supaya tidak terpedaya dengan dakyah menyalahgunakan konsep jihad atas nama agama. Sama-samalah kita menghayati ajaran Islam yang sebenar.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ekonomi negara masih berkembang meskipun negara sedang berhadapan dengan persekitaran global yang mencabar seperti kejatuhan harga minyak mentah dan komoditi serta turun-naik nilai mata wang. Ini disebabkan Kerajaan Beta telah melaksanakan strategi dan langkah-langkah yang jelas bagi memastikan asas ekonomi dan kewangan negara terus kukuh serta berdaya tahan agar pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat terus terjamin. Beta mengucapkan tahniah kepada Mamanda Perdana Menteri di atas langkah proaktif untuk menangani cabaran ini dengan menjajar semula dasar-dasar ekonomi dan melakukan konsolidasi fiskal. Dalam hal ini,

walaupun hasil Kerajaan akan berkurangan, namun pembangunan ekonomi kekal seimbang, inklusif dan mampan. Perancangan pembangunan untuk kebajikan rakyat tidak dipinggirkan, bahkan ia akan diteruskan khususnya dalam memastikan kesejahteraan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Oleh itu, Beta mengajak semua rakyat agar bersatu, yakin dan positif pada tempoh yang mencabar ini agar segala yang dirancang dan diikhtiarkan akan terlaksana jua dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala.

Beta juga yakin pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan membantu memperkukuhkan kewangan negara. Oleh itu, Beta menyeru seluruh rakyat untuk bersama-sama menjayakan inisiatif ini seperti yang dilakukan oleh rakyat di banyak negara lain yang telah melaksanakan GST, dan seterusnya dapat menikmati faedah-faedahnya dalam jangka panjang. Dalam pada itu, Beta menyeru agar Kerajaan bersama rakyat melipat gandakan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan bagi mengelakkan peniaga mengambil kesempatan menggunakan alasan GST untuk menaikkan harga yang boleh membebankan rakyat kelak.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, tahun ini berakhirnya Rancangan Malaysia Kesepuluh, dan bagi memastikan kesinambungan pembangunan sosioekonomi negara, Kerajaan Beta akan membentangkan Rancangan Malaysia Kesebelas di Dewan yang mulia ini. Penggubalan Rancangan Malaysia Kesebelas adalah lebih mencabar kerana ia juga perlu memberi perhatian kepada usaha-usaha mitigasi dan pemulihan pasca bencana banjir luar biasa, selain menangani cabaran global. Beta berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat membahaskannya secara jujur dan konstruktif demi kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Semua pihak hendaklah menumpukan usaha yang lebih bersungguh-sungguh untuk membangunkan negara, memandangkan kita hanya mempunyai tempoh lima tahun lagi untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Selaras dengan strategi pengukuhan ekonomi dan daya saing negara, usaha-usaha untuk meningkatkan pelaburan dan mengukuhkan perdagangan perlu dipergiatkan, terutamanya dengan kewujudan Komuniti Ekonomi ASEAN. Selain itu, penubuhan Majlis Eksport Negara akan memperkukuhkan rantaian eksport produk, logistik dan pengeluaran bagi melonjakkan eksport negara. Di samping Kerajaan menyediakan persekitaran pelaburan yang kondusif, rakyat juga perlu memainkan peranan dengan mengekalkan keharmonian dan kestabilan negara bagi menambat hati pelabur.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam sektor pertanian pula, Beta berharap pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara terus dimantapkan dengan usaha-usaha baharu yang menekankan kepada teknologi tinggi bagi menambah pengeluaran, menghasilkan produk-produk baharu bernilai tambah tinggi serta berupaya memenuhi permintaan yang semakin meningkat termasuk dari luar negara. Beta juga sukacita dengan kejayaan Kerajaan mencapai kesepakatan dengan negara-negara strategik untuk menstabilkan harga getah sebagai strategi mengatasi masalah kejatuhan harga komoditi tersebut. Beta berharap kerjasama seperti ini dapat dipertingkatkan bagi menstabilkan harga komoditi lain. Pada masa yang sama Kerajaan Beta akan sentiasa membantu pekebun-pekebun kecil supaya pendapatan mereka tidak terjejas melalui pemberian bantuan dan insentif serta akan terus memperkasakan dan meningkatkan daya saing industri sawit dan getah.

Sektor pelancongan dan industri kreatif adalah antara penyumbang utama kepada pendapatan negara. Oleh itu Beta menyeru Kerajaan agar lebih agresif memperkenalkan produk-produk pelancongan baharu dan pada masa yang sama dapat menonjolkan kepelbagaian kebudayaan dan kesenian negara yang mampu menarik lebih ramai pelancong terutama dari luar negara. Pada masa yang sama, rakyat juga mempunyai peranan dalam mewujudkan persekitaran yang bersih dan suasana yang mesra pelancong di samping mempromosi tempat-tempat menarik melalui pelbagai saluran media termasuk media sosial.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan Beta akan sentiasa mendapat maklum balas konstruktif dari semua pihak susulan pelaksanaan program-program di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 dan pada masa yang sama akan terus melaksanakan penambahbaikan ke atas program-program tersebut. Selain itu, inisiatif Kerajaan menekankan bidang pendidikan vokasional dan teknikal telah mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat dalam usaha melahirkan modal insan berkemahiran tinggi. Beta juga menyambut baik pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia di peringkat Pengajian Tinggi yang memberi tumpuan melahirkan graduan berilmu, bersahsiah mulia, memiliki kemahiran keusahawanan dan memenuhi kehendak pasaran kerja. Selain itu, bagi menggalakkan rakyat Malaysia yang berdaya cipta dan berinovasi sama ada dalam kalangan usahawan, komuniti mahu pun individu, Kerajaan Beta sedang dan akan terus memperkukuh jaringan inovasi sosial berasaskan sains, teknologi dan inovasi.

Kerajaan Beta terus komited terhadap pengukuhan dan penyerlahan potensi belia untuk membuka peluang kepada generasi belia menerajui kepimpinan pada usia muda dan bersama-sama mencorakkan masa hadapan ke arah negara maju. Golongan belia hendaklah bangkit untuk menyahut cabaran ini dengan bersama-sama menjayakan Dasar Belia Malaysia yang diberi nafas baru, di samping berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan pembangunan jati diri bagi menghadapi persekitaran dunia yang semakin mencabar.

Sesungguhnya Perkhidmatan Awam adalah salah satu tonggak kepada pembangunan negara. Beta berbangga transformasi Perkhidmatan Awam telah mula menunjukkan kejayaan ke arah meningkatkan prestasi dan integriti serta merakyatkan Perkhidmatan Awam. Ini antara lain, terbukti melalui pencapaian Malaysia yang berjaya menduduki tempat kelapan belas pada tahun 2014 berbanding kedudukan kedua puluh pada tahun 2013 dalam Indeks Menjalankan Perniagaan oleh Bank Dunia. Tidak mustahil kedudukan ini boleh ditingkatkan lagi agar setanding dengan negara-negara maju pada masa hadapan. Oleh itu, Beta menyeru agensi-agensi Kerajaan supaya sentiasa kreatif dan inovatif mencari jalan untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

Negara telah membuktikan kesungguhan dalam inisiatif-inisiatif pencegahan rasuah dengan pencapaian memperbaiki kedudukan dalam Indeks Persepsi Rasuah 2014. Semoga indeks ini akan terus meningkat di kedudukan yang lebih baik pada masa hadapan melalui komitmen semua pihak bersama-sama Kerajaan memerangi rasuah secara menyeluruh agar perbuatan terkutuk ini dapat dibanteras. Ingatlah, rezeki yang halal itu akan melahirkan generasi yang mulia.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Beta bersyukur usaha-usaha meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat terus menjadi agenda penting Kerajaan agar kemakmuran negara dapat dinikmati oleh segenap lapisan rakyat dengan saksama. Oleh itu, Kerajaan akan terus melaksanakan projek-projek pembangunan termasuk yang berimpak tinggi di bandar yang mampu menjana aktiviti dan pertumbuhan ekonomi, menyediakan peluang pekerjaan serta meningkatkan hasil Kerajaan yang kemudiannya disalurkan untuk pembangunan luar bandar. Tumpuan akan terus diberikan kepada pembangunan luar bandar dengan melaksanakan projek-projek kemudahan asas secara meluas dan inklusif terutamanya di kawasan pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak termasuk perkampungan Orang Asli. Selain itu pelaksanaan program-program transformasi luar bandar akan diteruskan.

Kesihatan amat penting untuk kehidupan bahagia dan kesejahteraan ekonomi. Justeru, Kerajaan Beta sedang berusaha melaksanakan Transformasi Sistem Kesihatan Negara untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan agar lestari dan lebih responsif terhadap

keperluan kesihatan rakyat. Kerajaan Beta juga akan memastikan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah dapat menikmati perkhidmatan kesihatan awam yang berkualiti dan perkhidmatan kesihatan swasta pada caj yang berpatutan. Perkhidmatan penjagaan dan fasiliti kesihatan akan dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan rakyat di bandar dan luar bandar. Pada masa yang sama, Beta menyeru rakyat terus meningkatkan amalan gaya hidup sihat dan menjaga kebersihan persekitaran dalam membendung kes-kes penyakit berjangkit atau tidak berjangkit.

Kerajaan Beta akan meneruskan usaha-usaha untuk menambah baik infrastruktur dan kemudahan pengangkutan awam, memperkasakan industri bekalan elektrik serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan bekalan air di seluruh negara.

Menyedari keperluan perumahan adalah isu yang berbangkit secara berterusan berikutan pertambahan penduduk, Kerajaan Beta sentiasa berusaha mencari mekanisme terbaik bagi memenuhi keperluan tersebut terutamanya untuk rakyat berpendapatan rendah dan sederhana. Ini termasuk menyediakan perumahan dengan harga yang berpatutan serta memudahkan golongan sasar mendapat pembiayaan.

Selain daripada isu perumahan, bagi meningkatkan pendapatan rakyat, Kerajaan turut memberi perhatian kepada pelaksanaan gaji minimum. Beta berharap pihak majikan sektor swasta dapat mencari pendekatan yang terbaik dengan pihak pekerja untuk melaksanakan gaji minimum secara berkesan demi kebaikan bersama.

Beta berpuas hati program kebajikan produktif akan terus ditambah baik bagi membantu penerima bantuan lebih berdikari. Berkaitan dengan ini juga, dasar dan undang-undang sedia ada mengenai institusi keluarga dan kanak-kanak akan diperkukuhkan. Khusus bagi golongan wanita, Beta berharap usaha yang lebih bersungguh-sungguh dilaksanakan untuk menyediakan sistem sokongan bagi membantu wanita mengimbangi tuntutan kerjaya dan keluarga yang merupakan antara cabaran sosial utama hari ini. Beta juga menyeru agar Kerajaan mempergiatkan lagi program-program untuk memperkasakan peranan wanita terutama dalam bidang ekonomi. Beta juga berterima kasih atas keprihatinan Kerajaan yang sentiasa memberi keutamaan kepada warga emas dan golongan orang kurang upaya untuk mengoptimumkan potensi diri dalam program-program pembangunan negara bagi memastikan kepentingan, kesejahteraan dan kebajikan mereka terpelihara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sesebuah negara majmuk seperti Malaysia amat memerlukan keharmonian dan kerukunan hidup antara rakyatnya yang pelbagai agama, kaum dan budaya. Beta yakin setiap rakyat cinta kepada perpaduan dan keamanan, namun terdapat segelintir pihak yang cuba menggugat perpaduan dengan mengadu domba dan menyebarkan fitnah dalam kalangan masyarakat termasuk di media sosial. Oleh itu, Beta ingin menasihatkan golongan ini supaya menghentikan terus perbuatan tidak bertanggungjawab tersebut dan pihak berkuasa hendaklah mengambil tindakan tegas terhadap pihak-pihak terbabit. Beta ingin menegaskan bahawa kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan hendaklah dipatuhi dan tidak dipersoalkan manakala agama-agama lain bebas diamalkan. Perbezaan pandangan dalam isu-isu keagamaan perlu dirujuk kepada pihak berkuasa dan tidak wajar dipolemikkan. Konsep kebebasan bersuara juga hendaklah diamalkan dengan bertanggungjawab dan tidak menimbulkan sebarang ketegangan dalam kalangan rakyat. Selain itu, sebagai sebuah negara Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, kita sentiasa berpegang kepada prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang. Beta menyeru agar semua pihak faham bahawa sistem pemisahan kuasa di antara badan eksekutif, legislatif dan kehakiman telah dilaksanakan mengikut lunas undang-undang. Percayalah, tidak ada yang lebih baik daripada bumi bertuah ini. Oleh itu sayangi tanah tumpah darah ini, hormati dan berbaik sangkalah antara kita, demi keharmonian dan kesejahteraan bersama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Malaysia, yang mengamalkan pendekatan wasatiyyah hanyalah sebuah negara kecil dalam peta dunia tetapi namanya gah setanding negara-negara lain di dunia ini. Tambah membanggakan apabila Mamanda Perdana Menteri telah memainkan peranan dalam penubuhan Indeks Maqasid Syariah Antarabangsa baru-baru ini. Ia bagi mengukuhkan komitmen Malaysia terhadap pelaksanaan syariat Islam berdasarkan matlamat Maqasid Syariah yang bertujuan memelihara agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Seterusnya, paling bertuah, rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama dapat menikmati hidup dalam suasana aman damai. Semua ini hanya dapat dikekalkan jika setiap rakyat bersikap hormat-menghormati dan saling bekerjasama untuk memastikan negara terus stabil dan harmoni. Oleh itu Beta menyeru semua Ahli Yang Berhormat agar sentiasa menunjukkan teladan terbaik kepada rakyat dalam memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Hayatilah titah Beta ini dan berbahaslah secara berhemah dan tertib di Dewan yang mulia ini.

Beta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh Anggota Perkhidmatan Awam, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia serta semua pihak yang telah menyumbang ke arah keamanan, pembangunan dan kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

Akhir titah, Beta dan Raja Permaisuri Agong berdoa semoga negara yang tercinta ini akan terus maju dan dilimpahi rahmat dan nikmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.